

Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk



# Siri Penjelajah Visual Alkitab



## Cerita Kehidupan Yesus

Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga Pemuliaan

Jilid 2: Yesus – Penyelamat

**Buku Panduan Guru Untuk  
semua peringkat Umur**

✝ Penerbitan Buku Kristian

SAMPLE

---

# Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk Siri Penjelajah Visual Alkitab

---

berdasarkan

## Cerita Kehidupan Yesus

Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga  
Pemuliaan

Jilid 2: Yesus – Penyelamat

**Buku Panduan Guru  
Untuk semua peringkat Umur**

---

# Hak Cipta



Diterbitkan buat pertama kali di Malaysia oleh  
Pristine World Sdn Bhd pada 2023

Hak cipta © 2023 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan atau multimedia ini tidak boleh disalin, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotostat, rakaman, imbasan, atau cara-cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB VERSI BORNEO.  
Hak cipta © 2015.

'Dipetik daripada Alkitab  
© Borneo Sabda Limited'

## Penghargaan

Pristine World ingin mengucapkan terima kasih kepada Goh Kim Guat, Lydia Wong Hwei Ming, Chew Bee Bee dan Samantha Yong kerana meluangkan masa membantu dalam pengembangan Buku Aktiviti Pelajar untuk siri ini.

Pristine World juga ingin mengucapkan sebanyak-banyak 'Terima Kasih' kepada Gospel Hall PJ dan juga Sekolah Minggu Gereja Methodist Seremban, Taman Ujong untuk maklum balas dan ulasan dalam pengembangan buku-buku kerja dalam siri ini. Terima kasih kepada Rev Dr Herbert Tan kerana menyemak draf untuk memastikan ketepatan menurut Alkitab.

Pristine World turut merakamkan penghargaan kepada Puan Goh Phing Choo dan Eunice Ng kerana membantu membaca prof buku-buku ini.

# Carta Ringkasan Pelayanan Kristus

Peristiwa	Tempat	Tarikh (anggaran)
1. Kelahiran Yesus	Betlehem	4 -6 SM
2. Pembaptisan Yesus	Sungai Yordan	26 TM
3. Yesus dicuba Syaitan	Tanah Gurun	26 TM
4. Yesus memanggil murid pertama-Nya	Kapernaum, Tasik Galilea	27 TM
5. Yesus memilih 12 murid	Kapernaum	28 TM
6. Khutbah di atas Bukit	Galilea	28 TM
7. Yesus meredakan angin ribut dan menyembuhkan anak perempuan Yairus	Tasik Galilea Kapernaum	28 TM
8. 12 murid diutus keluar berkhotbah dan menyembuhkan orang	Kapernaum	28 TM
9. Herodes Antipas membunuh Yohanes Pembaptis	Machaerus	29 TM
10. Yesus memberi makan orang ramai lalu berjalan di atas air	Dekat Betsaida Tasik Galilea	29 TM
11. Petrus mengatakan Yesus itu Anak Tuhan	Kaisarea Filipi	29 TM
12. Yesus dimuliakan	Puncak gunung	seminggu kemudian
13. Yesus membangkitkan Lazarus yang mati	Betania	Hujung 29 TM
14. Yesus memulakan perjalanan terakhir ke Yerusalem	Betania	30 TM
15. Yesus bertemu Zakheus	Yerikho	30 TM
16. Yesus masuk ke Yerusalem dan tinggal di sana buat minggu terakhir	Yerusalem	30 TM Isnin hingga Khamis
17. Penyaliban	Yerusalem	Jumaat
18. Kebangkitan	Yerusalem	Ahad
19. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 10 murid	Yerusalem	Ahad
20. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 11 murid (termasuk Tomas)	Yerusalem	Seminggu kemudian
21. Yesus berbual dengan beberapa murid	Tasik Galilea	-
22. Yesus naik ke syurga	Bukit Zaitun, Yerusalem	40 hari

\* Anggaran tarikh tambah tolak 2 tahun

# Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1

---

## ISI KANDUNGAN

---

Ringkas Pelajaran		6
Pelajaran 1	Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal	14
Pelajaran 2	Kelahiran Yesus Diramal	16
Pelajaran 3	Kelahiran Yesus	18
Pelajaran 4	Bintang dan Ahli ilmu Bintang	20
Pelajaran 5	Yohanes Pembaptis	22
Pelajaran 6	Pencubaan Yesus	24
Pelajaran 7	Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia	26
Pelajaran 8	Panggilan 12 Murid	28
Pelajaran 9	Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa	30
Pelajaran 10	Kuasa Mengampun Dosa	32
Pelajaran 11	Ucapan Bahagia	34
Pelajaran 12	Khutbah Di Bukit	36
Pelajaran 13	Iman, Kuasa dan Kewibawaan	38
Pelajaran 14	Yesus dan Anak Perempuan Yairus	40
Pelajaran 15	Memberi Makan Kerumunan Besar	42
Pelajaran 16	Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias	44
Pelajaran 17	Pemuliaan	46

# Cerita Kehidupan Yesus Jilid 2

---

## ISI KANDUNGAN

---

Ringkas Pelajaran	48
Pelajaran 18 Perempuan Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati	56
Pelajaran 19 Kepentingan Bersikap Rendah Hati	58
Pelajaran 20 Ibarat Tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai	60
Pelajaran 21 Yesus dan Lazarus	62
Pelajaran 22 Yesus dan Zakheus	64
Pelajaran 23 Yesus Masuk ke Yerusalem	66
Pelajaran 24 Yesus dan Nikodemus	68
Pelajaran 25 Perjamuan Tuhan	70
Pelajaran 26 Jamuan Paskah dan Ertinya	72
Pelajaran 27 Taman Getsemani	74
Pelajaran 28 Yesus Dihakimi oleh Orang Yahudi	76
Pelajaran 29 Yesus Menghadap Pilatus	78
Pelajaran 30 Penyaliban	80
Pelajaran 31 Jam Selepas Penyaliban	82
Pelajaran 32 Kebangkitan	84
Pelajaran 33 Sarapan Terakhir	86
Pelajaran 34 Perintah Untuk Memberitakan Injil	88
Nota	90

## Ringkasan Pelajaran

No	Tajuk Pelajaran	Rujukan Alkitab	Pengajaran daripada cerita Alkitab	Tanda-tanda dan Mukjizat
1	<b>Kelahiran Yohanes Pembaptis diramal</b>	Lukas 1:5-25	Misi kehidupan Yohanes diberikan sebelum kelahirannya. Dia harus menyiapkan jalan bagi Mesias.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Malaikat Gabriel menampakkan diri kepada Zakharia.</li> <li>2. Elisabet yang sudah tua akan mengandung anak lelaki.</li> <li>3. Zakharia dihukum menjadi bisu kerana tidak percaya, tetapi kembali bertutur setelah anaknya Yohanes dilahirkan.</li> </ol>
2	<b>Kelahiran Yesus Diramal</b>	Lukas 1: 26-80	Walaupun tahu bahawa dia akan berhadapan dengan kesukaran pada masa akan datang, Maria percaya kepada kata-kata malaikat dan menyerahkan dirinya kepada rencana Tuhan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Malaikat Gabriel menampakkan diri kepada Maria.</li> <li>2. Maria yang masih dara akan hamil dan melahirkan seorang anak laki-laki.</li> </ol>
3	<b>Kelahiran Yesus</b>	Matius 1: 18-25; Lukas 2: 1-20	Yusuf patuh akan perintah Tuhan untuk menjadikan Maria sebagai isterinya.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Seorang malaikat berbicara kepada Yusuf dalam mimpinya.</li> <li>2. Satu angkatan malaikat muncul di depan para gembala lalu memberitahu mereka tentang berita baik itu. Para gembala mencari bayi Kristus di Betlehem dan menyembah-Nya.</li> </ol>
4	<b>Bintang dan Ahli ilmu Bintang</b>	Matius 2: 1-23 Lukas 1: 46-56; 2: 14-18	Mesias Tuhan dilahirkan dalam palung di Betlehem. Akan tetapi kelahiran-Nya diberi tanda sebuah bintang di syurga. Raja Herodes cuba untuk membunuh bayi Kristus, tetapi Tuhan tidak membenarkan hal itu berlaku.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Satu bintang yang terang menjadi petunjuk kepada orang majus atau orang bijaksana dari timur ke Betlehem di mana mereka menemui bayi Kristus lalu menyembah Dia.</li> <li>2. Tuhan melindungi Yusuf dan keluarganya dari Raja Herodes</li> </ol>
5	<b>Yohanes Pembaptis</b>	Lukas 3; Matius 3,4	Yohanes sedar bahawa Yesus yang harus membaptisnya, tetapi Yesus meminta untuk dibaptis kerana patuh kepada kehendak Tuhan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sejurus selepas Yesus dibaptis, langit terbuka lalu Roh Kudus berupa seperti burung merpati turun ke atas-Nya.</li> <li>2. Kedengaran suara dari langit yang mengisytiharkan Yesus sebagai Anak Tuhan.</li> </ol>

Cadangan Bacaan Umum	Nubuat yang dibuat atau sudah digenapi	Kebenaran Alkitab	Ayat Hafalan	Tujuan Pelajaran
Lukas 1: 8-17	Maleakhi 4:5,6 (400 SM) Seorang nabi seperti Elia akan menyiapkan jalan bagi Mesias.	Tuhan telah memilih kita sebelum kita dilahirkan dan mempunyai tujuan bagi setiap kehidupan kita.	Yeremia 29:11	Supaya anak-anak mengucapkan syukur kepada Tuhan karena Dia mempunyai rencana bagi hidup mereka.
Lukas 2:26-37	Yesaya 7:14 (700SM) Seorang anak dara akan melahirkan Mesias	Apa pun kesukaran yang kita hadapi, percayalah bahwa Tuhan akan sentiasa menepati janji-Nya kepada kita	Lukas 1:38	Supaya anak-anak akan percaya kepada Tuhan, seperti Maria percaya kepada-Nya; lailu Tuhan akan sentiasa menepati janji-Nya.
Lukas 2:8-18	Yesaya 9:6-7 (700 SM) Mesias akan datang sebagai seorang bayi	Kita dipanggil untuk taat kepada Tuhan walaupun kita tidak faham apa yang dilakukan-Nya.	1 Samuel 15:22b	Supaya anak-anak akan memilih untuk sentiasa taat kepada Tuhan.
Matius 2:1-15	Mikha 5:2 (700 SM) Mesias akan dilahirkan di Betlehem. Bilangan 24:17 (kira-kira 1400 SM) Sebuah bintang akan bangkit dari Israel	Tuhan akan sentiasa melingungi umat-Nya ketika mereka berjalan dalam ketaatan kepada-Nya.	Mazmur 91:14	Supaya anak-anak sedar bahawa Tuhan akan selalu melindungi mereka ketika mereka belajar untuk taat kepada-Nya.
Lukas 3: 1-22	Yesaya 40:3 Yohanes akan menyiapkan jalan bagi Mesias	Walaupun Yesus Anak Tuhan, Dia tetap taat dan menurut kehendak Tuhan.	Ibrani 5:8	Supaya anak-anak meneladani Yesus dan taat dalam mengikuti apa yang dikehendaki Tuhan untuk mereka.


No	Tajuk Pelajaran	Rujukan Alkitab	Pengajaran daripada cerita Alkitab	Tanda-tanda dan Mukjizat
6	<b>Pencubaan Yesus</b>	Matius 4:1-11	Yesus tahu bahawa Dia boleh melakukan mukjizat, tetapi Dia tidak akan menggunakan kuasa tersebut untuk kepentingan diri. Dia memetik ayat dalam Perjanjian Lama dan mengusir syaitan dari situ.	Iblis menggoda Yesus untuk melakukan mukjizat dengan kuasa-Nya, tetapi Yesus menolak dan mengusir iblis dari situ. Yesus tidak mahu melakukan sebarang mukjizat yang bertujuan untuk kepuasan diri sendiri. Mukjizat dilakukan hanya dalam kehendak dan tujuan Tuhan.
7	<b>Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia</b>	Lukas 5:1-11, 27-32	Bukan kerana kelayakan mereka tetapi iman dan kesanggupan untuk mengikut Dia. Inilah yang melayakkan mereka untuk dipanggil.	Yesus menolong 4 orang pengikut terawal-Nya menangkap ikan yang sangat banyak.
8	<b>Panggilan 12 Murid</b>	Yohanes 1:43-51; Lukas 6:12-16	Yesus berdoa sebelum memilih dua belas pengikut-Nya. Mereka akan belajar dari-Nya dan kemudian menjadi peneraju penting dalam mewujudkan gereja-Nya.	Yesus memberitahu Natanael apa yang dilakukannya walaupun tidak pernah berjumpa dengannya sebelum ini.
9	<b>Kuasa Menyembuhkan dan Mengampuni Dosa</b>	Matius 4:23-25; Lukas 5:12-16	Yesus berjalan di seluruh Galilea untuk mengajar dan menyembuhkan. Dia menyembuhkan orang yang berpenyakit kusta.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus berkhotbah dan menyembuhkan ramai orang di sekitar Galilea</li> <li>2. Yesus menyembuhkan pesakit kusta</li> </ol>
10	<b>Kuasa Mengampun Dosa</b>	Markus 2:1-12	Para guru Taurat mempersoalkan wibawa Yesus untuk mengampuni dosa. Yesus menunjukkan kewibawaan-Nya dengan menyembuhkan seorang lelaki lumpuh.	Yesus menyembuhkan seorang lelaki lumpuh di Kapernaum
11	<b>Ucapan Bahagia</b>	Matius 5:3-12	Pelajaran tentang ucapan bahagia-bahagian pertama dalam khutbah Yesus di atas bukit.	

Cadangan Bacaan Umum	Nubuat yang dibuat atau sudah digenapi	Kebenaran Alkitab	Ayat Hafalan	Tujuan Pelajaran
Matius 4:1-11	/	Kita harus mencontohi Yesus yang tahu dan boleh menggunakan Firman Tuhan untuk membantu kita ketika menghadapi pencubaan.	Matius 4:4	Supaya anak-anak mengambil langkah untuk mendalami Firman Tuhan agar dapat membantu mereka dalam masa pencubaan
Lukas 5:1-11	Lukas 5:10 '...Mulai sekarang, engkau akan menjala manusia'. Setelah Yesus naik ke syurga, para rasul yang diketuai oleh Petrus menjadi penjala manusia yang hebat.	Bukan kerana bakat atau keupayaan kita tetapi kesanggupan untuk mengikut Yesus yang melayakkan kita menjadi murid-Nya.	1 Samuel 16:7b	Supaya anak-anak akan sedar bahawa Tuhan melihat hati dan bukan keupayaan mereka ketika mereka mengikut Yesus.
Lukas 6:12-16	Yohanes 1:51 Yesus akan menjadi tangga kita ke syurga – sama seperti tangga Yakub dalam Kejadian 28:12-15	Kita harus berdoa jika ingin mengetahui kehendak Tuhan dalam hidup kita.	Filipi 4:6-7	Supaya anak-anak menjadikan doa sebagai perkara utama dalam hidup mereka.
Matius 4:23-25; Lukas 5: 12-16	Yesaya 35:4-6 (700 SM) Tuhan akan datang. Orang buta, tuli, bisu dan tempang akan disembuhkan.	Yesus sangat prihatin terhadap mereka yang menderita dan dipulaukan oleh orang lain.	Kolose 3:12	Supaya anak-anak berbelas-kasihan terhadap mereka yang disisihkan oleh orang lain.
Markus 2:1-12	Yesaya 35:4-6 (700 SM) Orang tempang akan melompat bersorak-sorai.	Yesus berkuasa untuk mengampuni dosa kita.	1 Yohanes 1:9	Supaya anak-anak yakin bahawa Yesus akan mengampuni dosa mereka sekiranya mereka insaf terhadap perbuatan tersebut.
Matius 5:3-12	/	Diberkatilah mereka yang melakukan perkara baik di mata Tuhan.	Matius 5:8	Supaya anak-anak akan terdorong apabila mengetahui bahawa mereka diberkati ketika mereka melakukan hal-hal yang benar di mata Tuhan.

No	Tajuk Pelajaran	Rujukan Alkitab	Pengajaran daripada cerita Alkitab	Tanda-tanda dan Mukjizat
12	<b>Khutbah di Bukit</b>	Matius 5: 13-48	Yesus mahu pengikut-Nya supaya benar-benar jelas tentang bagaimana Tuhan mahu umat-Nya menjalani kehidupan.	
13	<b>Iman, Kuasa dan Kewibawaan</b>	Matius 8:5-13 Markus 4:35-41;5:1-20	Yesus memuji iman ketua tentera Roma dan menyembuhkan hambanya. Yesus menunjukkan kewibawaan-Nya ke atas alam semulajadi dengan menenangkan ribut. Yesus menunjukkan kuasa dan wibawa-Nya dengan mengusir roh iblis.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus menyembuhkan hamba ketua tentera.</li> <li>2. Yesus menenangkan badai di Tasik Galilea.</li> <li>3. Yesus mengusir iblis dari orang yang kerasukan dan menyebabkan 2000 babi terjun ke jurang laut lalu mati lemas.</li> </ol>
14	<b>Yesus dan Anak Perempuan Yairus</b>	Markus 5:21-43 Matius 9: 18-23	Yesus menyembuhkan seorang perempuan yang menderita pendarahan dan membangkitkan budak perempuan dari kematian. Kedua-dua cerita ini menunjukkan betapa pentingnya iman kita ketika berurusan dengan Tuhan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus menyembuhkan perempuan yang menderita sakit pendarahan.</li> <li>2. Yesus menghidupkan semula budak perempuan yang sudah mati.</li> </ol>
15	<b>Memberi Makan Kerumunan Besar</b>	Matius 14:13-21	Yesus menyediakan makanan rohani dan fizikal untuk kerumunan yang besar. Yesus sekali lagi menunjukkan wibawa-Nya ke atas alam semulajadi di hadapan pengikut-Nya.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus menjadikan 5 roti barli dan 2 ikan supaya cukup untuk memberi makan kerumunan besar.</li> <li>2. Yesus berjalan di atas air.</li> </ol>
16	<b>Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias</b>	Matius 16: 13-26	Petrus mengisytiharkan Yesus sebagai Mesias, Anak Tuhan yang hidup. Murid-murid Yesus belum memahami bahawa Mesias mesti menderita dan mati sebagai korban bagi dosa manusia.	
17	<b>Pemuliaan</b>	Matius 17: 1-13	Yesus mengizinkan 3 murid terdekat-Nya untuk melihat diri-Nya dimuliakan bersama Musa dan Elia dalam sinaran yang berkilau. Penglihatan ini membantu mereka faham di kemudian hari bahawa Dia akan bangkit dari kematian.	Yesus dimuliakan dalam sinaran yang berkilau dan bercakap kepada Musa dan Elia. Satu suara kedengaran dari langit.

Cadangan Bacaan Umum	Nubuat yang dibuat atau sudah digenapi	Kebenaran Alkitab	Ayat Hafalan	Tujuan Pelajaran
Matius 5: 13-16	Ulangan 18:18 (kira-kira 1400 SM) Musa telah bernubuat bahawa Tuhan akan menghantar seorang nabi berbangsa Israel yang akan mengajar mereka	Tuhan mahu umat-Nya untuk hidup dalam jalan yang menyenangkan hati-Nya	Matius 5: 16	Supaya anak-anak terdorong untuk hidup dalam cara yang mereka tahu akan menyenangkan Tuhan
Markus 4: 35-41	/	Yesus berkuasa ke atas semua perkara termasuk kesihatan, alam dan perkara rohani.	Markus 4: 41	Supaya anak-anak akan menyerahkan ketakutan mereka terhadap penyakit, alam semulajadi atau roh jahat kepada Yesus kerana Dia berkuasa ke atas semua perkara.
Markus 5: 22-24; 35-43	/	Yesus mahu supaya kita beriman kepada-Nya meskipun kita berhadapan dengan orang-orang yang tidak percaya.	Markus 5: 36	Supaya anak-anak belajar meletakkan kepercayaan mereka kepada Tuhan walaupun orang di sekeliling mereka tidak percaya.
Matius 14: 13-21	/	Yesus peduli akan keperluan fizikal umat-Nya.	Mazmur 23:1	Supaya anak-anak memuji Tuhan kerana mengambil berat terhadap keperluan fizikal mereka.
Matius 16: 13-26	Matius 16:21 Yesus bernubuat tentang penderitaan, kematian dan kebangkitan-Nya.	Yesus ialah Mesias yang dihantar oleh Tuhan untuk menderita dan mati sebagai korban untuk dosa-dosa dunia.	Matius 16:16	Supaya anak-anak mengabdikan hidup mereka kepada Yesus sebagai respon kepada kematian-Nya yang telah menjadi korban untuk dosa-dosa mereka.
Matius 17: 1-13	Matius 5: 17 dan Yohanes 5: 46 Yesus ialah penggenapan bagi Taurat dan Nabinabi yang diwakili oleh Musa dan Elia.	Ketika kita berjalan dalam iman bersama Tuhan, Dia akan menyatakan perkara yang dekat dengan hati-Nya.	Matius 17:5	Supaya anak-anak sedar bahawa jika mereka taat kepada Tuhan, Dia akan menunjukkan perkara yang dekat dengan hati-Nya

# Peta Pelayanan Kristus di Sekitar Galilea



## Wilayah Galilea

Yesus membesar di wilayah Galilea. Ia diperintah oleh Herodes Antipas. Di tempat inilah Yesus memulakan pelayanan awam-Nya dan melakukan banyak mukjizat. Antara tiga wilayah Palestin – Galilea, Samaria dan Yudea, Galilea terletak di kawasan paling utara. Ia merupakan sebuah wilayah kecil dengan kepanjangan kira-kira 70 km (44 batu) dan kelebaran 40km (25 batu). Galilea mempunyai kawasan hutan yang tebal dan tanah yang subur. Kawasan di sebelah timur berdekatan dengan Sungai Yordan dan Tasik Galilea

## Laut Galilea (atau Tasik Galilea)

Laut Galilea atau Tasik Galilea digelar dengan pelbagai nama. Dalam Injil Yohanes, ia disebut sebagai Laut Tiberias atau Genesaret. Maksud perkataan ini diambil dari Bahasa Ibrani yang bererti 'Kecapi'.

Ini kerana tasik itu berbentuk seperti kecapi yang disebut dalam Alkitab. Tasik Galilea merupakan tasik air tawar yang paling rendah di dunia, kira-kira 207m atau 680 kaki di bawah paras laut. Kedalaman maksimumnya ialah kira-kira 45, atau 150 kaki. Ia berukuran 20km panjang dan 11km di tempat yang paling lebar. Rujuk kepada Peta Galilea.

# Bagaimana Menggunakan Buku Aktiviti Pelajar dan Panduan Guru

## Menggunakan Buku ini sebagai Buku Pengiring

Buku aktiviti pelajar ini direka sebagai buku pengiring lalu paling baik digunakan bersama buku multimedia "Siri Penjelajah Visual Alkitab – Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1."

Dalam suasana sekolah Minggu atau kelas Alkitab Kanak-kanak, cikgu boleh mainkan pelajaran multimedia satu per satu dan seterusnya membahagikan kelas mengikut umur. Dalam kelompok umur, cikgu bolehlah menggunakan buku aktiviti pelajar ini untuk menegas semula pengajaran yang telah disampaikan melalui multimedia.

## Menggunakan Buku tanpa Multimedia

Kami faham bahawa bukan semua kelas mempunyai manfaat menggunakan buku multimedia. Kelas Alkitab boleh dijalankan menggunakan Buku Aktiviti Pelajar dan Alkitab. Dalam kes ini, amat penting untuk seseorang membacakan petikan yang diberi untuk pelajaran.

## Penggunaan Buku Panduan Guru

1. Baca Ringkasan Pelajaran / Objektif. Ini akan memberikan sekilas pandang tentang pelajaran-pelajaran dalam buku ini.
2. Panduan untuk setiap pelajaran dibahagikan dalam dua muka surat. Baca muka surat pertama dan perhatikan Kebenaran Alkitab dan Aplikasi yang bakal anda ajarkan kepada kelompok umur yang spesifik. Muka surat kedua bagi setiap pelajaran mengandungi jawapan kepada soalan-soalan dalam buku aktiviti dan penerangan kepada jawapan dalam Soalan Kuiz dan Soalan Perbincangan multimedia.
3. Setiap pelajaran mempunyai 'Ayat Alkitab' yang turut disertai dengan multimedia tetapi jika anda mahu kelas membacakan ayat-ayat tersebut, anda disarankan untuk membaca bahagian yang lebih pendek dalam 'Cadangan Bacaan Umum'. Ia boleh ditemui dalam carta ringkasan pelajaran.

## Tempoh setiap Pengajaran

Kami cadangkan guru mengambil masa sekurang-kurangnya 40 – 50 minit untuk setiap pelajaran. Namun, jikalau sesuatu pelajaran tidak sempat dihabiskan dalam masa yang diperuntukkan, boleh bersambung pada minggu seterusnya. Sebaik-baiknya, satu pelajaran setiap minggu.

## Menjurnal respons mereka

Minta pelajar tulis jawapan mereka kepada soalan-soalan Respons, Penerapan dan Doa terus dalam buku. Seterusnya, buku boleh dijadikan jurnal atau album foto pengembangan rohani mereka sewaktu mereka mengambil pengembaraan penjelajahan dalam perjalanan Kristian mereka; tetapi ingatkan pelajar bahawa proses membesar memerlukan pembelajaran serta penerapan.

Semoga anda berkat ketika menggunakan Siri Penjelajah Visual Alkitab untuk belajar dan menerap pengajaran berharga daripada Alkitab.

Petre C.T Lim  
Pengarah  
Pristine World Sdn Bhd

# Pelajaran 1

## Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal

Berdasarkan Bab 1 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Malaiikat Gabriel menampakkan diri kepada akharia yang sudah tua lalu memberitahu bahawa isterinya Elisabet, akan mengandung dan melahirkan seorang anak lelaki. Bayi itu harus dinamakan Yohanes. Malakita Gabriel memberitahu Zakharia bahawa Yohanes telah diberikan satu misi yang harus dilakukannya. Dia harus menyediakan jalan bagi Tuhan yang akan datang. Zakharia berasa agak sukar untuk mempercayai hal ini kerana dia dan Elisabet sudah tua dan isterinya sudah melepasi kebiasaan had umur untuk mengandung. Oleh kerana ketidakpercayaan itu, Zakharia menjadi bisu.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 1: 5-25 sudah memadai untuk pelajaran ini bagi semua kelompok umur.

Walau bagaimanapun, untuk kelompok yang berumur 9+, anda boleh memberitahu mereka untuk turut membaca Lukas 1: 57-80. Pembacaan ini tidak wajib.

### Aktiviti:

Tonton multimedia Cerita 1  
Berhenti pada Lukas 1:25

Cuba untuk menjawab soalan aneka pilihan multimedia untuk bab 1 hingga Soalan 9.

Bagi anak-anak yang lebih tua, jika masa mengizinkan, cuba bincangkan Soalan Perbincangan 1 dan 2 dalam multimedia.

### Objektif

Supaya anak-anak bersyukur kepada Tuhan kerana Dia telah memilih mereka sebelum mereka dilahirkan dan mempunyai rencana bagi hidup mereka.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca Bab 1, 2 dan 3 dalam buku teks. Tonton Cerita 1 dalam multimedia interaktif.

### Ayat Hafalan

“Aku tahu rancangan-rancangan yang Ku buat bagi kamu, ‘demikianlah fiman Tuhan, ‘ iaitu rancangan kesejahteraan, bukan malapetaka, untuk mengurniakan kepada kamu masa depan dan harapan.” Yeremia 29:11

### Pengajaran daripada Cerita

Misi Yohanes telah diberikan sebelum dia dilahirkan. Dia harus menyiapkan jalan bagi Mesias.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Kelompok umur 5-8:

- Tuhan mempunyai rancangan untuk setiap kita.
- Tuhan itu berkuasa dan tiada yang mustahil bagi Dia.

Kelompok umur 9-12:

- Bantu anak-anak untuk memahami bahawa Tuhan telah memilih kita sebelum kita dilahirkan dan mempunyai rancangan istimewa untuk setiap kehidupan kita.



### Doa dan Respons

Ajak anak-anak berdoa kepada Tuhan untuk membantu mereka mentaati dan percaya kepada firman-Nya.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Lukis bulatan pada gambar yang betul:

1.  2. Yohanes 3. 

### Umur 7-8

Cari 1: 1. raja 2. Elisabet 3. Tiada

Cari 2: 1. Benar 2. Benar

Isi tempat kosong: 1. mulia 2. arak 3. Roh Kudus

### Umur 9-10

Cari: 1. Benar Rujuk Lukas 1:6  
2. Palsu Rujuk Lukas 1:7

Fikiran: 1. a 2. a 3. a atau c atau d  
4. Semua jawapan betul

### Umur 11-12

Belajar:

- |             |                 |              |
|-------------|-----------------|--------------|
| 1. besar    | 6. bait         | 11. Israel   |
| 2. dipenuhi | 7. Yohanes      | 12. bercakap |
| 3. doa      | 8. berita       | 13. isyarat  |
| 4. Malaikat | 9. takut        | 14. Nabi     |
| 5. Elisabet | 10. orang ramai | 15. arak     |
|             |                 | 16. kemenyan |

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. D Rujuk Lukas 1:5  
2. A Rujuk Lukas 1:5  
3. D Rujuk Lukas 1:5  
4. B Rujuk Lukas 1:9  
5. C Rujuk Lukas 1: 10  
6. D Rujuk Lukas 1:13  
7. E Rujuk Lukas 1:13  
8. C Rujuk Lukas 1:17  
9. A Rujuk Lukas 1:19

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah Zakharia meragui khabar malaikat bahawa dia dan isterinya akan mempunyai seorang anak lelaki? Adakah anda berasa simpati atau ingin mengkritik Zakharia tentang perkara ini?

Bantu anak-anak untuk memahami bahawa Zakharia sepatutnya tahu bahawa tiada yang mustahil bagi Tuhan, tetapi dia hanya seorang manusia biasa, dan mungkin mempunyai perasaan ragu-ragu.

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Lukas 1:7 memberitahu kita bahawa mereka berdua sudah 'lanjut usia'. Hal ini menyatakan kepada kita bahawa Elisabet mungkin sudah melepasi usia mengandung yang normal.
- Mungkin kedua-dua Zakharia dan Elisabet, sebagai orang benar yang hidup menurut perintah dan ketetapan Tuhan dan sudah lama berdoa untuk mendapat anak (seperti yang dinyatakan dalam ayat 13), terkejut apabila Tuhan menjawab doa mereka pada waktu usia mereka yang sudah lanjut.
- Tetapi Zakharia mungkin tidak pernah melihat malaikat Gabriel sebelum itu, dan sudah tentu ia merupakan petanda yang menunjukkan mesej itu datang dari Tuhan. Sekiranya mesej itu dari Tuhan, sudah tentu dia tahu bahawa tiada yang mustahil bagi Tuhan, kerana dia sudah membaca firman Tuhan yang sama dalam Kejadian 18:14.

2. Situasi kelahiran Yohanes Pembaptis bersifat luar biasa. Pada pendapat anda, mengapakah Tuhan mahu kelahiran ini menjadi sesuatu yang luar biasa?

Minta anak-anak untuk memikirkan misi Yohanes Pembaptis. Lukas 1:15-17 memberitahu kita bagaimana Tuhan mahu menggunakan Yohanes Pembaptis dan apakah misinya.

Minta anak-anak untuk menjelaskan dalam perkataan mereka sendiri bagaimana kelahiran yang luar biasa boleh membantu Yohanes untuk mencapai misinya.

# Pelajaran 2

## Kelahiran Yesus Diramal

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Malaikat Gabriel menampakkan diri kepada Maria dan memberitahunya dia akan mengandung bayi Mesias, Anak Tuhan. Malaikat memberikan Maria satu petanda, iaitu sepupunya yang sudah tua, Elisabet, kini sedang hamil. Akan tetapi Maria masih dara dan belum berkahwin. Dia berhadapan risiko akan ditinggalkan oleh Yusuf. Ahli keluarga dan masyarakat mungkin akan memulaukan dia atau mungkin menghukumnya dengan membaling batu. Tetapi Maria menerima misi tersebut dengan senang hati sebagai 'hamba Tuhan'.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 1:26-56

### Aktiviti:

Habiskan menonton multimedia bagi Cerita 1.

Cuba jawab soalan aneka pilihan dalam multimedia bagi bab 1- Soalan 10-17.

Bagi kelompok yang lebih tua, sekiranya masa mencukupi, cuba jawab Soalan Perbincangan 3, 4 dan 5. Berikan mereka tempoh selama 10 minit sahaja.

### Objektif

Supaya anak-anak percaya bahawa Tuhan itu setia dan selalu memegang janji-Nya kepada mereka.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca semula bab 3 dalam buku multimedia. Lihat semula Cerita 1 dalam multimedia interaktif.

### Ayat Hafalan

"Maria berkata, "Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu." Lukas 1:38

### Pengajaran daripada Cerita

Walaupun dia tahu akan ada kesukaran pada masa akan datang, Maria mempercayai apa yang dikatakan oleh malaikat itu dan menyerahkan dirinya kepada Tuhan.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Kelompok umur 4-8:

- Contohilah teladan dari Maria. Dia mempercayai malaikat dan menyerahkan diri kepada rancangan Tuhan.

Bagi kelompok umur 9-12, anda boleh menambah:

- Walau apapun kesukaran yang kita hadapi, kita harus percaya bahawa Tuhan akan sentiasa memenuhi janji-Nya kepada kita.

### Doa dan Respons

Anak-anak yang lebih muda:

- Berdoa meminta pertolongan Tuhan untuk taat kepada perintah-Nya.

Untuk anak yang lebih tua anda boleh menambah:

- Senaraikan beberapa kebimbangan yang kita alami. Serahkan kebimbangan kita kepada Tuhan dan letakkan ke dalam tangan-Nya. Percaya bahawa Tuhan akan memberi respons kepada setiap kebimbangan kita.

## Jawapan Buku Kerja


### Umur 5-6

Cari: 1. Gabriel 2. takut 3. hamba

### Umur 7-8

Cari: 1. Gabriel 2. takut 3. hamba

Carikan jalan:



Ya atau Tidak:

1. Ya

2. Tidak

### Umur 9-10

Cari: Gambar 1-5-6-4-2-3


Isi tempat kosong: 1. takut, diredai  
2. diberkatilah, mempercayai

### Umur 11-12

Belajar: 1. Malaikat : Salam, diberkati, takut, diredai, Yesus  
Maria : dara

2. Malaikat : Roh Kudus, Anak, Elisabet, tiada  
Maria : hamba

Pengajaran daripada Cerita:



## Jawapan Kuiz Multimedia

- |       |                     |       |                     |
|-------|---------------------|-------|---------------------|
| 10. C | Rujuk Lukas 1:26-27 | 14. C | Rujuk Lukas 1:34    |
| 11. B | Rujuk Lukas 1:26    | 15. E | Rujuk Lukas 1:44    |
| 12. B | Rujuk Lukas 1:27    | 16. A | Rujuk Lukas 1:59    |
| 13. B | Rujuk Lukas 1:28    | 17. C | Rujuk Lukas 1:63-64 |

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

3. Bagaimanakah anda membandingkan respons Maria dan Zakharia tentang penerimaan mesej dari malaikat Gabriel.

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Pada mulanya, Zakharia ragu-ragu, atau tidak percaya mesej malaikat Gabriel (Gabriel menyatakannya dalam Lukas 1:20).
- Respons pertama Maria ialah soalan meminta penjelasan. Apabila dia diberitahu bahawa kehamilan tersebut merupakan satu mukjizat dari Tuhan sendiri, dia terus sahaja akur walaupun dia tahu risiko yang akan dilaluinya. Risiko yang diambil oleh Zakharia agak minimal kerana dia sudah berkahwin dengan

isterinya Elisabet. Hanya sukacita dan kegembiraan yang akan menyertai kelahiran tersebut.

4. Pada pendapat anda, mengapakah Maria melawat Elisabet dan tinggal di sana selama 3 bulan?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Lanjutan dari soalan di atas. Ketika berita kehamilan mukjizat Elisabet menjadi kegembiraan bagi sahabat dan saudara, mukjizat lebih hebat iaitu kehamilan Maria akan mendatangkan syak wasangka dan bahaya baginya. Adakah sahabat dan keluarga Maria akan mempercayai ceritanya? Adakah ibu bapa, dan paling penting sekali, Yusuf, akan mempercayai ceritanya? Semua mereka akan mempersoalkan kesetiaan Maria terhadap Yusuf. Yusuf telah mempersoalkan kesetiaan Maria seperti yang kita lihat dalam Matius 1:19-21.
- Malaikat memberitahu Maria bahawa sepupunya Elisabet sudah mengandung 6 bulan ketika usianya yang sudah tua. Bagi Maria, ia menjadi tanda bahawa Tuhan sedang bekerja dalam hidup mereka. Mungkin Maria rapat dengan Elisabet dan mahu ditenteramkan olehnya.
- Mungkin Maria perlu melihat sendiri bahawa Elisabet benar-benar sedang hamil supaya imannya dikuatkan.
- Mungkin Maria perlu menjauhkan diri dari kampungnya supaya dia boleh merahsiakan kehamilannya dari mereka? Alkitab tidak mengulas tentang hal tersebut tetapi inilah beberapa sebab yang mungkin terjadi.

5. Apakah pengajaran yang boleh kita dapat dari karakter dalam cerita ini:

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

Zakharia

- Dia merupakan seorang yang benar, menurut semua perintah dan ketetapan Tuhan.
- Dia ragu-ragu kerana setelah berdoa sekian lama untuk mendapat anak, dia dan isterinya tidak mendapat anak. Kini tiba-tiba Tuhan menghantar seorang malaikat untuk memberitahu bahawa doanya sudah dijawab. Dia tidak percaya kepada malaikat itu.
- Tetapi setelah dia sedar bahawa mesej itu datang dari Tuhan, dia bekerjasama sepenuhnya dengan rancangan Tuhan.

Mary

- Maria merupakan seorang yang setia. Pada ketika ini, dia seorang gadis yang masih muda tetapi dia bersungguh-sungguh untuk menjadi hamba Tuhan yang taat.

Elisabet

- Elisabet digambarkan sebagai seorang wanita yang benar dan taat kepada semua perintah dan ketetapan Tuhan.
- Dia baik terhadap Maria kerana membenarkannya tinggal bersama selama 3 bulan.
- Maria mungkin memilih untuk tinggal bersama mereka selama 3 bulan kerana merasa tenteram dan didorong oleh Elisabet.
- Lukas 1:41-45 memberitahu kita bahawa Elisabet, diilhamkan oleh Roh Kudus telah memberikan kata-kata yang menyenangkan dan memberi semangat kepada Maria.

# Pelajaran 3

## Kelahiran Yesus

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Tuhan bercakap kepada Yusuf dalam mimpi dan memberitahunya untuk mengambil Maria sebagai isteri walaupun dia mengandung sebelum mereka berkahwin. Ini kerana Bayi dalam perut Maria itu dikandung secara mukjizat. Yusuf taat kepada suara Tuhan. Yusuf dan Maria pergi ke Betlehem untuk mendaftarkan diri dalam bancian. Dengan berbuat demikian, mereka telah memenuhi nubuat Perjanjian Lama iaitu Mesias akan dilahirkan di Betlehem, Yudea. Orang pertama yang mengetahui tentang kelahiran Tuhan Mesias ialah para gembala di padang rumput yang sedang berada diluar kawasan Betlehem. Tuhan memberitahu tentang Berita Baik kepada mereka dengan mempertlihatkan angkatan malaikat. Para gembala bergegas ke Betlehem untuk mencari Bayi itu. .

### Rujukan Alkitab:

Lukas 2: 1-20; Matius 1: 18-25

### Aktiviti:

Tonton Cerita 2 dalam multimedia sehingga ia berakhir.

Cuba jawab soalan aneka pilihan sebanyak yang mungkin mengikut masa yang ditetapkan.

Bagi kelompok anak yang lebih tua, anda boleh membincangkan soalan sebanyak mungkin mengikut masa yang ada. Sentiasa perhatikan masa.

### Objektif

Supaya anak-anak memilih untuk sentiasa taat kepada Tuhan.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Lihat Cerita 2 dalam multimedia interaktif.

### Ayat Hafalan

“Adakah korban bakaran dan korban sembelihan yang lebih disukai Tuhan daripada mendengar suara Tuhan?” 1 Samuel 15:22b

### Pengajaran daripada Cerita

Yusuf taat kepada perintah Tuhan untuk mengambil Maria sebagai isterinya. Kelahiran Yesus terlebih dahulu diberitakan kepada para gembala, yang biasa dipandang sebagai orang yang berstatus rendah dalam masyarakat.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Kelompok umur 4-8:

- Belajar dari imam para gembala yang sederhana. Mereka mendengar mesej dari malaikat dan terus bergegas mencari Bayi itu. Setelah menemui-Nya, mereka memuji Tuhan.

Kelompok umur 9-12 anda boleh menambah:

- Belajar dari iman dan ketaatan Yusuf. Dia mengambil Maria sebagai isterinya walaupun dia mengandung sebelum perkahwinan mereka. Yusuf melakukan hal ini kerana mahu mentaati suara Tuhan.

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih kecil:

- Bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberikan Anak-Nya yang tinggal bersama dan menjadi Penyelamat kita.


Anak-anak yang lebih tua, anda boleh menambah:

- Supaya Tuhan menolong kita untuk taat kepada suara-Nya.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Lukis bulatan pada gambar yang betul:



### Umur 7-8

Cari: 1. Betlehem 2. rumah tumpangan 3. palung  
Taksir: Isi tempat kosong dengan huruf menggunakan nombor sebagai panduan.

APABILA YUSUF TERJAGA, DIA PUN MEMATUHI APA YANG DISAMPAIKAN OLEH MALAIKAT TUHAN ITU LALU BERKAHWIN DENGAN MARIA.

Kuiz: 1. pertunangan 2. takut

### Umur 9-10

Taksir: 1. Namakan anak itu Yesus  
2. yang bererti Allah menyertai kita

Cari:



Pemahaman: Yesus dilahirkan dan diletakkan dalam palung – tempat untuk meletakkan haiwan. Semua rumah tumpangan penuh pada masa itu dan Maria pula akan bersalin, jadi mereka tinggal di sebuah palung yang berdekatan. Malaikat menampakkan diri kepada para gembala untuk mengisytiharkan berita baik yang bukan ditujukan kepada raja atau iman tertinggi. Ini menunjukkan bahawa Tuhan mengasihani umat-Nya bukan berdasarkan status atau kedudukan. Nota: Rujuk Lukas 2:7, 12, 15, 16.

Fikir: Berkhutbah, membantu mereka yang kurang bernasib baik, menyanyi lagu pujian Natal, menjemput sahabat ke gereja. Nota: Terima jawapan yang berkaitan.

### Umur 11-12

Belajar: 4-8-9-3-1  
10-5-2-7-6

## Jawapan Kuiz Multimedia

- C Rujuk Matius 1:19
- C Rujuk Mat 1:20
- D Rujuk Mat 1:11-16
- D Rujuk Mat 1:21
- E Rujuk Mat 1:24
- A Rujuk Lukas 2:10
- E Lukas 2:13 berkata 'satu angkatan syurga yang besar' muncul dan memuji-muji Tuhan.
- B Rujuk Lukas 2:16

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

- Gembala merupakan golongan yang miskin pada zaman Yesus. Dengan menggunakan perkataan anda sendiri, gambarkan apa yang dirasakan oleh para gembala apabila melihat malaikat dan mendengar mesej mereka?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Gembala merupakan golongan yang lebih miskin. Masyarakat biasanya tidak mengendahkan mereka.
- Siapakah Penyelamat yang dilahirkan di kampung kecil mereka ini?
- Kristus – Mesias dilahirkan sebagai bayi 'dibungkus dan dibaringkan di dalam sebuah palung'? Adakah in Mesias yang mereka nantikan?
- Mengapakah Tuhan memberikan penglihatan dan pengalaman yang luar biasa ini kepada mereka?

- Pada pendapat anda, apakah yang dirasakan oleh Yusuf apabila dia mendengar mesej malaikat dalam mimpinya?

Alkitab menggambarkan Yusuf sebagai orang salih (Mat 1:19).

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Berdasarkan keengganannya untuk memalukan Maria di mata masyarakat, dia mungkin berasa sangat lega apabila mendapati bahawa Maria bercakap benar, bahawa hal tersebut merupakan rancangan Tuhan.
- Sebagai orang salih, Yusuf mungkin berbesar hati kerana dipanggil oleh Tuhan untuk terlibat dalam rancangan keselamatan-Nya.
- Yusuf taat kepada perintah Tuhan.

- Apakah yang boleh kita pelajari dari karakter Yusuf dan Maria dalam cerita ini?

Yusuf:

- Dia seorang yang baik dan berbudi bahasa, dia enggan memalukan Maria di mata masyarakat.
- Dia seorang yang salih.
- Dia taat kepada suara Tuhan.

Maria:

- Ketika Yusuf sedang mempertimbangkan keputusannya, Maria tidak berbuat apa-apa. Dia menanti Tuhan untuk membimbing dan bercakap baginya.
- Maria percaya kepada Tuhan dan taat sepenuhnya kepada Dia.

- Apakah yang kita boleh pelajari dari Tuhan dan cara Tuhan berurusan dengan manusia dalam cerita ini?

Tanya anak-anak apa yang mereka pelajari dari Tuhan melalui cerita ini. Mungkin mereka akan memberikan bermacam-macam jawapan. Terdapat dua contoh yang disediakan di bawah.

- Kedua-dua Maria dan Yusuf harus percaya kepada Tuhan. Dia memberikan perintah yang jelas, tetapi dengan mentaati perintah-Nya, mereka akan berhadapan dengan bahaya. Tuhan memanggil mereka yang setia untuk mengikut-Nya. Dia tidak menjelaskan segala-galanya kepada mereka dari mula, tetapi Dia mahu supaya mereka percaya kepada-Nya dan menyediakan keperluan mereka.
- Tuhan memperlihatkan kelahiran Penyelamat kepada para gembala dalam suasana yang penuh dengan kemuliaan. Gembala merupakan golongan yang miskin, tetapi mereka berpeluang menerima penglihatan yang indah dari Tuhan.

# Pelajaran 4

## Bintang dan Ahli ilmu Bintang

Berdasarkan Bab 3 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Orang bijaksana atau majus dari Timur melihat tanda bintang yang menyatakan bahawa seorang Raja telah lahir. Mereka mengikuti bintang itu ke Yerusalem di mana mereka bertemu dengan Raja Herodes. Kemudian bintang itu memimpin mereka ke Betlehem dan mereka menemui Bayi Kristus dan mempersembahkan hadiah mereka. Herodes merancang untuk membunuh Bayi Mesias tetapi Tuhan menggagalkan rancangan jahatnya itu. .

### Rujukan Alkitab:

Untuk semua: Matius 2:1-23;  
Untuk kelompok umur 9+ ayat-ayat ini boleh ditambah: Lukas 1:46-56; 2:8-20

### Aktiviti:

Tonton multimedia untuk Cerita 3 sehingga selesai.

Cuba untuk menjawab sebanyak mungkin soalan aneka pilihan dalam masa yang ditetapkan.

Untuk anak-anak yang lebih tua, anda boleh mencuba sebanyak mungkin soalan perbincangan dalam masa yang ditetapkan. Sentiasa perhatikan masa.

### Objektif

Supaya anak-anak tahu bahawa Tuhan akan selalu melindungi mereka ketika mereka belajar untuk taat kepada-Nya.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Lihat multimedia interaktif bagi Cerita 3.

### Ayat Hafalan

“Kerana dia telah menumpukan kasihnya kepada-Ku, maka Aku akan melepaskannya; Aku akan meletakkannya di tempat tinggi, kerana dia mengetahui nama-Ku.” Mazmur 91:14

### Pengajaran daripada Cerita

Mesias yang berasal daripada Tuhan lahir dan dibaringkan di sebuah tempat makanan ternakan di Betlehem. Tetapi satu bintang di langit menjadi tanda bagi kelahiran-Nya. Dia disembah oleh gembala-gembala yang miskin, dan juga oleh ahli-ahli ilmu bintang yang berjalan jauh untuk melihat Dia.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Untuk semua:

- Belajar dari cerita ini bahawa Tuhan akan melindungi orang-orang yang mengasihi-Nya.

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih muda:

- Bantu mereka untuk berdoa dan menyerahkan semua kebimbangan kepada Tuhan dan percaya bahawa Tuhan akan melindungi mereka.

Tambahan untuk anak-anak yang lebih tua:

- Minta mereka untuk mengingat adakah mereka pernah mengingkari Tuhan. Kemudian berdoa untuk pengampunan dari Tuhan dan percaya bahawa Tuhan akan melindungi mereka.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Cari: 1. ilmu 2. bintang 3. lelaki 4. Mesir

### Umur 7-8

Cari: 1. ilmu 2. bintang 3. lelaki 4. Mesir

### Umur 9-10

Siasat: Mikha 5:2

“daripada kamu akan muncul bagi-Ku, seorang yang akan menjadi pemerintah di Israel”

### Matius 2:6

“kerana daripadamu akan muncul seorang Pemimpin yang akan memimpin umat-Ku Israel.” Nubuat ini dipenuhi apabila Yesus datang.

### Yeremia 31:15

“Rahel meratapi anak-anaknya; dia tidak mahu dilipur hatinya kerana anak-anaknya, kerana mereka tiada lagi.”

### Matius 2:17-18

“Rahel meratapi anak-anaknya; dia tidak mahu dilipur hatinya kerana anak-anaknya, kerana mereka tiada lagi.” Nubuat itu dipenuhi apabila Raja Herodes memerintahkan untuk membunuh semua anak lelaki di Betlehem

## Umur 11-12

Belajar:	Raja Herodes	Ahli ilmu bintang
	. Yudea	. Timur
	. risau	. Yerusalem
	. ahli ilmu bintang	. Betlehem
	. marah	. emas, dupa, mir
	. 2	. mimpi

Respons: I

S	B	L	A	H	I	T	N	N	D	F	D	K	A
I	B	U	O	E	Q	U	A	Q	E	Y	O	E	R
G	E	A	D	A	L	H	B	G	B	G	Y	B	H
E	D	E	M	A	L	A	I	K	A	T	U	E	E
M	A	L	I	I	K	N	T	M	M	E	S	I	R
B	M	A	M	I	A	B	L	Y	U	B	U	L	O
I	A	I	P	I	Y	E	S	U	E	I	F	E	D
R	I	Y	I	U	G	Y	R	E	O	E	W	A	E
A	F	H	I	A	S	T	E	R	L	E	P	A	S

II. kasih, melepaskan, nama

## Jawapan Kuiz Multimedia

- |      |               |      |                |
|------|---------------|------|----------------|
| 1. D | Rujuk Mat 2:1 | 5. D | Rujuk Mat 2:11 |
| 2. A | Rujuk Mat 2:1 | 6. C | Rujuk Mat 2:12 |
| 3. D | Rujuk Mat 2:1 | 7. C | Rujuk Mat 2:16 |
| 4. D | Rujuk Mat 2:8 | 8. B | Rujuk Mat 2:14 |

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Pada pendapat anda, mengapakah Herodes berasa sangat risau apabila orang Majus datang ke Yerusalem. Dan mengapa semua orang di Yerusalem juga berasa demikian?

Berdasarkan cerita dari Alkitab, kita boleh mengatakan bahawa Herodes merupakan seorang raja jahat yang sanggup melakukan pembunuhan kanak-kanak besar-besaran kerana dia tidak mahu takhtanya tergugat atau mahu mencegah pewarisnya daripada digantikan.

Oleh kerana orang Majus datang ke Yerusalem dan bertanya tentang tempat Mesias secara terbuka, tidak hairan mengapa Herodes agak bimbang. Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh meminta mereka untuk mencari maklumat tentang cerita sejarah Herodes Agung. Dia membunuh isteri serta 3 orang anaknya kerana dia syak mereka ingin menggulingkannya. Oleh kerana sifat tiraninya itu, orang ramai sedia maklum bahawa jika sesuatu boleh menggugat Herodes, dia akan bertindak dengan zalim menentang sesiapa sahaja yang dianggapnya sebagai ancaman.

2. Nyatakan juga bahawa Herodes Agung merupakan bapa kepada Herodes Antipas. Herodes Agung meninggal tidak lama selepas Yesus dilahirkan. Dia digantikan oleh anaknya Herodes Antipas sebagai gabenor Galilea dan juga orang yang bertanggungjawab memenggal kepala Yohanes Pembaptis serta merupakan Herodes ketika Yesus dihakimi. Baca Bab 1 Cerita Injil Jil. 1 – Pengenalan dan Latar Belakang Sejarah Cerita Injil.

3. Pada pendapat anda, mengapa Tuhan mengizinkan orang Majus untuk melawat bayi Yesus?

Perkara yang boleh direnungkan:

- Yesus bukan sahaja akan menjadi Raja Israel tetapi Raja di atas segala raja dan Tuhan di atas segala tuhan. Sudah tentu kelahiran-Nya harus diakui bukan sahaja oleh orang Israel tetapi juga orang Majus dari tanah asing.

4. Pada pendapat anda, mengapakah Herodes berjumpa dengan orang Majus secara rahsia?

Rujuk kepada nota untuk Soalan Perbincangan 1. Dia tidak mahu mereka berkeliaran bertanyakan tentang Mesias, atau Raja yang diurapi Tuhan ketika dia masih menduduki takhta raja di dunia.

5. Orang Majus bukan sahaja berjaya menemukan Yesus tetapi turut menyembah Dia. Apakah yang boleh kita jadikan teladan dari perwatakan mereka?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Orang Majus mungkin bukan orang percaya pada mulanya. Tetapi Mat 2:10 menyatakan bahawa apabila mereka berjaya menemui bayi Kristus mereka tunduk dan menyembah Dia.
- Melalui pembacaan, melihat tanda bintang, pengalaman ketika dalam perjalanan, pertemuan dengan Raja Herodes dan pertemuan dengan Bayi Kristus, mereka percaya bahawa Bayi ini layak untuk mereka sembah. Lalu mereka tunduk dan menyembah Bayi itu.
- Apabila mereka diberitahu dalam mimpi supaya tidak kembali kepada Herodes, mereka taat kepada perintah yang diberikan melalui mimpi itu. Matius merekodkannya sebagai perintah Tuhan kepada mereka melalui mimpi.

6. Tuhan ialah peribadi yang tidak dilihat di sepanjang cerita. Bagaimanakah kita boleh melihat atau mengetahui tindakan-Nya di 'belakang tabir'.

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Tuhan membolehkan para gembala untuk melihat angkatan syurga menyayikan puji-pujian.
- Para gembala merupakan orang terawal yang mengetahui tentang kelahiran Kristus dan melihat-Nya.
- Bukan orang bangsawan atau para imam yang terdahulu mengetahui tentang kelahiran ini serta mengalami penglihatan malaikat.
- Orang Majus dari tanah asing mengetahui tentang Kristus lalu melawat-Nya.
- Raja Yudea tidak diberi peluang untuk melihat atau menyakiti Kristus.

7. Pada pendapat anda, bagaimanakah perasaan Yusuf dan Maria ketika perkara-perkara ini berlaku. Baca nyanyian pujian Maria dalam Lukas 1:46-56.

Lukas 1:46-56 kadang-kadang disebut sebagai Nyanyian Pujian Maria atau 'The Magnificat'. Ia direkodkan bukan ketika kelahiran Kristus, sebaliknya ia berlaku ketika Maria melawat Elisabet. Walaupun begitu, ia membantu kita untuk mengetahui apa yang mungkin dirasakan oleh Maria ketika dia mengetahui bahawa di sedang mengandung Mesias. Anda boleh meminta anak-anak untuk membaca ayat-ayat ini dan tanya pemahaman mereka tentangnya.

# Pelajaran 5

## Yohanes Pembaptis

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Tiga puluh tahun sudah berlalu. Yohanes Pembaptis sedang berkhotbah berdekatan dengan Sungai Yordan. Dia berkhotbah tentang mesej pertaubatan kerana Kerajaan Tuhan sudah dekat. Yesus meminta Yohanes untuk membaptis-Nya. Yohanes membaptis Yesus lalu melihat satu tanda dari langit yang mengisytiharkan Yesus sebagai Anak Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 3:1-22 dan Matius 3:13-17

### Aktiviti:

Tonton multimedia untuk Cerita 4 sehingga Matius 3:17 atau Yesus Dibaptiskan. Kemudian berhenti. Sekiranya masa mengizinkan, anda boleh mencuba menjawab soalan aneka pilihan dalam multimedia sehingga Soalan 13. Bagi anak-anak yang lebih tua, cuba lakukan soalan perbincangan 1, 2 dan 3. Sentiasa perhatikan masa.

### Objektif

Supaya anak-anak boleh mencontohi Yesus dan taat kepada apa yang Tuhan mahu mereka lakukan.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Lihat multimedia interaktif untuk Cerita 4 sehingga Matius 3:17.

### Ayat Hafalan

“Sungguhpun Dia Anak, namun Dia belajar taat melalui segala penderitaan-Nya.” Ibrani 5:8

### Pengajaran daripada Cerita

Yohanes sedar bahawa Yesus yang harus membaptisnya tetapi Yesus tetap minta untuk dibaptis kerana Dia taat kepada rancangan Tuhan.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Untuk semua:

- Yesus tidak perlu dibaptis oleh Yohanes, tetapi Dia taat kepada Tuhan Bapa dan membenarkan Yohanes untuk membaptis-Nya. Pelajari sifat rendah hati dan ketaatan Tuhan kita.

Tambahan untuk anak-anak yang lebih tua:

- Yohanes membawa mesej pertaubatan. Adakah kita mengaku dan bertaubat dari kesalahan yang kita sedari setiap hari?

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih muda:

- Bantu anak-anak untuk berdoa supaya mereka boleh taat seperti Tuhan Yesus.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Mana yang betul? Lukis bulatan pada gambar yang betul:



### Umur 7-8

Cari: 1. pertaubatan 2. Yordan 3. Yesus

Taksir: “INILAH ANAK-KU YANG AKU KASIHI DIA DENGAN-NYA AKU BERKENAN”

Benar/Palsu: 1. Benar 2. Palsu

### Umur 9-10

Benar atau Palsu: 1. Benar 4. Palsu  
2. Palsu 5. Benar  
3. Benar 6. Benar

Cari:



## Umur 11-12

### Belajar:

1. Gabenor, Galilea
2. Zakharia
3. Berkhutbah, Yordan
4. mengampunkan
5. Saduki
6. Pemungut
7. askar
8. Mesias
9. Api
10. membaptis
11. Burung merpati
12. Suara

G	A	B	E	N	O	R	B	U	M	B	B
M	P	E	G	H	M	A	A	E	E	U	E
E	I	E	A	A	I	T	M	A	S	R	R
N	I	L	M	R	L	B	K	A	I	U	K
G	E	B	A	U	A	I	I	U	A	N	H
A	A	H	P	P	N	R	L	N	S	G	U
M	B	Y	T	N	A	G	A	E	E	M	T
P	T	I	A	H	A	D	U	M	A	E	B
U	S	R	K	A	R	U	G	T	A	R	A
N	M	A	N	O	S	A	D	R	P	P	H
K	Z	B	Y	A	S	R	A	A	E	A	E
A	S	K	A	R	A	U	I	P	A	T	A
N	M	Y	M	I	S	A	D	U	K	I	K

### Respons:

1. SESIAPA YANG MEMPUNYAI MAKANAN HENDAKLAH BERKONGSI DENGAN GOLONGAN MISKIN
2. JANGAN MENGUTIP LEBIH DARIPADA YANG DIPERLUKAN
3. BERPUASLAH DENGAN GAJI MASING-MASING

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. E Rujuk Lukas 3:1      4. B Rujuk Lukas 3:3
2. D Rujuk Lukas 3:1      5. C Rujuk Lukas 3:4
3. A Rujuk Lukas 3:1      6. E Rujuk Lukas 3:4
7. A Rujuk Mat 3:7 Matius merekodkan kenyataan ini kepada orang Farisi dan Saduki. Dalam Lukas 3:7, kenyataan yang sama turut direkodkan tetapi tidak merujuk secara langsung kepada orang Farisi dan Saduki. Ingatlah bahawa Matius menulis untuk bacaan orang Yahudi. Lukas pula menulis untuk dibaca oleh orang bukan Yahudi.
8. B Rujuk Lukas 3:11      11. D Rujuk Mat 3:11
9. D Rujuk Lukas 3:14      12. C Rujuk Lukas 3:15-16
10. A Rujuk Lukas 3:3 dan Mat 3:6      13. D Rujuk Lukas 3:21-22

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Pada pendapat anda, mengapakah ramai orang yang pergi mendengar dan minta dibaptis oleh Yohanes?

Tiada jawapan yang spesifik diberikan. Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Cerita Lukas tentang kelahiran Yohanes yang luar biasa memberikan petunjuk kepada orang ramai bahawa anak ini merupakan anak yang istimewa. Masyarakat tahu akan keturunan Yohanes. Rujuk Lukas 3:3.
- Dalam Lukas 3:2 tertulis 'firman Allah datang kepada Yohanes...' ini menunjukkan bahawa Yohanes telah diilhamkan oleh Tuhan dan mungkin hal ini yang menyebabkan ramai orang datang untuk mendengarnya.
- Yohanes berkhotbah tentang pertaubatan dan pengampunan dosa tanpa upacara-upacara yang penuh kepura-puraan seperti dalam Bait Suci di Yerusalem. Kemungkinan hal ini juga telah menarik orang ramai untuk datang.
- Herodes Antipas sendiri pun menyebut Yohanes sebagai 'benar dan suci' dalam Markus 6:19-20.
- Yohanes tidak takut menegur dosa Herodes Antipas yang telah mengahwini isteri abangnya sendiri. Hal ini haram mengikut hukum Musa. Pada masa itu, masyarakat boleh melihat kebiasaan-kebiasaan buruk pemimpin mereka tetapi tidak berani menegur. Mereka melihat Yohanes sebagai seorang yang berani bersuara walaupun berisiko kehilangan nyawanya. Mereka menghormati orang seperti Yohanes.

2. Dengan perkataan anda sendiri, huraikan misi dan mesej Yohanes.

Jawapan asas kepada soalan ini terdapat dalam nubuatan di semua injil.

- Mat 3:3
- Markus 1:1-2
- Lukas 3:4-6
- Yohanes 1:15-27

3. Mengapakah Yesus meminta Yohanes untuk membaptis-Nya?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Pembaptisan Yesus tidak sama seperti orang lain yang dibaptis sebagai tanda pengakuan dosa dan pertaubatan. Yesus tidak berdosa dan tidak perlu pengampunan.
- Pembaptisan-Nya merupakan langkah pertama yang menjadikan Dia sama seperti kita yang berdosa.
- Pembaptisan-Nya menandakan permulaan pelayanan umum-Nya.
- Pembaptisan-Nya merupakan urapan untuk pelayanan.
- Injil turut merekodkan bahawa Tuhan Bapa secara terang-terangan mengaku Yesus sebagai Anak-Nya. Roh Kudus hinggap di atas Yesus seperti burung merpati. Yohanes Pembaptis melihat dan mengenal tanda tersebut. (Yohanes 1:32-34)
- Bermula dari sini, Yesus akan melakukan banyak mukjizat.

# Pelajaran 6

## Pencubaan Yesus

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus dibawa oleh Roh Kudus ke padang gurun untuk berdoa. Setelah berpuasa selama 40 hari dan malam, Iblis datang untuk mencuba Yesus. Yesus menjawab godaan Iblis dengan memetik ayat dari Kitab Suci dan mengusir Iblis pergi dari situ.

### Rujukan Alkitab:

Matius 4:1-11

### Aktiviti:

Tonton Cerita 4 dalam multimedia sehingga cerita selesai.

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan nombor 14-17.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh mencuba soalan perbincangan 4 dan 5.

### Objektif

Supaya anak-anak mengambil langkah untuk mendalami Firman Tuhan agar ia boleh membantu mereka semasa menghadapi pencubaan.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Lihat Cerita 4 dalam multimedia sehingga selesai.

### Ayat Hafalan

Yesus menjawab, "Telah tersurat: 'Manusia hidup bukan dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Allah.' " Matius 4:4

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus tahu bahawa Dia boleh melakukan mukjizat, tetapi Dia tidak akan menggunakan kuasa itu untuk kepentingan sendiri. Yesus tidak akan mencuba Tuhan dan tidak juga akan tunduk kepada iblis. Dia memetik ayat dari Perjanjian Lama dan mengusir iblis dari situ.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Kelompok umur 4-8:

- Sembahlah dan taatlah kepada Tuhan sahaja.

Tambahan untuk kelompok umur 9-12:

- Seperti Yesus, kita harus mengetahui Firman Tuhan dan boleh menggunakannya untuk membantu kita menghadapi cubaan.

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih muda:

- Bantu anak-anak untuk berdoa supaya mereka akan selalu taat kepada Tuhan sahaja dan mempunyai kekuatan untuk menolak godaan.

Tambahan untuk anak-anak yang lebih tua:

- Bersyukur kepada Tuhan untuk Alkitab kerana kita boleh mengetahui janji-janji Tuhan dan membantu kita semasa dalam pencubaan atau kesusahan. Berdoalah supaya kita akan mendalami Alkitab dan menyimpan Firman Tuhan dalam hati.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Lengkapkan ayat-ayat berikut: 1. 40 2. lapar

Apakah jawapan Yesus?: 1. Tuhan 2. Dia

Betul atau Salah?: 1. Betul 2. Salah

### Umur 7-8

Cari: 1. 40 2. lapar 3. roti

Taksir: "Hendaklah engkau menyembah Tuhan, Allahmu dan kepada-Nya sahaja engkau beribadat."

Benar atau Palsu?: 1. Tidak 2. Ya 3. Ya  
4. Tidak 5. Ya

### Umur 9-10

Cari:

1. Iblis: Jika Engkau Anak Allah perintahkanlah batu-batu ini menjadi roti.

2. Yesus: Manusia hidup bukan dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Tuhan.

3. Iblis: Jika Engkau Anak Allah, terjunlah.

4. Yesus: Janganlah engkau menduga Tuhan, Allahmu.

5. Iblis: Semua ini akan kuberikan kepada-Mu jika Engkau sujud menyembahku.

6. Yesus: Nyah engkau, iblis. Telah tersurat: 'Hendaklah engkau menyembah Tuhan, Allahmu dan kepada-Nya sahaja engkau beribadat.'

### Umur 11-12

Belajar:

Perbualan #1

MANUSIA HIDUP BUKAN DENGAN ROTI SAHAJA TETAPI DENGAN SETIAP FIRMAN DARI KELUAR DARIPADA MULUT ALLAH.

Perbualan #2

JANGANLAH ENKOU MENDIGA TUHAN ALLAHMU

## Jawapan Kuiz Multimedia

14. B Rujuk Mat 4:3

15. C Rujuk Mat 4:5

16. D Rujuk Mat 4:5

17. A Rujuk Mat 4:10

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

### 4. Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Iblis tahu misi sebenar Yesus, iaitu mati di atas kayu salib bagi dosa-dosa dunia. Jika Yesus boleh dicuba dan melakukan dosa, Dia tidak lagi layak menyempurnakan misi untuk mati bagi dosa dunia.
- Sekiranya Yesus tidak sempurna, Dia tidak lagi layak untuk mengajar kita jalan Tuhan dan juga tentang Kerajaan Syurga.
- Yesus berjaya melawan Iblis. Oleh itu, Dia meneruskan usaha untuk menyempurnakan misi-Nya.

### 5. Apakah yang boleh kita pelajari dari cara Yesus menjawab iblis?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Yesus nekad untuk menyempurnakan misi-Nya; dia tidak akan mengambil sebarang 'jalan pintas'; tiada jalan keluar yang mudah.
- Yesus memetik serta mentafsirkan ayat Kitab Suci secara tepat untuk melawan iblis.
- Dengan melawan godaan Iblis, Dia telah memberikan kita teladan yang boleh dicontohi.

# Pelajaran 7

## Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia

Berdasarkan Bab 5 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus memulakan pelayanan-Nya. Cerita ini menjelaskan bagaimana Yesus memanggil murid pertama-Nya.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 5:1-11 dan 27-32

### Aktiviti:

Tonton multimedia Cerita 5 sehingga Lukas 5:23- Yesus memanggil Lewi

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan nombor 1-6.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 2 dan 3.

### Objektif

Supaya anak-anak sedar bahawa Tuhan melihat hati dan bukan kebolehan apabila mereka mengikut Yesus.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 7 dan 8 dalam Buku Multimedia. Kemudian lihat cerita 5 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

“Allah tidak melihat sebagaimana manusia melihat. Manusia melihat penampilan lahiriah, tetapi Tuhan melihat hati.” 1 Samuel 16:7b

### Pengajaran daripada Cerita

Bukan hanya sekadar kebolehan tetapi iman dan kesanggupan mengikut Dia yang melayakkan mereka untuk dipanggil.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Kelompok umur 4-8:

- Yesus mahu supaya kita mengikut dan belajar daripada-Nya

Tambahan untuk kelompok umur 9-12:

- Bukan kebolehan atau bakat kita tetapi kesanggupan untuk mengikut Yesus yang akan melayakkan kita menjadi murid-Nya.

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih muda:

- Untuk menjadi pengikut Yesus yang rela.

Tambahan untuk anak-anak yang lebih tua:

- Kita harus bersyukur kerana Yesus mengasihi kita tanpa melihat bakat dan kebolehan ataupun kesalahan yang telah kita lakukan. Kita harus mengikut, mengasihi, taat dan taat kepada Dia.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Lengkapkan ayat-ayat berikut:

1. perahu
2. ikan
3. mengikut


### Umur 7-8

Cari: 1. nelayan 2. pemungut  
3. penjala manusia

- Benar atau Palsu?: 1. Benar 2. Palsu (Petrus melempar jala apabila Yesus menyuruhnya)  
3. Palsu

### Umur 9-10

Temui Yesus:



### Umur 11-12

- Belajar: 1. Perahu, jala  
2. apa pun, percayalah  
3. banyak, terkoyak  
4. berdosa, takut, penjala  
5. ikut  
6. jamuan, pemungut cukai  
7. Orang Farisi  
8. pendosa

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. E Rujuk Yohanes 1:41
2. C Rujuk Lukas 5: 4-8
3. B Rujuk Lukas 5: 8-11
4. C Rujuk Lukas 5: 8
5. D Rujuk Lukas 5: 10
6. E Rujuk Lukas 5: 29

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

2. Pada pendapat anda, apakah jenis kelayakan yang dicari oleh Yesus daripada murid-murid yang telah dipilih-Nya?

Pada pendapat anda, apakah jenis kelayakan yang dicari oleh Yesus daripada murid-murid yang telah dipilih-Nya?

- Semua mereka percaya kepada Dia. Pada mulanya, ia mungkin sekadar kepercayaan biasa. Mereka tidak faham apabila Dia memberitahu mereka bahawa Dia akan mati dan bangkit semula. Tetapi mereka tetap mengikut Dia dalam kesederhanaan dan keikhlasan.
- Perkara lain yang kita boleh perhatikan ialah kebanyakan dari mereka bekerja sebagai nelayan, berasal dari kawasan utara Israel yang berdekatan dengan Galilea. Nelayan tidak semestinya berpendidikan tinggi.
- Matius Lewi mungkin murid yang paling tinggi pendidikannya kerana bekerja sebagai pemungut cukai. Matius kemudiannya pasti telah menggunakan pengetahuannya apabila dia menulis Injil Matius.
- Semua mereka sanggup melalui kehidupan kembang duri demi Tuhan mereka. Mereka sanggup melalui kesukaran dan bahaya.
- Selain daripada Yudas, semua mereka meneruskan hidup mereka dengan membawa Injil ke seluruh dunia, dengan itu memenuhi Perintah Agung.

Tanyakan kepada anak-anak, adakah mereka percaya kepada Yesus. Ketika mereka masih muda dan berada di bawah penjagaan ibu bapa, Tuhan akan memimpin mereka, selalunya melalui ibu bapa mereka sendiri. Akan tetapi apabila mereka semakin matang, mereka akan membuat keputusan mereka sendiri. Akankah mereka menyerahkan keputusan itu kepada Tuhan Yesus?

3. Adakah wujud satu pola atau corak yang digunakan oleh Yesus ketika Dia memilih setiap murid-Nya? Jika ada, bolehkan anda menjelaskannya menggunakan perkataan anda sendiri? Apakah yang boleh kita pelajari darinya?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Selalunya Yesus akan memenuhi keperluan fizikal mereka kemudian memanggil mereka untuk mengikut-Nya supaya mereka boleh belajar untuk memenuhi keperluan rohani dari-Nya.
- Apabila dia memanggil Simon, Andrew, Yakobus dan Yohanes, Dia melakukan mukjizat dengan membantu mereka mendapat tangkapan ikan dalam jumlah yang besar. Kemudian dia memanggil mereka untuk mengikut-Nya dan menjadi penjala manusia.
- Ada kalanya, Dia tidak melakukan sebarang mukjizat. Contohnya apabila Dia memanggil Filipus dan Matius Lewi.
- Bagi Natanael pula, dia sedang berada di bawah pohon ara. Yesus memberitahu Natanael bahawa Dia tahu hal ini dan menjawab soalan rohaniannya. Hal ini cukup untuk meyakinkan Natanael untuk mengikut Yesus.

# Pelajaran 8

## Panggilan 12 Murid

Berdasarkan Bab 5 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Walaupun Yesus mempunyai ramai pengikut, Dia memilih 12 orang yang akan menghabiskan banyak masa dengan-Nya, mengajar dan menyiapkan mereka untuk meneruskan pekerjaannya setelah dia diangkat ke syurga. Dia berdoa sepanjang malam sebelum mengumumkan 12 orang pengikut pilihan-Nya.

### Rujukan Alkitab:

Yohanes 1:43-51 dan Lukas 6: 12-16

### Aktiviti:

Selesaikan menonton Cerita 5 dalam multimedia.

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan dalam multimedia yang bernombor 7-9.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 1,4 dan 5.

### Objektif

Supaya anak-anak akan menjadikan doa sebagai keutamaan dalam hidup mereka.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 7 dan 8 dalam Buku Multimedia. Kemudian selesaikan Cerita 5 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

“Jangan bimbang apa pun. Dalam segala hal, dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu kepada Allah. Dan sejahtera Allah yang melebihi pengertian manusia akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus.” Filipi 4: 6-7

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus berdoa sebelum memilih dua belas orang pengikut-Nya. Mereka akan belajar daripada-Nya dan akan menjadi ejen penting dalam pembangunan gereja-Nya.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Kelompok umur 4-8:

- Yesus mahu kita menjadi murid-Nya. Mahukah anda mengikut Dia?

Tambahan untuk kelompok umur 9-12:

- Kita harus berdoa jika kita mahu mengetahui rancangan Tuhan untuk hidup kita.

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih muda:

- Menjadi pengikut Yesus yang ikhlas.

Anak-anak yang lebih tua:

- Beritahu Tuhan akan keputusan penting yang harus kita ambil dan mintalah kebijaksanaan dalam melakukan keputusan tersebut.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Lengkapkan ayat-ayat berikut:

1. berdoa      2. 12      3. rasul

### Umur 7-8

- Cari:      1. 12      2. pemimpin

Mengapa perlu kita berdoa kepada Tuhan?:

1. YESUS JUGA BERDOA KEPADA TUHAN
2. DOA MEMBERIKAN KAMI KEDAMAIAN TUHAN
3. DOA ADALAH UNTUK BERTERIMA KASIH KEPADA TUHAN
4. DOA ADALAH UNTUK PENGAMPUNAN TUHAN

### Umur 9-10

- Tahukah anda?:
1. YESUS JUGA BERDOA KEPADA TUHAN
  2. DOA MEMBERIKAN KAMI KEDAMAIAN TUHAN
  3. DOA ADALAH UNTUK BERTERIMA KASIH KEPADA TUHAN
  4. DOA ADALAH UNTUK PENGAMPUNAN TUHAN

### Umur 11-12

Belajar: No.5

1. SIMON PETRUS
2. ANDREAS
3. YAKOBUS
4. YOHANES
5. FILIPUS
6. BARTOLOMEUS
7. MATIUS
8. TOMAS
9. YAKOBUS (anak Alfeus)
10. SIMON (yang disebut Si Patriot)
11. YUDAS
12. YUDAS ISKARIOT

## Jawapan Kuiz Multimedia

7. B      Rujuk Yohanes 1:46  
8. C      Rujuk Yohanes 1:51  
9. B      Rujuk Lukas 6:12-13

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Pada pendapat anda, mengapakah Yesus memilih 12 orang murid yang akan menjadi rapat kepada-Nya, daripada ramai pengikut yang lain?

Tidak ada ayat dalam Alkitab yang menyatakan Yesus memilih 12 sahaja. Akan tetapi, para sarjana Alkitab mengajukan banyak cadangan sebagai sebab-sebabnya.

Antaranya ialah:

- Mereka mewakili 12 suku Israel
- Dalam ramai pengikut yang Yesus ada, Dia akan membimbing 12 murid. Dari 12 murid itu, Dia akan mengajar 3 orang. Tiga orang tersebut ialah Simon Petrus, Yakobus, dan Yohanes.

4. Yudas Iskariot merupakan salah seorang daripada murid yang dipilih oleh Yesus. Mengapakah Yesus memilihnya sedangkan Yesus memang sudah mengetahui bahawa Yudas akan mengkhianati-Nya?

Tidak ada jawapan spesifik bagi soalan ini. Tanya pendapat anak-anak tentang hal ini.

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Mungkin Yudas juga setia pada mulanya. Walau bagaimanapun Alkitab menyatakan bahawa dia kemudiannya hilang iman. Dia mencuri duit dari wang perbelanjaan mereka.
- Setelah itu, apabila dia sudah menerima bayaran dari ketua imam, Yudas juga mencari jalan untuk membantu mereka menangkap Yesus tanpa pengetahuan orang ramai.
- Yudas mempunyai banyak peluang untuk bertaubat dari perbuatannya. Walaupun dia sudah mengkhianati Yesus, dia masih boleh datang kepada-Nya untuk meminta pengampunan. Tetapi dia tidak berbuat demikian.

5. Apakah yang kita boleh pelajari dari cerita ini tentang cara Tuhan memanggil orang untuk mengikut-Nya? Apakah respons yang kita harus tunjukkan apabila Dia memanggil kita?

Tanya anak-anak soalan ini. Soalan ini merupakan inti utama cerita. Apakah perkara-perkara kecil yang kita lakukan untuk menyahut panggilan-Nya supaya mengikut Dia? Mulakan dari hal kecil sehingga yang besar.

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Tuhan tidak akan memanggil kita untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan Alkitab. Sejak dahulu ramai orang yang mengatakan bahawa mereka dipanggil untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan Sepuluh Perintah Tuhan, atau perkara yang berlawanan dengan ajaran Yesus. Hal ini tidak mungkin datang dari Tuhan. Bagi anak-anak yang lebih tua anda boleh memberikan contoh seperti David Korash, pembunuhan diri beramai-ramai di Jonestown dan lain-lain. Apa yang mereka suruh pengikut lakukan jelas sekali bertentangan dengan firman Tuhan.
- Sebagai seorang anak, kita mesti mendengar nasihat ibu bapa. Kita harus taat kepada ibu bapa selagi mereka tidak meminta kita untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan Alkitab, sehinggalah kita cukup matang untuk membuat keputusan sendiri.

# Pelajaran 9

## Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa

Berdasarkan Bab 6 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus berkhubah dan mengajar di Galilea. Yesus melihat seorang pesakit kusta dan mengasihaniya. Dia menyembuhkan orang berpenyakit kusta itu.

### Rujukan Alkitab:

Matius 4: 23-25 dan Lukas 5: 12-16

### Aktiviti:

Tonton multimedia sehingga di bahagian penyembuhan orang berpenyakit kusta.

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan nombor 1-4.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 1 dan 2

### Objektif

Supaya anak-anak akan menjadi orang yang penuh belas kasihan bagi mereka yang disisihkan oleh orang lain.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 9 dalam Buku Multimedia. Kemudian selesaikan cerita 6 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

“Sebagai orang pilihan Allah yang suci dan amat dikasihi-Nya kamu haruslah bersifat belas kasih, baik budi, rendah hati, lemah lembut dan sabar.” Kolose 3:12

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus berjalan di seluruh Galilea untuk mengajar dan menyembuhkan. Dia menyembuhkan seorang yang berpenyakit kusta.

### Kebenaran Alkitab dan Aplikasi

Kelompok umur 4-8:

- Yesus sangat mengambil berat terhadap mereka yang menderita dan disisihkan oleh orang lain.

Tambahan bagi kelompok umur 9-12:

- Apakah satu perkara yang saya boleh lakukan hari ini untuk membantu orang lain.

### Respons dan Doa

- Berdoa kepada Tuhan untuk mengajar mereka menunjukkan kasih kepada rakan mereka.

Tambahan untuk anak-anak yang lebih tua:

- Berdoa meminta kebijaksanaan untuk mengetahui bagaimana membantu mereka yang memerlukan.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6


Buat bulatan pada gambar yang betul:

1.  2. 

### Umur 7-8

Cari: 1. mengajar, menyembuh 2. najis  
3. menyembuh

Cari Jalan:



Benar/Palsu: 1. Benar 2. Benar 3. Palsu

### Umur 11-12

Belajar: Berikut silang kata yang agak berbeza. Jawapan diberi tetapi kamu hendaklah menulis kunci-kuncinya sendiri.

Kata kunci:

1. disembuhkan
2. penyakit kusta
3. Yesus
4. penyakit
5. menyentuh
6. Musa
7. kotor

Respons: I. Anak-anak menulis respons mereka sendiri  
II. 1. Dia meniarap dan merayu kepada Yesus  
2. (Terima jawapan yang berkaitan)  
3. "Aku mahu. Tahirlah!"  
4. (Terima jawapan yang berkaitan)

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. D Rujuk Mat 4:23
2. A Rujuk Mat 4:23
3. D Rujuk Lukas 5:12
4. B Rujuk Lukas 5:13

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Pada pendapat anda, apakah perasaan pengikut Yesus apabila Dia menghulurkan tangan untuk menyentuh orang yang menghidap penyakit kusta itu?

Penyakit kusta merupakan sejenis penyakit kulit yang membuatkan seseorang kotor. Sesiapa yang menyentuh penghidap kusta akan menjadi najis, menurut hukum Musa, dan perlu melakukan proses penyucian diri sebelum mereka dianggap suci kembali. Bagi pembacaan yang lebih terperinci, rujuk kepada Imamat 13 dan 14. Yesus menyentuh pesakit kusta tersebut secara langsung. Ini mungkin menimbulkan perasaan tidak senang antara orang-orang yang memerhatikan mereka.

2. Mengapakah Yesus menyuruh orang berpenyakit kusta itu untuk

a) tidak memberitahu sesiapa tentang hal penyembuhannya kerana Yesus belum bersedia untuk disyitiharkan oleh orang ramai sebagai Mesias. Dia tahu bahawa jika mereka melihat mukjizat seperti itu, mereka akan 'memaksa' Yesus untuk menjadi pemimpin politik mereka. Rujuk Yohanes 6: 14-15.

Dia mahu menghabiskan lebih banyak masa untuk mengajar orang ramai tentang Kerajaan Tuhan dan juga menyiapkan para pengikut untuk meneruskan pekerjaan-Nya selepas Dia diangkat ke syurga.

b) menunjukkan dirinya kepada imam dan mempersembahkan korban seperti yang diperintahkan oleh Musa? Yesus mahu orang itu melakukan semua proses penyucian yang diwajibkan oleh peraturan Tuhan. Hal ini dijelaskan dalam Imamat 14.

# Pelajaran 10

## Kuasa Mengampun Dosa

Berdasarkan Bab 6 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Ahli Taurat mempersoalkan kuasa Yesus untuk mengampuni dosa. Yesus menunjukkan kuasa-Nya dengan menyembuhkan orang lumpuh.

### Rujukan Alkitab:

Markus 2: 1-12

### Aktiviti:

Selesaikan cerita 6 dari pelajaran sebelumnya dalam multimedia.

Anda boleh cuba soalan aneka pilihan nombor 5-8 dalam multimedia.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 3,4 dan 5.

### Objektif

Supaya anak-anak yakin bahawa Yesus akan mengampuni dosa mereka sekiranya mereka menyesal akan perbuatan mereka itu.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 9 dalam Buku Multimedia. Kemudian selesaikan cerita 6 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

“Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.” 1 Yohanes 1:9

### Pengajaran daripada Cerita

Ahli Taurat mempersoalkan kuasa Yesus untuk mengampuni dosa. Yesus menunjukkan kuasa-Nya dengan menyembuhkan seorang yang lumpuh.

### Kebenaran Alkitab dan Aplikasi

Yesus berkuasa untuk mengampuni dosa. Sekiranya kita telah melakukan kesalahan, kita harus mengaku di hadapan-Nya dan meminta Dia untuk membantu kita berpaling dari dosa tersebut.

### Respons dan Doa

Fikirkan sesuatu yang kita telah lakukan dalam sepanjang minggu dan berdoa kepada Yesus untuk pengampunan.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Apakah yang dikatakan oleh Yesus?:



### Umur 7-8

Cari: 1. Yesus 2. lumpuh 3. Ahli Taurat

### Umur 9-10

Cari:

1. Ketika Yesus melihat iman mereka, Dia berkata kepada orang lumpuh itu, “Anak-Ku, dosamu telah diampunkan”. Markus 2: 5

2. Dia berkata kepada orang lumpuh itu, “Aku berkata kepadamu, bangun, angkat tikarmu, dan pulanglah.” Markus 2:10-11

### Umur 11-12

Belajar:

I. Empat lelaki dan Sahabat Mereka

1. Benar
2. Palsu
3. Benar
4. Benar
5. Benar
6. Benar
7. Palsu
8. Benar

II. Kewibawaan Yesus

Yesus berkuasa mengampun dosa

## Jawapan Kuiz Multimedia

- 5. E Rujuk Markus 2:1
- 6. D Rujuk Markus 2:5
- 7. D Rujuk Markus 2:6-7,10
- 8. A Rujuk Markus 2:11

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

3. Dalam cerita orang lumpuh yang disembuhkan, pada pendapat anda, mengapakah Ahli Taurat turut hadir di sana? Ketika mereka mendengar serta melihat mukjizat yang dilakukan oleh Yesus, anda fikir apakah respons jujur mereka? Bilakah kita berhadapan dengan respons berbahaya sedemikian?

Ahli Taurat hadir di situ bukan untuk melihat dan belajar dari Yesus. Apabila Yesus melakukan mukjizat secara nyata, tidak ada rekod menyatakan mereka menjadi orang yang percaya kepada Yesus. Hanya ada rekod tentang mereka yang meragui Yesus. Hal ini direkodkan dalam Lukas 5:21-22. Oleh itu, mungkin kehadiran mereka hanyalah satu percubaan untuk mencari kesalahan Yesus.

Apabila mereka melihat Yesus menyembuhkan orang lumpuh, mereka mengeraskan hati untuk tidak melihat hal itu sebagai pekerjaan Tuhan, walaupun orang lain di tempat itu terus memuji Tuhan seperti yang direkodkan dalam Lukas 5:26. Mungkin juga mereka ada secebis perasaan untuk mahu percaya. Tetapi rekod dalam Alkitab tidak menyatakan bahawa mereka percaya. Mereka mungkin telah mengeraskan hati sama seperti Firaun mengeraskan hatinya apabila dia mengalami 10 azab yang hampir memusnahkan kerajaannya.

4. Pada pendapat anda, mengapakah Yesus berkata kepada orang lumpuh itu 'anak-Ku, dosamu telah diampunkan?' Dia tahu bahawa perkataan itu akan membangkitkan kemarahan Ahli Taurat. Mengapa Dia tidak menyembuhkan sahaja orang lumpuh itu dan semua orang akan berasa puas hati? Apakah yang boleh kita pelajari dari sikap dan pekerjaan Tuhan Yesus? Yesus menjelajah kawasan itu untuk mengajar dan menyembuhkan orang ramai seperti yang diinginkan oleh Bapa. Dia tidak berkompromi sedikit pun untuk mengikut cara fikir orang biasa. Walaupun Dia tahu bahawa perkataan-Nya akan membangkitkan rasa tidak puas hati dari Ahli Taurat, Dia mungkin merasakan perkataan "... dosamu telah diampunkan" perlu didengar oleh orang lumpuh itu. Orang tersebut memerlukan kesembuhan dalaman sama seperti kesembuhan fizikalnya. Yesus melihat semua keperluan itu.

5. Apakah kesan dari penyembuhan mukjizat itu? Apakah perasaan anda sekiranya anda merupakan salah satu daripada orang yang hadir dan melihat kejadian itu atau sebagai rakan yang mengusung orang lumpuh tersebut untuk berjumpa dengan Yesus?

Minta anak-anak untuk membayangkan mereka ada di tempat kejadian itu. Sekiranya masa mencukupi, anda boleh meminta mereka untuk melakonkannya. Apakah agaknya respons mereka?

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh bertanyakan soalan tambahan. Adakah kejadian seperti itu masih berlaku pada hari ini? Adakah kita masih boleh menyaksikan penyembuhan fizikal dan rohani pada hari ini? Ingatkan anak-anak bahawa Tuhan masih boleh menyembuhkan orang pada hari ini dan Dia boleh melakukannya dengan pelbagai cara, sama ada melalui doktor dan perubatan moden, ataupun melalui doa. Kita tidak harus 'menghadkan' cara Tuhan menyembuhkan kita.

# Pelajaran 11

## Ucapan Bahagia

Berdasarkan Bab 7 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus mengajar pengikut-Nya jalan hidup yang benar. Inilah jalan yang akan menyenangkan hati Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Matius 5:3-12

### Aktiviti:

Tonton cerita 7 dalam multimedia sehingga Matius 5:16.

Anda boleh cuba jawab soalan aneka pilihan nombor 1-6.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 1,2 dan 3.

### Objektif

Supaya anak-anak rasa terdorong untuk mengetahui bahawa mereka diberkati apabila melakukan perkara yang benar di mata Tuhan.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 10 dalam Buku Multimedia. Kemudian tonton cerita 7 dalam 7 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

“Diberkatilah mereka yang suci hati, kerana mereka akan melihat Allah.” Matius 5:8

### Pengajaran daripada Cerita

Pelajaran ini mengkaji tentang ucapan bahagia – bahagian pertama dalam khutbah di atas bukit.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Diberkatilah mereka yang melakukan hal-hal benar di mata Tuhan.

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih muda:

- Apa yang boleh saya lakukan untuk mengikut Yesus dan berasa gembira?

Tambahan untuk anak-anak yang lebih tua:

- Berdoa supaya kita boleh melakukan apa yang telah dipelajari supaya kita menjadi terang dan garam di mana sahaja kita pergi.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Cari 1: 1. atas 2. orang 3. Tuhan

### Umur 7-8

Cari 1: 1. gunung 2. orang 3. Tuhan

Cari 2: Miskin kerohanian, Bersedih hati, Rendah Diri, Lapar kebenaran, Berpengasih, Suci Hati, Dianiaya demi Tuhan, Diejek demi Tuhan

Benar/Palsu: 1. Palsu 2. Benar 3. Palsu

### Umur 9-10

Kosa kata: Kata Sifat

Fikir:

Jawapan: ayat 4 – bersedih

Jawapan: ayat 9 – mendamaikan manusia

Jawapan: ayat 10 – dianiaya demi kebenaran

Jawapan: ayat 8 – suci hati

Cari:



## Umur 11-12

Belajar:

Tuhan memberkati mereka yang miskin dan sedar bahawa mereka memerlukan-Nya

Tuhan memberkati mereka yang bersedih

Tuhan memberkati mereka yang rendah diri

Tuhan memberkati mereka yang lapar dan dahaga akan perbenaran

Tuhan memberkati mereka yang berbelas-kasihan

Tuhan memberkati mereka yang berhati suci

Tuhan memberkati mereka yang berusaha untuk pendamaian

Tuhan memberkati mereka yang dianiaya demi perbenaran

kerana mereka akan dikasihani juga

Kerana merekalah yang empunya kerajaan syurga

kerana mereka akan melihat Tuhan

kerana mereka akan digelar anak-anak Tuhan

kerana kerajaan syurga untuk mereka

kerana mereka akan mewarisi bumi ini

kerana mereka akan terhibur

kerana mereka akan dipuaskan

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh mengajak mereka untuk merenungkan beberapa perkara seperti berikut:

- Perkataan miskin ini tidak merujuk kepada kekayaan harta benda.
- Ia menjadi kiasan kepada satu tema Perjanjian Lama contohnya Yesaya 61:1-2 dan Mazmur 37.
- Frasa 'miskin kerohanian' merujuk kepada mereka yang beriman dan percaya Tuhan dengan rendah diri, walaupun kesetiaan itu membuatkan mereka ditindas dan kekurangan dari segi harta benda.
- Berkait rapat dengan mereka yang lembut hati dan mempunyai sikap 'bukan keduiniawian'. (Rujuk kepada Tyndale Commentary tentang Matius, ms. 109)
- Anda juga boleh meminta mereka untuk membaca Yesaya 61:1-2.

2. Yesus berkata jadilah seorang yang berpengasihian dan mereka akan dikasihani juga (ay. 7). Pada pendapat anda, mengapa cara kita melayan orang lain akan memberi kesan kepada cara layanan Tuhan terhadap kita?

Minta anak-anak untuk berkongsi bagaimana Tuhan telah menunjukkan belas kasihan kepada mereka. Belas kasihan boleh sahaja merujuk kepada perbuatan baik yang kecil sehinggalah perbuatan yang besar seperti kemurahan hati atau pemaafan. Tanyakan kepada anak-anak jika mereka pernah menunjukkan belas kasihan, tidak kira perbuatan kecil atau besar, kepada sesiapa sahaja.

Ingatkan anak-anak tentang perbuatan belas kasihan yang Tuhan telah tunjukkan kepada kita apabila Dia memberikan Anak-Nya Yesus Kristus. Bagi yang telah menerima Yesus dalam hidup kita, Tuhan telah mengampuni dosa kita. Bagaimana kita membalas perbuatan Tuhan ini? Kita tidak akan dapat membalasnya. Tetapi kita boleh menunjukkan belas kasihan kepada orang lain.

- Tanya anak-anak jika mereka perlu memaafkan sesiapa dan apa yang harus mereka lakukan. Tema menunjukkan belas kasihan dan pengampunan ini diulang banyak kali, sepertimana dalam Matius:
- Mat 6:12 – Doa Bapa Kami
- Mat 18:21-25 – Ibarat Tentang Pengampunan

3. Bagaimana kita boleh menjadi pendamai manusia dalam rumah, sekolah dan dalam kalangan rakan-rakan kita?

Gunakan proses yang sama dengan Ucapan Bahagia kemudian tanya kepada anak-anak:

- Adakah mereka menunjukkan sifat seorang pendamai di sekolah dan rumah mereka atau sesama rakan-rakan?
- Minta mereka untuk memberikan contoh apa yang mereka faham tentang seseorang yang bersifat pendamai manusia dan seseorang yang bukan pendamai manusia.
- Tanya mereka jika tahu akan sebarang situasi di mana mereka boleh menjadi pendamai dan adakah mereka akan berdoa dan melakukannya.

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. D Rujuk Mat 5:3
2. A Rujuk Mat 5:4
3. E Rujuk Mat 5:5
4. C Rujuk Mat 5:7
5. D Rujuk Mat 5:8
6. E Yesus tidak mengatakannya

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Menjadi 'miskin kerohanian' bermaksud mengaku betapa miskinnya kerohanian kita di depan Tuhan. Mengapakah ia menjadi sebab untuk kita menerima Kerajaan Syurga?  
Minta anak-anak untuk menjelaskan menggunakan perkataan mereka sendiri bagaimana sikap mudah berpuas hati boleh memberi kesan kepada perjalanan kita bersama Tuhan? Sekiranya kita tidak mengaku kita perlukan Tuhan, bagaimana roh kita menerima ajaran dan bimbingan dari Roh Kudus?

# Pelajaran 12

## Khutbah di Bukit

Berdasarkan Bab 7 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus menghuraikan cara-cara kehidupan yang Tuhan inginkan untuk umat-Nya. Yesus mengajar pengikut-Nya tentang roh dan apa sebenarnya maksud perintah dan bukan tulisan dan upacaranya.

### Rujukan Alkitab:

Matius 5: 12-48

### Aktiviti:

Selesaikan menonton cerita 7 dalam multimedia.

Anda boleh cuba jawab soalan aneka pilihan bernombor 7-12 dalam multimedia.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 4 dan 5.

### Objektif

Supaya anak-anak akan hidup dalam jalan yang menyenangkan hati Tuhan.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 10 dalam Buku Multimedia. Kemudian tonton cerita dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

“Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga.” Matius 5:16

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus mahu pengikut-Nya untuk benar-benar faham tentang bagaimana Tuhan mahu umat-Nya hidup.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Tuhan mahu umat-Nya tahu bagaimana menjalani kehidupan yang menyenangkan Dia.

Tambahan bagi anak-anak yang lebih tua:

- Ini bukan bermaksud sekadar mengikut peraturan dan upacaranya, atau mengikut apa yang telah ditambahkan oleh orang Farisi.
- Tuhan ingin supaya kita mengasihi dan menyembah Dia dalam roh dan kebenaran. (Yohanes 4:23) Sekiranya kita melakukannya, maka inilah cara hidup kita.

### Respons dan Doa

Untuk anak-anak yang lebih muda:

- Berdoa meminta pertolongan Tuhan untuk menjalani kehidupan yang menyenangkan hati-Nya.

Tambahan bagi anak-anak yang lebih tua:

- Berdoa supaya perlakuan dan perbuatan kita akan menunjukkan orang di sekeliling bahawa kita ialah umat Tuhan dan apabila orang lain melihat perbuatan kita, mereka akan memuji Tuhan.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Menemukan: 1. pemahaman 2. pengajaran 3. kewibawaan

### Umur 7-8

Cari: 1. pemahaman 2. pengajaran 3. kewibawaan

Betulkan:

Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna. Roma 12:2

### Umur 9-10

Fikir: Berpengasih, Pengasih, Memenuhi keperluan saya, Teguh mendisiplin, Menjaga saya, Mengajar saya baik dan buruk.  
1 Yohanes 4:9 – kasih  
Filipi 4:19 – membekalkan segala keperluanmu  
Amsal 3: 11-12 – menegur orang yang dikasihi-Nya

Apa yang menggemirakan Tuhan?:

Kawan saya memberi saya wayang lucu. Saya buang. Rakan-rakan mengejek fesyen rambut saya tetapi saya tidak endah sangat.

Betulkan: Rujuk Betulkan untuk Umur 7-8

### Umur 11-12

Belajar:

- Sesiapa yang marah terhadap saudaranya akan dihakimi
- Janganlah membalas dendam terhadap orang yang berbuat jahat kepadamu
- Kasihilah musuhmu dan doakan orang yang menganiayamu
- Janganlah bersumpah demi langit, demi bumi atau demi Yerusalem
- Apa yang kamu mahu orang lakukan kepadamu, lakukanlah demikian juga kepada mereka

Respons: 1. membunuh, marah  
2. sumpah, "Ya", "Tidak"  
3. mata, gigi, dendam  
4. membenci, musuh, berdoa, anak  
5. sempurna

## Jawapan Kuiz Multimedia

7. D Rujuk Mat 5:13  
8. A Rujuk Mat 5:15  
9. D Rujuk Mat 5:17  
10. B Rujuk Mat 5: 38-42  
11. C Rujuk Mat 5:44  
12. B Rujuk Mat 22:40

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

4. Dengan menggunakan perkataan anda sendiri, jelaskan apa yang anda pelajari dari Ucapan Bahagia dalam Khutbah di Bukit dan bagaimana ia mencabar anda untuk menjadi lebih baik?
- Minta anak-anak untuk memberi ringkasan pemahaman mereka tentang Ucapan Bahagia
  - Tanya mereka jika perlu mengubah apa-apa perlakuan atau cara berinteraksi dengan rakan melalui pemahaman mereka akan Ucapan Bahagia.
  - Tanya jika mereka mempunyai bahan doa yang ingin mereka doakan supaya mereka boleh hidup seperti yang diajar oleh Yesus dalam Ucapan Bahagia.
5. Pada masa dahulu, sebelum wujudnya peti sejuk, garam digunakan untuk mengelak daging dari menjadi busuk dan juga menjadi perasa makanan. Pada pendapat anda, apakah yang dimaksudkan oleh Yesus apabila Dia berkata, "Kamu ialah garam bumi"?
- Beberapa perkara yang boleh direnungkan:
- Garam membantu makanan untuk kekal dalam keadaan baik dengan lebih lama berbanding jika tanpanya.
  - Bagaimana kita boleh mengekalkan harmoni, integriti dan hubungan yang baik dengan orang di sekeliling kita dengan menjadi 'garam' bumi?
  - Tanya anak-anak, bilakah kita mula kehilangan 'kemashin' kita.

# Pelajaran 13

## Iman, Kuasa dan Kewibawaan

Berdasarkan Bab 8 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus adalah Tuhan di atas segalanya. Dia berkuasa menyembuhkan, mengawal keadaan alam semulajadi dan juga mengusir roh jahat.

### Rujukan Alkitab:

Matius 8:5-13; Markus 4:35-41; Markus 5:1-20

### Aktiviti:

Habiskan menonton cerita 8 dalam multimedia.

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan nombor 1-12 kecuali jika anda membahagikan pelajaran kepada dua sesi.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan.

### Objektif

Supaya anak-anak menyerahkan kebimbangan mereka terhadap penyakit atau roh jahat kepada Yesus kerana dia berkuasa atas segalanya.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 11 dalam Buku Multimedia. Kemudian tontong cerita 8 multimedia. Walaupun masa multimedia agak pendek, pelajaran ini meliputi tiga mukjizat yang berlainan. Anda boleh menyelesaikan pelajaran ini dalam satu sesi sekiranya anda merancang pelajaran dengan baik dan mengikut masa yang ditetapkan. Akan tetapi, jika menurut anda ia terlalu cepat, anda boleh membahagikan pelajaran ini kepada dua sesi.

### Ayat Hafalan

“Mereka berasa gerun lalu berkata sesama sendiri, “Siapakah Dia ini? Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya!” Markus 4:41

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus memuji iman ketua askar Roma lalu menyembuhkan hambanya. Yesus menunjukkan kewibawaan-Nya ke atas kuasa-kuasa alam semulajadi dengan menenangkan badai.

Yesus menunjukkan kewibawaan dan kuasa-Nya dengan menghalau roh jahat.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Yesuslah Tuhan di atas segala-galanya termasuk penyakit, kuasa-kuasa alam semulajadi dan roh jahat.

### Respons dan Doa

Anak-anak yang lebih muda:

- Puji Tuhan kerana Dia telah memberikan semua kuasa dan kewibawaan di atas segala-galanya dalam alam semesta kepada Yesus. Berdoa supaya kita beriman dan percaya sepenuhnya kepada Dia.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

- Cari:
- a) Menyembuhkan hamba ketua askar Roma
  - b) Menenangkan badai
  - c) Menyembuhkan lelaki yang dirasuk roh iblis

### Umur 7-8

- Cari:
- a) Menyembuhkan hamba ketua askar Roma
  - b) Menenangkan badai
  - c) Menyembuhkan lelaki yang dirasuk roh iblis

## Umur 9-10

**Tulis:** "PERGILAH, IMANMU TELAH MENYEMBUHKANMU."  
SERTA-MERTA ORANG ITU DAPAT MELIHAT, LALU MENGIKUT YESUS  
DALAM PERJALANAN-NYA.

**Fikir:** Iman Ketua tentera Roma (Matius 8:5 – 13)  
1. menyembuhkan 2. percaya 3. sembuh

Yesus meredakan ribut (Markus 4:36 – 40)  
1. perahu 2. tidur 3. takut

Penyembuhan lelaki yang dirasuk iblis (Markus 5:1 – 20)  
1. dirasuk iblis 2. babi 3. waras

## Umur 11-12

**Belajar:**

**Diari Matius**

- Kapernaum, pemimpin, hamba ketua tentera Roma, mati, ketua tentera, saumaah, ketua tentera, Yesus, Yesus, Yesus, hamba  
- Yesus, Israel, beriman, ketua tentera, hamba

**Diari Markus**

- Yesus, perahu, Tasik Galilea, angin, ombak, perahu, perahu, karam  
- Yesus, tidur, mengejutkan, mati, Yesus, memerintahkan, angin, ombak, angin, Yesus, percaya, takut, Yesus, angin, ombak, perintah  
- ribut, Yesus, tasik, gua kubur, Yesus, melutut, menjerit, Yesus, Legion, roh, roh-roh, Yesus, babi, Yesus, babi, tasik, mati lemas  
- babi, Yesus, siuman, takut, Yesus

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. B Rujuk Mat 8:5
2. D Rujuk Mat 8:5
3. A Rujuk Lukas 7:4
4. E Rujuk Mat 8:8
5. D Rujuk Mat 8:10-13
6. A Ini hanyalah satu kesimpulan yang dibuat berdasarkan kekerapan Yesus mengajar di sekitar Tasik atau Laut Galilea. Contoh Markus 3:7
7. C Rujuk Markus 4:38
8. E Rujuk Markus 4:39-41
9. E Rujuk Markus 5:1
10. B Rujuk Markus 5:6
11. C Rujuk Markus 5:9
12. E Rujuk Markus 5:20

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Pada pendapat anda, mengapa Ketua askar Roma berkata kepada Yesus "Aku tidak layak menyambut Tuan ke rumahku"?  
Terdapat dua sebab yang mungkin membuatkan ketua askar berkata begitu:
  - Orang Yahudi selalunya tidak mahu masuk ke rumah orang bukan Yahudi kerana ia akan membuatkan mereka najis. Ketua askar Roma tahu akan kebiasaan ini dan mungkin tidak mahu menyusahkan Yesus.

- Dari perkataan yang digunakannya, dia mungkin pernah mendengar atau melihat kuasa Yesus untuk menyembuhkan dan faham bahawa Yesus mempunyai wibawa untuk menyembuhkan, walaupun tanpa perlu datang ke rumahnya. Jika hal ini yang berlaku, mungkin dia berasa benar-benar tidak layak menerima Yesus sebagai tetamu di rumahnya. Reaksi ini sama seperti Simon Petrus apabila Petrus mengetahui Yesus berkuasa melakukan mukjizat. Perkara ini direkodkan dalam Lukas 5:4-11.

2. Menggunakan perkataan anda sendiri, huraikan mengapa Yesus terkejut mendengar kata-kata ketua askar Roma itu?

Yesus memberikan sebab yang menyebabkan Dia terkejut dalam Lukas 7:9.

3. Apakah yang anda akan lakukan sekiranya anda berada dalam perahu bersama para pengikut dan Yesus sedang tidur ketika ribut hampir menenggelamkan perahu?

Minta anak-anak untuk menjawab soalan ini menggunakan perkataan mereka sendiri. Kemudian tanya jika mereka menghadapi sebarang situasi sekarang yang serupa seperti yang dialami oleh para pengikut Yesus.

- Ribut sedang bergelora. Perahu mereka mengalami guncangan.
- Tetapi Yesus ada dalam perahu bersama mereka.
- Kita tahu bahawa Dia berkuasa menenangkan ribut.
- Tetapi Dia kelihatan seperti tidak sedar tentang bahaya yang dihadapi oleh mereka.
- Bagaimana kita berdoa dan menyerahkan situasi seperti itu kepada Tuhan?

4. Apa yang akan anda lakukan sekiranya anda berdiri di sebelah Yesus dan melihat lelaki yang dirasuk iblis itu meluru kepada anda?

Minta anak-anak untuk membayangkan seolah-olah mereka bersama dengan para murid yang berdiri berdekatan dengan Yesus apabila hal ini berlaku dan tanya apakah tindakan mereka.

5. Pada pendapat anda, mengapakah Yesus membenarkan roh-roh iblis itu masuk ke dalam 2,000 ekor babi sebelum semuanya mati? Adakah Dia ingin mengajar sesuatu dari perkara tersebut?

Tiada jawapan spesifik bagi soalan ini. Walau bagaimanapun, apabila anda membaca keseluruhan cerita tentang apa yang berlaku anda boleh memerhatikan bahawa:

- Orang-orang di tempat itu lebih menumpukan perhatian kepada kerugian 2,000 ekor babi berbanding penyembuhan lelaki yang dirasuk itu (dalam Injil Matius, ia dinyatakan secara spesifik bahawa terdapat dua orang lelaki yang dirasuk).
- Bagi Yesus, pemulihan dan penyembuhan dua jiwa lebih penting dari dua ribu ekor babi.

6. Bagaimana cerita-cerita ini membentuk kepercayaan anda kepada Yesus sebagai manusia dan Penyelamat kita?

Minta anak-anak untuk memberi kesimpulan tentang pengajaran yang mereka perolehi dari bab ini.

# Pelajaran 14

## Yesus dan Anak Perempuan Yairus

Berdasarkan Bab 9 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus menyembuhkan dua orang perempuan dalam cerita ini. Seorang daripada mereka beriman dan datang terus kepada Yesus. Satu lagi budak perempuan berusia dua belas tahun di mana bapanya beriman dan datang kepada Yesus.

### Rujukan Alkitab:

Markus 5:21-43

### Aktiviti:

Tonton cerita 9 dalam multimedia – Yesus dan anak Yairus.

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan dalam multimedia.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba jawab soalan perbincangan.

### Objektif

Supaya pelajar tetap meyakini Tuhan walaupun dikelilingi oleh orang-orang yang tidak percaya.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 12 dalam Buku Multimedia. Kemudian habiskan menonton cerita 9 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

Yesus tidak menghiraukan kata-kata itu. Dia berkata kepada ketuaui saumaah, “Jangan takut, percaya sahaja.” Markus 5:36

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus menyembuhkan seorang wanita dengan masalah pendarahan dan membangkitkan perempuan mati. Kedua-dua cerita ini menunjukkan kepentingan beriman dalam segala urusan dengan Tuhan.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Untuk semua anak-anak:

- Yesus memanggil kita untuk beriman kepada-Nya meskipun kita dikelilingi mereka yang tidak percaya.

Tambahan untuk anak-anak berumur 11 tahun ke atas:

- Yesus mahu perempuan yang menderita sakit pendarahan disembuhkan bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi juga disembuhkan secara rohani dan diterima semula oleh masyarakat.

### Respons dan Doa

Bagi anak-anak yang lebih muda:

- Puji Tuhan kerana Dia boleh melakukan apa sahaja dan menyembuh agung.

Tambahan untuk anak-anak yang lebih tua:

- Bersyukur kepada Tuhan kerana menjaga kita secara peribadi.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Cari: 1. Yairus 1. pendarahan

### Umur 7-8

Cari: 1. Yairus 2. penyakit

Taksir: TALITHA KUM

Benar/Palsu: 1. Ya 2. Tidak 3. Tidak

## Umur 9-10

<b>Cari:</b>	<b>Ke bawah</b>	<b>Melintang</b>
	1. pendarahan	1. jubah
	2. Yairus	2. Yesus
	3. tidur	3. Talitha
		4. anaknya

<b>Tahukah anda?:</b>	1. Iman	4. Iman
	2. Iman	5. Iman
	3. Iman	

<b>Benar atau Palsu:</b>	1. Benar	4. Palsu
	2. Palsu	5. Palsu
	3. Benar	

## Umur 11-12

<b>Belajar:</b>	1. Yairus	6. meninggal
	2. Anaknya	7. percaya
	3. sejumlah	8. Yakobus
	4. pendarahan, 12	9. berjalan
	5. iman	

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. B Rujuk Markus 5:22
2. C Rujuk Markus 5:22
3. C Rujuk Markus 5:25
4. E Rujuk Markus 5: 27-28
5. D Rujuk Markus 5:34
6. E Rujuk Markus 5: 36
7. E Rujuk Markus 5:37-39 Yesus, Petrus, Yakobus, Yohanes, budak perempuan, ibu dan bapa kepada budak perempuan
8. C Rujuk Markus 5:42
9. E Rujuk Markus 5:37
10. B Rujuk Markus 5:43

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Yairus merupakan ketua saumaah. Apakah yang membuatkan dia bersujud di kaki Yesus dan merayu?

Ini bukan soalan teologi. Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Dia sangat menyayangi anaknya dan takut dia mati.
- Dia percaya bahawa Yesus boleh menyembuhkan anak perempuannya.
- Dia merupakan seorang peribadi yang merendah diri dan tidak takut untuk menunjukkan rasa hormat kepada Tuhan Yesus.

2. Mengapakah Yesus berhenti lalu bertanya siapa yang telah menyentuh jubah-Nya?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Perempuan itu menunjukkan iman yang kuat kerana dia percaya bahawa Yesus boleh menyembuhkannya.
- Dia meminta perkara yang sangat kecil iaitu hanya menyentuh jubah-Nya – pakaian Yesus yang paling luar.
- Dia mengalami penyembuhan serta-merta.

- Yesus mahu dia sembuh secara keseluruhan dengan menjelaskan bahawa iman perempuan itu sendiri yang menyembuhkan dia, bukan kerana dia menyentuh jubah-Nya (untuk bacaan lanjut, rujuk Tyndale Commentary untuk Markus, ms. 161).

3. Pada pendapat anda, apakah perbezaan yang akan dialami oleh perempuan itu? Pendarahannya sudah berhenti setelah dia menyentuh jubah Yesus. Adakah penyembuhannya lebih lengkap jika dia mengumumkan bahawa dia yang menyentuh Yesus?

Jawapannya mungkin 'ya' kerana Tuhan Yesus mengambil masa untuk berhenti dan bertanya siapa yang melakukannya.

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Yesus mahu supaya perempuan itu mengaku di hadapan orang ramai.
- Ramai rakan-rakannya mungkin tahu bahawa dia menderita penyakit yang mengaibkan dia - perempuan yang mengalami pendarahan pada masa itu dianggap najis lalu dipulaukan oleh masyarakat.
- Pengakuannya di hadapan orang ramai dan kenyataan Yesus bahawa dia telah sembuh kerana imannya akan mengesahkan semula statusnya di mata masyarakat. Ini akan membantunya untuk diterima kembali oleh masyarakat... selain mengalami penyembuhan fizikal.

4. Mengapakah orang ramai tertawa apabila Yesus memberitahu mereka bahawa anak itu hanya tidur?

Sebab yang paling ketara ialah orang-orang di situ tahu bahawa anak itu sudah meninggal. Mereka tidak percaya bahawa Yesus boleh membangkitkan orang mati; menyembuh yang sakit, mungkin tetapi bukan menghidupkan semula orang yang telah mati.

5. Mengapakah Yesus hanya membawa tiga orang murid sahaja untuk menyaksikan mukjizat itu? Mengapakah Dia tidak membawa kesemua mereka sekali?

Yesus mengizinkan tiga orang murid-Nya iaitu Petrus, Yakobus dan Yohanes menyaksikan kuasa Tuhan. Bukan semua murid dibenarkan untuk berada dalam bilik tersebut dan menyaksikan kebangkitan budak perempuan tersebut, meskipun mereka ada berdekatan untuk mengetahui bahawa hal itu terjadi. Tetapi tiga orang murid yang telah diberikan penglihatan hebat tersebut juga akan dikehendaki untuk memberikan kuasa kepimpinan kepada gereja pada masa akan datang kerana mereka merupakan saksi yang melihat kejadian itu dengan mata mereka sendiri (termasuk pengangkatan di kemudian hari).

6. Mengapakah Yesus berpesan kepada ibu bapa budak tersebut untuk tidak memberitahu siapa-siapa tentang hal itu? Sekiranya anda ibu bapa kepada anak itu, adakah anda akan berdiam diri sahaja?

Mengapakah Yesus tidak mahu ibu bapa budak perempuan itu untuk memberitahu orang lain? Sebabnya mungkin sama seperti yang diberikan kepada murid-murid Yesus pada hari Penjelmaan (Markus 9:9) – masanya belum tiba.

Minta anak-anak untuk menjawab bahagian kedua soalan dengan menggunakan perkataan mereka sendiri. Apakah yang akan mereka lakukan, sekiranya mereka mengalami berkat atau mukjizat yang nyata dari Tuhan... adakah mereka akan berdiam diri tentang hal itu.

# Pelajaran 15

## Memberi Makan Kerumunan Besar

Berdasarkan Bab 10 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus memberi makan lebih 5000 orang. Dia menggunakan peluang ini untuk mengajar para pengikut-Nya supaya meletakkan kepercayaan mereka kepada-Nya.

### Rujukan Alkitab:

Matius 14:1-21; Yohanes 6:1-33. Cerita ini direkodkan dalam semua kitab Injil. Anda disarankan untuk memilih satu petikan Alkitab sahaja.

### Aktiviti:

Tonton cerita 10 dalam multimedia – Yesus memberi makan kepada lima ribu orang

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan dalam multimedia.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan sekiranya masa mencukupi.

### Objektif

Supaya anak-anak memuji Tuhan kerana menjaga keperluan fizikal mereka.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 13 dalam Buku Multimedia. Habiskan menonton cerita 10 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

“Tuhan ialah gembalaku, aku tidak akan kekurangan apa-apa pun.” Mazmur 23:1

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus menyediakan makan rohani dan jasmani untuk kerumunan besar itu. Sekali lagi, Yesus membuktikan di hadapan pengikut-Nya kewibawaan-Nya ke atas alam semulajadi.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Untuk semua kelompok umur:

- Yesus menjaga keperluan fizikal pengikut-Nya.

### Respons dan Doa

Semua anak-anak:

- Bersyukur kepada Tuhan kerana menjaga keperluan fizikal kita.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

**Benar/Salah:** 1. Salah 2. Benar 3. Salah

### Umur 7-8

**Cari:** 1. mengasihani 2. buku roti barli, ekor ikan  
3. air

**Benar/Palsu:** 1. Tidak 2. Ya 3. Tidak

### Umur 9-10

**Kuiz:** 1. a 2. b 3. b  
4. b 5. b 6. c

**Cari:** “Kumpulkanlah baki makanan, jangan ada yang terbuang.”

### Umur 11-12

**Belajar:** 1. b 2. c 3. b  
4. a 5. d 6. b  
7. b 8. d

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. D Rujuk Mat 14:3
2. C Rujuk Mat 14:6
3. B Rujuk Mat 14:4
4. D Rujuk Mat 14:1-12
5. A Rujuk Mat 14:1-14
6. C Rujuk Yohanes 6: 7 (dalam Alkitab terjemahan NIV, ia ditafsirkan sebagai gaji 8 bulan)
7. E Rujuk Yohanes 6:8
8. B Rujuk Mat 17:17 atau Yohanes 6:9
9. C Rujuk Mat 14:21 – Terangkan kepada anak-anak bahawa jumlah 5000 tersebut hanya merujuk kepada jumlah laki-laki sahaja. Terdapat wanita dan kanak-kanak yang ada bersama di tempat itu.
10. B Rujuk Mat 14:21
11. A Rujuk Mat 14:25
12. D Rujuk Mat 14:26
13. C Rujuk Mat 14:30
14. B Rujuk Mat 14:33

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Pada pendapat anda, apakah yang Herodes boleh lakukan apabila dia mendengar anak perempuan Herodias memohon kepala Yohanes Pembaptis di atas talam?

Tanyakan kepada anak-anak, sekiranya Herodes ialah orang yang baik, apakah yang mungkin dia boleh lakukan setelah mendengar permintaan tersebut. Meskipun dia telah berjanji dihadapan rakan-rakannya, dia boleh:

- Membebaskan Yohanes ... walaupun dia mungkin menghadapi masalah dengan isterinya yang jahat itu.
- Sekurang-kurangnya, dia boleh menolak permohonan itu dan berdepan dengan rasa malu.
- Walau bagaimanapun, tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa dia seorang yang baik. Oleh itu tidak hairanlah jika dia menunaikan permohonan itu lalu melakukan kejahatan.

2. Pada pendapat anda, mengapakah Yesus berasa sedih apabila mendengar berita kematian Yohanes Pembaptis dan mengapa Dia tidak segera pergi menyelamatkan Yohanes menggunakan kuasa dan pengaruh-Nya ke atas orang ramai?

Hal ini tidak dinyatakan secara langsung dalam Alkitab tetapi Mat 14:13 mengimplicasikan, "Sebaik-baik mendengar tentang Yohanes, Yesus menaiki perahu dan pergi seorang diri ke tempat sunyi."

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Yohanes telah mengisyitiharkan di hadapan orang ramai bahawa Yesus adalah Anak Tuhan yang datang dari syurga. (Yohanes 3:22-36).
- Seperti mana Yohanes adalah pelopor Yesus, Dia tahu bahawa penganiayaan dan kematian itu turut menjadi tanda kepada penganiayaan dan kematian-Nya yang akan datang.
- Walaupun Dia berkuasa ke atas semua perkara di bumi, Yesus tahu bahawa misi-Nya memerlukan Dia untuk menderita dan mati di atas kayu salib terlebih dahulu. Oleh itu, Dia tidak boleh menggunakan kuasa dan kewibawaan-Nya ke atas angkatan

syurga untuk membebaskan Yohanes Pembaptis dari kematian. Bagi melengkapkan misi-Nya untuk membawa keselamatan kepada manusia, Dia harus melalui penderitaan di atas kayu salib.

- Dia hanya melakukan apa yang Bapa ingin Dia lakukan. (Yohanes 8:28)

3. Mengapakah Yesus tidak menyuruh orang ramai untuk membeli makanan mereka sendiri? Sebaliknya, Dia melakukan mukjizat dengan melipat-gandakan makanan yang diperoleh dari seorang budak lelaki?

Beberapa perkara yang boleh direnungkan:

- Yesus mengasihani orang ramai itu kerana hari sudah lewat dan mereka berasa penat dan lapar. Yesus bukan sahaja menjaga keperluan rohani kita tetapi keperluan fizikal kita juga.
- Yesus mahu memberikan mereka satu tanda peringatan untuk kemudian hari, bahawa Dialah roti dari syurga. Sama seperti Tuhan menyediakan mana dari syurga, Yesus akan menyediakan roti secara mukjizat. Rujuk Yohanes 6:25-35.

4. Mengapakah Yesus melakukan mukjizat dengan berjalan di atas air?

Yesus ialah Tuhan yang menjadi manusia (jelmaan Tuhan) dan Imanuel (Tuhan berserta kita). Dia berkuasa mengendalikan semua alam semulajadi. Setelah masa bersama murid-Nya berakhir, mereka akan ingat mukjizat yang dilakukan-Nya dan kuasa luar biasa ke atas alam, lalu mereka yakin dan percaya bahawa Dia memang Tuhan.

5. Apakah pengajaran dari setiap cerita yang diajarkan Yesus kepada para murid-Nya? Apakah yang boleh kita pelajari dari cerita itu berdasarkan keadaan kita pada masa ini?

Ringkaskan semua pelajaran dari bab ini dan minta anak-anak untuk menyatakan apa yang telah dipelajari oleh mereka dengan menggunakan perkataan mereka sendiri. Paling penting sekali, bagaimana mereka boleh menerapkan apa yang telah mereka pelajari dalam kisah ini.

## Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias

Berdasarkan Bab 11 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus membawa murid-Nya ke Kaisarea Filipi. Dia bertanya kepada murid-Nya jika mereka tahu siapakah Dia. Para murid mengikut apa yang pernah mereka dengar dari orang lain tetapi Yesus bertanya siapakah Dia menurut mereka. Petrus kemudian melakukan pengisytiharannya yang terkenal.

### Rujukan Alkitab:

Matius 16:13-27

### Aktiviti:

Tonton cerita 11 dalam multimedia – Pengakuan Petrus dan Pemuliaan Yesus sehingga Matius 16:27

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan bernombor 1-4.

Bagi anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 1-3 sekiranya masa mencukupi.

### Objektif

Supaya anak-anak akan menyerahkan hidup mereka kepada Yesus sebagai respons kepada kematian serta pengorbanan-Nya bagi dosa mereka.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 14 dalam Buku Multimedia. Kemudian habiskan menonton cerita 11 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

Simon Petrus menjawab, "Engkau ialah Kristus, Anak Allah yang hidup". Matius 16:16

### Pengajaran daripada Cerita

Petrus mengisytiharkan Yesus Mesias, Anak Allah yang hidup. Pengikut-pengikut belum lagi faham bahawa Mesias perlu menderita dan dikorbankan untuk dosa-dosa manusia.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Untuk semua anak-anak:

- Yesus ialah Mesias yang diutus oleh Tuhan untuk menderita dan mati sebagai korban bagi dosa dunia. Bagi mereka yang belum menerima Yesus sebagai Penyelamat perlu berfikir tentang apa yang telah dikatakan oleh Yesus dan meminta Yesus untuk datang ke dalam hidup mereka. Guru-guru boleh membimbing mereka dalam doa untuk menerima Yesus ke dalam hidup sebagai Tuhan dan Penyelamat.

Bagi anak-anak yang lebih tua dan mereka yang sudah menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat:

- Fikirkan jalan untuk menjalani kehidupan yang lebih menyenangkan Tuhan. Anda boleh membuat satu jurnal tentang pengalaman berjalan bersama Yesus.

### Respons dan Doa

Semua anak-anak:

- Bersyukur kepada Tuhan kerana Yesus datang untuk menderita dan mati di atas kayu salib bagi dosa kita. Bantu anak-anak untuk menerima pengorbanan yang telah dilakukan oleh Yesus demi dosa kita. Berdoa untuk bimbingan supaya mereka mengabdikan diri untuk menjadi orang Kristian yang menyenangkan hati Tuhan.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Cari: 1. Salah 2. Betul 3. Salah

### Umur 7-8

Cari: 1. Palsu 2. Betul 3. Betul

### Umur 9-10

Kuiz: Pengikut: Yohanes Pembaptis, Yeremia, salah seorang

Petrus: Mesias, Anak Allah yang hidup

Cari: (ayat 24)



### Umur 11-12

Belajar: 1. Palsu 6. Benar  
2. Benar 7. Benar  
3. Palsu 8. Palsu  
4. Palsu 9. Benar  
5. Benar 10. Benar

Cari: Rujuk Cari bagi Umur 9-10

## Jawapan Kuiz Multimedia

1. E Rujuk Mat 16:13
2. D Rujuk Mat 16:16
3. E Rujuk Mat 16:17-18
4. D Rujuk Mat 16:24

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Pada pendapat anda, mengapakah pengisytiharan Petrus bahawa Yesus ialah Mesias itu penting? Apakah yang dimaksudkan oleh Yesus apabila Dia berkata bahawa Dia akan membangun jemaah-Nya di atas batu pejal itu?  
Beberapa perkara yang boleh direnungkan:
  - Pengisytiharan Petrus bahawa Yesus ialah 'Kristus, Anak Allah yang hidup' menunjukkan ianya satu pemberitahuan dari Tuhan seperti yang dikatakan oleh Yesus dalam Mat 16:17.
  - Pengisytiharan tersebut turut memberikan pemahaman bahawa Yesus mempunyai hubungan yang istimewa dengan Tuhan Bapa.
  - Ia bukan pemahaman sepenuhnya kerana Petrus masih tidak faham mengapa Mesias harus melalui penderitaan, kesakitan dan kematian seperti yang direkodkan dalam Mat 16:22.
2. Apabila Yesus mula memberitahu pengikut-Nya tentang kematian-Nya yang akan datang, mengapakah mereka sangat terkejut dan mengapa mereka menolaknya?  
Bagi mereka, Mesias tidak perlu mengalami penderitaan, kesakitan dan kematian. Mereka masih berfikir tentang Mesias yang akan menakluk dan memerintah.
3. Apakah yang diajarkan oleh Yesus kepada pengikut-Nya pada ketika ini di Kaisarea Filipi dan apa yang boleh kita pelajari darinya?  
Ini merupakan ringkasan bahagian satu bab ini dan perbincangan bagi soalan 1 dan 2.

# Pelajaran 17

## Pemuliaan

Berdasarkan Bab 11 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus membawa tiga daripada murid-murid yang paling rapat dengan-Nya: Petrus, Yakobus dan Yohanes untuk pergi ke atas bukit dan memperlihatkan mereka sekilas kemuliaan-Nya. Dia menampakkan diri kepada mereka ketika Dia berdiri di antara Musa dan Elia dalam pakaian yang berkilau-kilauan.

### Rujukan Alkitab:

Matius 17:1-13

### Aktiviti:

Tonton cerita 11 dalam multimedia – Pengisytiharan dan Pemuliaan dari Matius 17 ayat 1 hingga 13.

Anda boleh cuba menjawab soalan aneka pilihan nombor 5-8 dalam multimedia.

Untuk anak-anak yang lebih tua, anda boleh cuba soalan perbincangan 4 dan 5 sekiranya masa mengizinkan.

### Objektif

Supaya anak-anak sedar bahawa jika mereka setia kepada Tuhan, Dia akan menunjukkan perkara dalam hati-Nya.

### Persediaan

Berdoa meminta kebijaksanaan. Baca bab 14 dalam Buku Multimedia. Kemudian tonton habis cerita 11 dalam multimedia.

### Ayat Hafalan

- Umur 5-6

Sedang Petrus berkata-kata, segumpal awan yang bersinar-sinar meliputi mereka. Dari awan itu kedengaran suara berkata, “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi dan dengan-Nya Aku berkenan. Dengarkanlah kata-kata-Nya!”. Matius 17:5

- Semua peringkat umur yang lain
- Rahsia Tuhan ada pada mereka yang takut kepada-Nya; dan Dia akan menunjukkan mereka perjanjian-Nya. Mazmur 25:14

### Pengajaran daripada Cerita

Yesus mengizinkan tiga orang murid terdekat-Nya untuk melihat diri-Nya dimuliakan bersama-sama dengan Musa dan Elia dalam awan yang bersinar-sinar. Penglihatan ini membantu mereka untuk memahami di kemudian hari bahawa Dia akan bangkit dari orang mati.

### Kebenaran Alkitab dan Penerapan

Untuk semua anak-anak:

- Jika kita setia berjalan bersama Tuhan, Dia akan menunjukkan lebih banyak perkara tentang diri-Nya.

Untuk anak-anak berumur 11+:

- Musa dan Elia muncul di sebelah Yesus dan menerima-Nya sebagai Tuhan mereka. Musa mewakili Hukum Taurat manakala Elia mewakili nabi-nabi. Ini menandakan bahawa Hukum Taurat dan Nabi-nabi dalam Perjanjian Lama telah menunjuk kepada Yesus sebagai Mesias yang akan datang.

### Respons dan Doa

Semua anak-anak:

- Berdoa supaya semua kita akan lebih dekat kepada Tuhan kita Yesus Kristus dan mahu mengenal-Nya dengan lebih baik serta mengikut Dia dengan taat.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Cari:

Petrus, Yakobus dan Yohanes (Yakobus tidak disertakan dalam pilihan jawapan. Guru boleh meminta anak-anak untuk menulisnya dalam kotak)

### Umur 7-8

Cari: Petrus, Yakobus dan Yohanes (Yakobus tidak disertakan dalam pilihan jawapan. Guru boleh meminta anak-anak untuk menulisnya dalam kotak)

### Umur 9-10

Kuiz: 1. Petrus, Yakobus dan Yohanes, saudara Yakobus.  
2. matahari, putih berkilau-kilauan  
3. Nabi-nabi

Tahukah anda?: 1. Markus 9:2-13  
2. Lukas 9:28-36

### Ages 11-12

Belajar: Yakobus, Yohanes, berubah, matahari, putih, Musa, Elia, tiga, awan, suara, Anak, Dengarkanlah, takut

## Jawapan Kuiz Multimedia

5. C Rujuk Mat 17:1  
6. E Rujuk Mat 17:2  
7. D Rujuk Mat 17:3  
8. D Rujuk Mat 17:5

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah Yesus memperlihatkan pemuliaan itu kepada murid-Nya? Mengapakah Musa dan Elia dipilih secara khusus?

Minta anak-anak untuk memberikan pendapat mereka sendiri. Beberapa perkara yang boleh direnungkan:



- Yesus hanya mengizinkan tiga murid terdekat-Nya untuk menyaksikan kejadian ini. Mereka ialah Petrus, Yakobus dan Yohanes.
- Para murid mungkin telah diajar kitab Perjanjian Lama mengikut kebiasaan Yahudi. Mereka mungkin akan begitu kagum dengan sikap menyembah dua nabi Israel yang paling hebat kepada Guru mereka iaitu Tuhan Yesus. Penglihatan ini menjadi satu dorongan yang sangat besar buat mereka.
- Yesus berulang kali menyatakan bahawa dia datang bukan untuk menghapuskan Taurat tetapi menunaikannya (Mat 5:17). Musa ialah pemberi taurat yang hebat dan telah merekodkan taurat yang diberikan oleh Tuhan.
- Sepanjang pelayanan-Nya, Yesus banyak memetik ayat dari nabi-nabi dalam Perjanjian Lama. Elia merupakan salah satu nabi yang paling hebat dalam Perjanjian Lama.

2. Sekiranya anda berada bersama dengan murid Yesus dan menyaksikan mukjizat pemuliaan tersebut, apakah yang akan anda lakukan? Adakah anda akan mengatakan apa yang dikatakan oleh Simon Petrus atau sesuatu yang berlainan? Apakah pengajaran yang anda dapat dari kisah ini?

Minta anak-anak untuk membayangkan mereka berada di atas gunung dan telah menyaksikan pemuliaan tersebut. Apakah reaksi mereka?

## Ringkasan Pelajaran

No	Tajuk Pelajaran	Rujukan Alkitab	Pengajaran daripada Cerita Alkitab
18	<b>Perempuan Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati</b>	Yohanes 4:1-42 dan Lukas 10:25-37 <i>Pembacaan Umum</i> – Lukas 10:25-37 Ayat Hafalan Matius 22:37-39	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus meruntuhkan penghalang yang sejak dahulu memisahkan orang Yahudi dan orang Samaria, dan antara jantina.</li> <li>2. Yesus sengaja menggambarkan orang Samaria sebagai wira yang membantu jirannya.</li> <li>3. Para imam dan orang Lewi tidak menepati maksud dan niat hukum Taurat.</li> </ol>
19	<b>Kepentingan Bersikap Rendah Hati</b>	Lukas 18:9-14; Matius 18:1-6 <i>Pembacaan Umum</i> – Lukas 18:9-14 Ayat Hafalan Lukas 18:14	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lukas 18:14 "...Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan."</li> <li>2. Yesus menggunakan budak kecil untuk menunjukkan kepada para murid-Nya yang Kerajaan Tuhan menghormati mereka yang merendahkan diri serta jujur dan mempercayai seperti anak-anak kecil.</li> </ol>
20	<b>Ibarat tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai</b>	Lukas 15:1-31 <i>Pembacaan Umum</i> – Lukas 15:11-31 Ayat Hafalan Lukas 15:10	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tuhan bersukacita kerana seorang yang rela bertaubat berbanding seorang lagi yang berfikir dirinya cukup salih dan tidak perlu bertaubat.</li> <li>2. Kita seperti anak sesat yang perlu bertaubat. Tuhan seperti bapa pengasih yang menghulur tangan kepada anaknya yang hilang.</li> <li>3. Awas: Jangan menjadi seperti abang dalam cerita.</li> </ol>
21	<b>Yesus dan Lazarus</b>	Yohanes 11:1-57 <i>Pembacaan Umum</i> – Yohanes 11:17-44 Ayat Hafalan Yohanes 11:25.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus membangkitkan Lazarus di hadapan para murid-Nya dan orang ramai untuk membuktikan bahawa Dialah Anak Tuhan. Dia menjelaskan kepada Marta dan menunjukkan kepada orang ramai bahawa tidak perlu takut pada kematian tubuh, hanya percaya dan sedar bahawa Yesus mempunyai kuasa untuk memberi hidup selepas kematian.</li> <li>2. Cerita tersebut juga menunjukkan kemanusiaan Yesus. Walaupun Yesus tahu bahawa Dia boleh membangkitkan Lazarus, Yesus juga menangis apabila Dia melihat kehinaan dan kesedihan sahabat-sahabat-Nya.</li> </ol>
22	<b>Yesus dan Zakheus</b>	Lukas 18:35-43; 19:1-9 <i>Pembacaan Umum</i> – Lukas 19:1-10 Ayat Hafalan Matius 12:35	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lelaki buta mempunyai iman dan keberanian untuk memohon belas kasihan Tuhan. Hasilnya adalah berlakunya mukjizat dengan semua saksi-saksi memuji Tuhan.</li> <li>2. Seorang ketua pemungut cukai menunjukkan pertaubatannya dan menerima pengampunan daripada Yesus.</li> </ol>

Kebenaran Alkitab / Tema	Objektif / Penerapan	Keajaiban Dilakukan, Nubuat Dibuat atau Digenapi
<p>Yesus mengajar supaya mengasihi dan membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira bangsa, jantina, ataupun sama ada mereka mempunyai pandangan yang berbeza daripada kita.</p>	<p>Berusaha mengasihi mereka yang memerlukan bantuan tanpa menghiraukan betapa berbeza mereka daripada kamu.</p>	
<p>Yesus memanggil kita supaya menjadi rendah hati kerana hanya mereka yang rendah hati yang mampu menyentuh hati Tuhan.</p>	<p>Agar pelajar meminta Tuhan membantu mereka menjadi rendah hati.</p>	
<p>Tuhan ibarat bapa anak yang boros yang begitu mengasihi kami dan mengalu-alukan dengan amat sukacita kepulangan kami kepada-Nya.</p>	<p>Agar pelajar akan memuji Tuhan dan bersyukur kerana Dia bersukacita apabila mereka kembali pada-Nya.</p>	<p><b>Keajaiban:</b> Yesus membangkitkan Lazarus daripada kematian. Lazarus telah dikebumikan selama empat hari.  <b>Nubuat:</b> Marta celik tentang Perjanjian Lama. Daniel 12:2 Ramai daripada kalangan yang tidur dalam tanah yang berdebu akan bangun, sebahagiannya untuk mendapat hidup kekal, manakala sebahagian lagi untuk mendapat celaan dan kehinaan yang kekal.</p>
<p>Sesiapa yang mempercayai Yesus akan dibangkitkan semula apabila Yesus kembali dan akan hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.</p>	<p>Bahawa Tuhan membangkitkan kami apabila Yesus kembali dan mereka hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.</p>	<p><b>Keajaiban:</b>  Lukas 18:43 - Yesus menyembuhkan orang buta di Yerikho.</p>
<p>Apabila kita benar-benar meminta ampun atas kesalahan yang telah kita lakukan, kita akan menunjukkannya dalam perbuatan kita.</p>	<p>Supaya anak-anak akan menunjukkan melalui perbuatan apabila mereka menyesali kesalahan mereka.</p>	

No	Tajuk Pelajaran	Rujukan Alkitab	Pengajaran daripada Cerita Alkitab
			3. Bukan mereka yang angkuh dan menganggap dirinya salih seperti Orang Farisi yang berada pada jalan betul ke syurga. Tetapi mereka yang bertaubat dan meminta pengampunan Tuhan yang menerima penyelamatan.
23	<b>Yesus Masuk ke Yerusalem</b>	Matius 21:1-11; Markus 11:15-19 <i>Pembacaan Umum</i> – Matius 21:1-11 Ayat Hafalan Wahyu 19:16.	1. Ketika Yesus masuk ke Yerusalem, ramai orang menunggu untuk mengalu-alukan-Nya sebagai raja. Tetapi rancangan Yesus bukan untuk menubuhkan kerajaan di bumi. Perutusan-Nya bukan membebaskan orang Yahudi daripada penghambaan kepada orang Roma tetapi daripada belenggu kejahatan dan dosa. 2. Yesus membersihkan Bait Tuhan dengan menghalau pedagang-pedagang durjana daripada halamannya.
24	<b>Yesus dan Nikodemus</b>	Yohanes 3:1-21 <i>Pembacaan Umum</i> – Yohanes 3:1-21 Ayat Hafalan Yohanes 3:16.	Dalam pertemuan-Nya dengan Nikodemus, Yesus menerangkan tujuan sebenar Dia datang ke dunia ini. Ini dituliskan dalam Yohanes 3:16 yang berbunyi, "Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal."
25	<b>Perjamuan Tuhan</b>	Matius 26:14-30; Yohanes 13:1-34 <i>Pembacaan Umum</i> – Yohanes 13:1-15 Ayat Hafalan Yohanes 13:34	1. Yudas berpakat dengan ketua-ketua imam untuk mengkhianati Yesus. 2. Yesus membasuh kaki para murid-Nya. Dengan berbuat demikian, Dia memberikan contoh kepada kita supaya rendah hati dan berhati hamba, sikap yang harus diteladani oleh semua pengikut-Nya.
26	<b>Jamuan Paskah dan Ertinya</b>	Markus 14:22-26; Yohanes 13:18-38 <i>Pembacaan Umum</i> – Markus 14:22-25 Ayat Hafalan Matius 26:28	1. Yesus memberitahu mereka yang Dia akan dikhianati. 2. Yesus menggunakan jamuan Paskah untuk menggambarkan apa yang akan dilakukan-Nya. Yesus mengumumkan Perjanjian Baharu di mana kematian-Nya menjadi korban terakhir untuk menebus dan membebaskan semua umat daripada dosa.
27	<b>Taman Getsemani</b>	Markus 14:27-42, 47-56 <i>Pembacaan Umum</i> – Markus 14:32-42 Ayat Hafalan Markus 14:36	1. Yesus memberitahu Petrus bahawa dia akan menyangkal Tuannya tidak lama lagi. Yesus berkata begitu supaya Petrus kemudian boleh mengingati hal tersebut dan bertaubat. 2. Yesus sedar penderitaan yang akan dialami-Nya atas kayu salib, tetapi Dia berserah kepada kehendak Bapa-Nya di syurga.

Kebenaran Alkitab / Tema	Objektif / Penerapan	Keajaiban Dilakukan, Nubuat Dibuat atau Digenapi
<p>Yesus Raja segala Raja yang datang ke bumi untuk memerintah sebagai raja dalam hidup kita, bukan sebagai raja duniawi.</p>	<p>Benarkan Yesus bertakhta dalam hidup kamu.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Zakharia 9:9 '...Lihat, rajamu datang kepadamu! Dia adil, pembawa kemenangan, Dia rendah hati, dan menunggang seekor keldai, seekor keldai muda.' Lukas 19:42-44 Yesus bernubuat bahawa malapetaka besar akan menimpa Yerusalem manakala Bait Tuhan akan dimusnahkan. Perkara ini terjadi apabila orang Rom menakluki Yerusalem dan memusnahkan Bait Tuhan pada tahun 70 Masihi.</p>
<p>Tuhan tidak mengutus Yesus ke bumi untuk menghakimi kita, tetapi Dia mengutus Yesus untuk menyelamatkan kita daripada dosa kerana Dia mengasihi kita.</p>	<p>Agar pelajar bersyukur kepada Tuhan kerana Dia begitu mengasihi mereka sehingga mengutus Yesus ke dunia untuk menyelamatkan mereka daripada dosa.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Yesus menggunakan insiden antara Tuhan dan Musa dalam Bilangan 21:8-9 untuk menggambarkan pengorbanannya di kayu Salib. Orang yang berpaling kepada-Nya akan diselamatkan daripada racun dosa.</p>
<p>Yesus memanggil kita meneladani-Nya melayan orang lain dengan hati hamba.</p>	<p>Agar pelajar meneladani Yesus melayan orang lain dengan hati hamba.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Yesus tahu Yudas akan mengkhianati diri-Nya.</p>
<p>Tuhan membuat perjanjian baharu dengan kita melalui pencurahan darah Yesus untuk menebus dosa kita.</p>	<p>Agar pelajar faham mengapa pencurahan darah Yesus mampu menebus dosa mereka.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Paskah pertama dalam Keluaran 12:1-30, menggambarkan Yesus, Domba Paskah kita, akan menerima hukuman Tuhan demi menyelamatkan orang yang mempercayai-Nya.</p>
<p>Tidak kira betapa sukar, kita dipanggil menunduk kehendak kami kepada Tuhan dan mengikut-Nya.</p>	<p>Agar pelajar memilih untuk mengikut Tuhan walaupun susah.</p>	<p><b>Miracle:</b> Lukas 22:51 - Yesus menyembuhkan telinga orang suruhan Imam Agung. <b>Nubuat:</b> Zakharia 13:7 '...Rebahkanlah sang gembala, dan dombanya akan bertempieran. ...' Nubuat ini digenapi dalam Matius 31 &amp; 56, menjelaskan perkara yang bakal menimpa Yesus dan murid-Nya.</p>

No	Tajuk Pelajaran	Rujukan Alkitab	Pengajaran daripada Cerita Alkitab
28	<b>Yesus Dihakimi oleh Orang Yahudi</b>	Markus 14:53-72 <i>Pembacaan Umum</i> – Markus 14:53-72 Ayat Hafalan 1 Petrus 3:9a	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbicaraan Yesus tidak dilaksanakan dengan adil. Pemimpin orang Yahudi menggunakan saksi yang bercanggah antara satu sama lain. Akhirnya, Yesus dituduh menghujat.</li> <li>2. Oleh sebab mereka tidak dapat menjatuhkan hukuman mati kepada Yesus, maka mereka menghantar-Nya kepada Pilatus, Gabenor Roma.</li> </ol>
29	<b>Yesus Menghadap Pilatus</b>	Yohanes 18:28 - 19:16; Matius 27:24-26 <i>Pembacaan Umum</i> – Yohanes 19:1-16 Ayat Hafalan 1 Petrus 3:14	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbicaraan Yesus tidak melaksanakan keadilan. Pemimpin orang Yahudi mengemukakan saksi-saksi palsu yang bercanggah antara satu sama lain. Akhirnya mereka menuduh-Nya mengkufuri Tuhan.</li> <li>2. Pilatus dengan betul menghakimi bahawa Yesus tidak melakukan sebarang jenayah. Tetapi dia takut akan imam-imam yang mengancam untuk menyebabkan rusuhan. Pilatus kemudian setuju menjatuhkan Yesus dengan hukuman mati disalib.</li> <li>3. Apabila Petrus sedar apa yang dibuatnya, dia dukacita dan insaf. Yudas pula, pergi membunuh diri. Petrus menerima pengampunan, Yudas tidak.</li> </ol>
30	<b>Penyaliban</b>	Lukas 23:26-43; Yohanes 19:24-27; <i>Pembacaan Umum</i> – Lukas 23:39-43 Ayat Hafalan Lukas 11:4	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus disalib. Para imam dan orang ramai memerli-Nya. Dua orang disalib di sebelah Yesus. Salah seorang mengejek-Nya, yang satu lagi meminta diampuni. Yesus menjamin keampunan untuknya.</li> <li>2. Yesus memberi arahan terakhir kepada murid-Nya dan ibu-Nya.</li> </ol>
31	<b>Jam Selepas Penyaliban</b>	Matius 27:45-61; Yohanes 19:30-37 <i>Pembacaan Umum</i> – Matius 27:45-54 Ayat Hafalan 1 Petrus 2:24	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peristiwa-peristiwa yang berlaku sebaik sahaja Yesus mati disalib membuktikan bahawa Dia memang Anak Tuhan.</li> <li>2. Lembing askar mengesahkan bahawa Yesus benar-benar mati sebelum jenazah-Nya diturunkan untuk dikebumikan.</li> </ol>

Kebenaran Alkitab / Tema	Objektif / Penerapan	Keajaiban Dilakukan, Nubuat Dibuat atau Digenapi
<p>Apabila orang perlakukan jahat kepada kita, kita harus meneladani Yesus dan tidak membalas dendam.</p>	<p>Belajar supaya tidak membalas dendam apabila diperlakukan jahat oleh orang lain.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Yesus tidak bercakap apabila disoal oleh penuduh. Perkara ini dinubuatkan dalam Yesaya 53:7</p>
<p>Kita harus berani mempertahankan perkara yang benar walaupun orang lain tidak bersetuju dengan kita.</p>	<p>Agar pelajar belajar mempertahankan perkara yang benar walaupun orang lain mempunyai pandangan lain.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Pilatus mengarahkan agar Yesus dirotan lalu dimaki oleh para askar. Perkara ini telah dinubuatkan oleh Yesaya 700 tahun dahulu. Rujuk Yesaya 50:6.</p>
<p>Ketika digantung kayu salib, Yesus meminta diampuni mereka yang bertanggung-jawab menyalib-Nya.</p>	<p>Agar pelajar membuat pilihan memaafkan mereka yang menyakiti mereka.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Yesaya 53:3-6 memberikan butiran tentang penyaliban Yesus serta bagaimana kematian-Nya akan memberi kehidupan kepada orang yang mempercayai-Nya.</p>
<p>Demi menyelamatkan kita daripada dosa dan menyingkirkan halangan antara kita dengan Tuhan, Yesus terpaksa menderita dan mati disalib.</p>	<p>Agar pelajar memberi respons kepada Yesus dengan kasih apabila mereka sedar tahap penderitaan yang dilalui-Nya demi menyelamatkan mereka daripada dosa.</p>	<p><b>Keajaiban:</b> Matius 27:19 – Isteri Pilatus risau kerana bermimpi Yesus tidak bersalah. Matius 27:45 – Langit menjadi gelap dari pukul 12 tengah hari sehingga pukul tiga petang. Matius 27:51 – Tirai Bait Tuhan terkoyak dari atas ke bawah. Gempa bumi terjadi Matius 27:52 – Kubur-kubur terbuka dan ramai mayat orang kudus yang dibangkitkan semula.</p> <p><b>Nubuat:</b> Yohanes secara khususnya mengatakan askar tidak mematahkan tulang Yesus apabila dia mati di kayu salib. Semua ini sejajar dengan arahan untuk tidak mematahkan tulang domba Paskah dalam Keluaran 12:46 dan Bilangan 9:12. Bagi memastikan Yesus telah meninggal dunia, askar menikam tubuhnya dengan lembing. Semua ini telah dinubuatkan dalam Zakharia 12:10.</p>

No	Tajuk Pelajaran	Rujukan Alkitab	Pengajaran daripada Cerita Alkitab
32	<b>Kebangkitan</b>	Matius 27:62-66; 28:1-10; Yohanes 20:3-29 <i>Pembacaan Umum</i> – Matius 28:1-10 Ayat Hafalan Kisah Para Rasul 2:32	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak berkuasa orang Yahudi meminta Gabenor Roma menghantar sepasukan askar untuk memeterai serta mengawal kubur Yesus. Pasukan askar ini menghalang pencuri biasa ataupun murid Yesus mencuri jenazah Yesus.</li> <li>2. Yesus dibangkitkan pada hari ketiga selepas penyaliban-Nya. Gempa bumi yang dahsyat berlaku dan malaikat menampakkan diri.</li> </ol>
33	<b>Sarapan Terakhir</b>	Yohanes 21 <i>Pembacaan Umum</i> – Yohanes 21:15-24 Ayat Hafalan Mazmur 103:8	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yesus mengembalikan Simon Petrus sebagai murid-Nya dan ketua para pengikut-Nya.</li> <li>2. Yohanes menerangkan sebab dia mencatatkan segala peristiwa tersebut.</li> </ol>
34	<b>Perintah Untuk Memberitakan Injil</b>	Matius 28:11-20; Lukas 24:44-52; Kis 1:8-11; Lukas 1:1-4 <i>Pembacaan Umum</i> – Matius 28:16-20 Ayat Hafalan Matius 28:19-20	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak berkuasa orang Yahudi merasuhi askar pengawal Roma untuk menyebarkan laporan palsu yang murid Yesus telah mencuri jenazah-Nya dan sedang mengisytiharkan kebangkitan-Nya.</li> <li>2. Yesus memberikan Amanat Agung kepada para murid-Nya. Mereka harus membawa Berita Baik tentang penyelamatan Tuhan ke seluruh dunia dan menjadikan semua orang yang percaya sebagai pengikut Yesus.</li> <li>3. Yesus menyuruh mereka menunggu kehadiran Roh Kudus yang akan memimpin dan memperkuasai mereka apabila mereka membawa pengajaran-Nya ke seluruh dunia.</li> </ol>

Kebenaran Alkitab / Tema	Objektif / Penerapan	Keajaiban Dilakukan, Nubuat Dibuat atau Digenapi
<p>Tuhan membangkitkan Yesus sepertimana dijanji-Nya dalam Firman-Nya.</p>	<p>Agar pelajar didorong kerana mengetahui bahawa Tuhan berkuasa melakukan segala yang dijanjikan-Nya dalam Firman-Nya.</p>	<p><b>Keajaiban:</b> Gempa bumi yang kuat terjadi. Malaikat menggolekkan batu dan duduk di atasnya. Para pengawal amat ketakutan sehingga pengsan. Yesus telah dibangkitkan.</p>
<p>Tuhan begitu mengasihi kita sehingga Dia tidak putus ikhtiar dengan kita walaupun kita berdosa terhadap-Nya.</p>	<p>Agar pelajar yakin bahawa Tuhan begitu mengasihi mereka dan akan mengampuni mereka apabila mereka bertaubat tanpa mengira apa yang telah mereka lakukan.</p>	<p><b>Nubuat:</b> Yesus menubuatkan kebangkitannya dalam Matius 16:21-28, Markus 8:31 dan Lukas 18:31-33, Yesus meramalkan Dia akan menderita dan dibunuh tetapi dibangkitkan semula pada hari ketiga. Yesus membantu 7 orang murid-Nya menangkap ikan yang banyak.</p>
<p>Kata-kata terakhir Yesus kepada para murid-Nya adalah untuk memberi kesaksian kepada semua orang di seluruh dunia tentang apa yang telah dilakukan Yesus dan mengajar orang bagaimana menjadi pengikut-Nya.</p>	<p>Agar pelajar benar-benar mentaati perintah Yesus untuk memberi kesaksian tentang apa yang telah dilakukan Yesus untuk mereka.</p>	<p><b>Keajaiban:</b> Kisah Para Rasul 1:9 – Yesus diangkat ke syurga dari Gunung Zaitun. <b>Nubuat:</b> Kisah Para Rasul 1:11 – Yesus akan kembali dengan cara yang sama Dia dilihat diangkat ke syurga.</p>

# Pelajaran 18

## Perempuan Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati

Berdasarkan Bab 12 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus bertemu seorang wanita dari Samaria dan menyampaikan khabar baik Tuhan kepadanya. Yesus menceritakan kisah orang Samaria yang baik hati serta maksud menjadi jiran yang baik.

### Rujukan Alkitab:

Yohanes 4:1-42 dan Lukas 10:25-37  
Cadangan Pembacaan Alkitab - Lukas 10:25-37.

Ayat Hafalan: Matius 22:37-39 “Yesus menjawab, “ ‘Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.’ Inilah perintah yang terutama dan terpenting. Perintah kedua sama pentingnya: ‘Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.’”

### Aktiviti:

Mainkan Kisah Multimedia – Wanita Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia.

Bagi kanak-kanak dewasa, cuba lakukan Soalan Perbincangan dalam Multimedia sekiranya ada masa..

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 1 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### Pengajaran Daripada Cerita

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 1 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

1. Yesus meruntuhkan penghalang yang sejak dahulu memisahkan orang Yahudi dan orang Samaria, dan antara jantina.
2. Yesus sengaja menggambarkan orang Samaria sebagai wira yang membantu sesamanya.
3. Para imam dan orang Lewi amat tegas dalam hal mengikut Taurat tetapi mereka tidak menjiwai maksud dan tujuan sebenar hukum itu.

### Kebenaran Alkitab

Yesus mengajar supaya mengasihi dan membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira bangsa, jantina, ataupun sama ada mereka mempunyai pandangan yang berbeza daripada kita.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Para pelajar perlu berusaha menjaga orang dalam kesusahan tanpa mengira tentang perbezaan.

# Jawapan Buku Kerja

## Umur 5-6

Padankan Jawapan yang Tepat: "...Kasihilah sesama sendiri seperti dirimu sendiri."

Fotostat, Potong dan Padankan: B, C, A.

## Umur 7-8

Cari: 1. Orang Samaria 2. Imam; orang Lewi

Carikan orang yang berbudi baik ("Orang Samaria yang Baik Hati")



Bulatkan jawapan yang betul: 1. Betul 2. Palsu

## Umur 9-10

Latar Belakang: 1. a 2. b 3. b

Cari: "Kasihilah jiran sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri"

## Umur 11-12

Belajar A: minum; Samaria; kehidupan; kehidupan; dahaga; minum; dahaga; Air; mata air; abadi

Belajar B: kekal; Taurat; Allah; hati; jiwa; dirimu sendiri

Respons A: Tidaklah lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu semua menjadi satu dalam Kristus Yesus.

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Baca Yohanes 4:1-42

1. D Rujuk Yohanes 4:5
2. D Rujuk Yohanes 4:9
3. C Rujuk Yohanes 4:10
4. D Rujuk Yohanes 4:23

### Baca Lukas 10:25-37

5. A Rujuk Lukas 10:31-32
6. B Rujuk Lukas 10:31-32
7. D Rujuk Lukas 33-34
8. C Rujuk Lukas 10:35

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Apakah pengajaran daripada pertemuan Yesus dengan wanita Samaria itu? Bagaimanakah Yesus mencapai perempuan itu?

Tanya para pelajar jika mereka mempunyai rakan yang nakal tetapi kini ingin tahu tentang injil. Bagaimanakah mereka akan mengongsikan Berita Baik tentang Yesus kepadanya?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Yesus menjelajah dari Yudea ke Galilea. Ramai orang Yahudi akan mengelak Samaria, walaupun jaraknya lebih dekat semata-mata untuk mengelak orang Samaria. Yesus sengaja melalui Samaria. Rujuk Peta dalam buku multimedia.
- Perempuan itu bersendirian. Yesus menyapanya untuk meminta air minuman.
- Yesus memberitahu perempuan itu dia mampu memberikannya "Air Kehidupan".
- Yesus menjawab soalan perempuan itu dan berkata Dia tahu tentang masa silam dan keadaan semasanya Perempuan itu mempunyai lima orang suami dan tinggal bersama seorang lelaki yang bukan suaminya.
- Dalam ayah ke-26, Dia mendedahkan bahawa Dia ialah Penyelamat.

2. Mengapakah kisah orang Samaria yang baik hati memeranjatkan ahli taurat?

Orang Yahudi dan orang Samaria tidak serasi. Orang Samaria ialah keturunan Yahudi yang kekal di Israel (sewaktu ramai orang Israel dibuang ke Babel kira-kira tahun 580 Sebelum Masihi) dan mengahwini orang bukan Yahudi. Mereka mempercayai buku-buku Musa, iaitu lima buku pertama dalam Perjanjian Lama, tetapi menerima buku-buku lain dalam kitab suci mereka. Oleh itu, mereka mencipta agama Yahudi sesat. Ramai orang Yahudi mempersendakan mereka kerana mengamalkan "agama palsu". Selain itu, beberapa tahun sebelum kelahiran Yesus, orang Samaria memihak kuasa luar seperti Yunani dan Roma demi kemudahan mereka menentang orang Yahudi. Sebab itulah orang Yahudi dan ahli Taurat membenci mereka. Ceritakan kisah ini kepada para pelajar (dengan cerita yang mudah difahami) kemudian tanya mereka mengapakah Yesus tidak memilih lelaki Yahudi sebagai watak utama ceritanya sebagai "Orang Yahudi yang Baik".

3. Apa yang boleh kita pelajari daripada kisah orang Samaria yang baik?

Kisah ini menekankan tentang siapakah jiran kita. Pengajaran utamanya ialah jiran yang baik dalam kisah ini ialah seseorang yang bertemu orang dalam keperluan. Bagi orang Samaria itu, mangsa yang tercedera itu berasal daripada bangsa musuh. Orang Yahudi sentiasa memandang rendah terhadap orang Samaria kerana agama mereka yang tidak suci. Dalam Yohanes 4:20, wanita itu mengatakan orang Yahudi bongkak. Namun, orang Samaria itu meluangkan masa untuk membantu orang Yahudi yang tercedera. Injil tidak diberikan hanya kepada satu bangsa, tetapi kepada semua manusia. Bagi pelajar lebih dewasa yang ingin mempelajari kisah ini secara lebih lanjut, anda boleh rujuk ulasan Tyndale tentang Injil Yohanes.

## Kepentingan Bersikap Rendah Hati

Berdasarkan Bab 13 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus menceritakan bercerita tentang seorang budak untuk menggambarkan kepentingan merendahkan diri di hadapan Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 18:9-14 dan Matius 18:1-6

Cadangan Pembacaan Alkitab - Lukas 18:9-14  
Ayat Hafalan: Lukas 18:14 "Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan."

### Aktiviti:

Mainkan Kisah Multimedia – Kepentingan Merendahkan Diri.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia.

Bagi kanak-kanak dewasa, cuba lakukan Soalan Perbincangan dalam Multimedia sekiranya ada masa.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 2 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Lukas 18:14 "... sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan".
2. Yesus menjadikan budak kecil sebagai contoh untuk menunjukkan kepada murid-Nya bahawa Kerajaan Tuhan menghormati mereka yang merendahkan diri serta bersih hati dan percaya seperti anak-anak kecil.

### Kebenaran Alkitab

Yesus memanggil kita supaya menjadi rendah hati kerana hanya mereka yang rendah hati yang mampu menyentuh hati Tuhan.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Para pelajar patut berdoa agar Tuhan membantu mereka menjadi rendah diri. Selepas itu, mereka patut mencari jalan untuk menjadi lebih rendah diri dalam kehidupan seharian.

### Jawapan Buku Kerja

#### Umur 5-6

Rendah hati atau tidak?:



#### Umur 7-8

Cari: 1. riak 2. sombong 3. terbesar

#### Umur 9-10


Tahukah anda?:

Apakah erti "rendah diri" kepada kamu? Jawapan kemungkinan: tidak angkuh; tidak bercakap besar, tidak penting dan lain-lain.

Apakah yang bertentangan dengan rendah diri? Jawapan kemungkinan: angkuh, bongkak, bercakap besar, ego dan lain-lain.

1. Ya 2. Tidak 3. Tidak 4. Tidak


Rendah hati atau tidak?:



Adakah penting menjadi rendah hati?: Matius 18:3 "Yesus pun berkata, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kecuali kamu menjadi seperti kanak-kanak kecil, kamu tidak akan masuk ke dalam kerajaan syurga."

## Umur 11-12

A: Orang Farisi dan Pemungut Cukai



1. Orang Farisi : Tidak tamak, Jujur, Bukan penzina, Lebih bagus daripada orang lain; Setia mentaati Tuhan

Pemungut cukai : Berdosa; Memerlukan belas kasihan Tuhan

2. Pemungut cukai dan orang Farisi tidak akan diampunkan Lukas 18:14

3. "orang yang menganggap diri mereka sebagai orang yang benar dan menghina orang lain" Lukas 18:9

4. Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan. Lukas 18:14

### B: Kata-kata Yesus

Melainkan kamu menjadi seperti kanak-kanak kecil

Orang yang dianggap terbesar dalam kerajaan syurga

Sesiapa yang menyambut seorang kanak-kanak seperti ini kerana nama-Ku

Sesiapa yang menyebabkan seorang daripada kanak-kanak kecil yang percaya kepada-Ku ini berdosa

lebih baiklah baginya jika batu kisar diikatkan ke lehernya dan dia ditenggelamkan ke dalam laut yang dalam

menyambut-Ku

kamu tidak akan masuk ke dalam Kerajaan Syurga

ialah yang merendah diri dan bersikap seperti kanak-kanak ini berdosa

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Baca Lukas 18:9-14

1. C Rujuk Lukas 18: 10
2. E Rujuk Lukas 18:11-12
3. E Rujuk Lukas 18:13
4. A Rujuk Lukas 18:14

### Baca Matius 18:1-6

5. D Rujuk Matius 18:3

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah Yesus memilih pengutip cukai dan orang Farisi sebagai contoh dalam perumpamaan-Nya tentang sikap rendah diri?:

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Lukas 18:9 menceritakan Yesus bersama orang yang yakin bahawa mereka benar dan memandang rendah pada orang lain. Mungkin ada orang Farisi atau Ahli Taurat berhampiran Yesus pada ketika itu. Menurut Alkitab, mereka datang bukan untuk mendengar ajaran Yesus tetapi mencari kesilapan-Nya. Pengutip cukai biasanya dibenci kerana mereka membantu pengutip cukai untuk orang Rom sambil mengaut keuntungan. Mereka dianggap sebagai orang berdosa. Yesus tidak memuji dosa mereka, sebaliknya Dia memuji kesanggupan mereka meminta pengampunan daripada Tuhan.

2. Dengan ayat sendiri, jelaskan sebab pengutip cukai diampunkan tetapi orang Farisi pula tidak.

Minta pelajar untuk menjawab dengan ayat sendiri.

3. Mengapakah Yesus menggunakan kanak-kanak sebagai contoh dalam ajaran-Nya tentang orang tertinggi dalam Kerajaan Syurga?

Minta pelajar menjawab dengan ayat sendiri.

4. Apakah pengajaran daripada bab ini tentang kepentingan merendah diri?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Tiada sesiapa boleh diselamatkan dengan kebenaran sendiri. Roma 3:22 mengatakan kebenaran daripada Tuhan datang melalui iman dalam Yesus Kristus. Dalam Roma 3:23 Paulus mengajar kita bahawa "semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah"
- Sewaktu menghadap Tuhan, kita perlu merendahkan diri kerana kita hanya diselamatkan oleh kasih kurnia Tuhan. Efesus 2:5 berkata, "kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya"

# Pelajaran 20

## Ibarat tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai

Berdasarkan Bab 14 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus menceritakan dua perumpamaan yang menggambarkan kasih Tuhan kepada orang yang sesat. Satu perumpamaan menceritakan kegembiraan gembala yang menemui dombanya yang hilang. Perumpamaan yang satu lagi menceritakan kegembiraan seorang bapa selepas menemui anaknya yang hilang.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 15:1-31

Cadangan Pembacaan Alkitab - Lukas 15:1-31

Ayat Hafalan: Lukas 15:10 "Aku berkata kepadamu bahawa malaikat-malaikat Allah bergembira kerana seorang yang berdosa bertaubat."

### Aktiviti:

Mainkan Kisah Multimedia – Perumpamaan Hilang dan Ditemui.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia.

Bagi kanak-kanak dewasa, cuba lakukan Soalan Perbincangan dalam Multimedia sekiranya ada masa..

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 3 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Tuhan bersukacita kerana seorang yang bertaubat tidak kira betapa berdosa dia berbanding seorang lagi yang berfikir dirinya cukup salih dan tidak perlu bertaubat.
2. Kita seperti anak sesat yang perlu bertaubat. Tuhan seperti bapa pengasih yang menghulurkan tangan kepada anaknya yang hilang.
3. Cerita ini turut mengingatkan kita supaya tidak menjadi seperti abang yang angkuh.

### Kebenaran Alkitab

Tuhan ibarat bapa anak yang boros yang begitu mengasihi kami dan mengalu-alukan dengan amat sukacita keputungan kami kepada-Nya.


### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar pelajar memuji dan bersyukur kerana Tuhan gembira apabila mereka kembali kepada-Nya. Bagi pelajar lebih tua, kita perlu menjelaskan bahawa walaupun Tuhan menyayangi kita dan sentiasa menunggu keputungan kita, kita tidak patut mensia-siakkannya.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Ceritanya: 1. Wang 2. Babi 3. Rumah  
Tolong dia!:



### Umur 7-8

Tafsir: 1. Palsu 2. Benar 3. Benar 4. Palsu  
Cari jalan:



**Umur 9-10**

Yang hilang dan Yang dijumpai:




**Umur 11-12**

Belajar - Dua Perumpamaan:

1. Orang Farisi 2. seratus; hilang; meraikan 3. Syurga, berdosa, 4. bapa, bongsu 5. Babi, Tuhan 6. jubah, lembu 7. sulung, segala

Belajar - Carian Kata



**Jawapan Kuiz Multimedia**

Baca Lukas 15:1-7

1. E Rujuk Lukas 15:1-7
2. E Rujuk Lukas 15:5-6

Baca Lukas 15:11 – 31

3. D Rujuk Lukas 15:12
4. C Rujuk Lukas 15:15
5. B Rujuk Lukas 15:20
6. E Rujuk Lukas 15:22-23
7. E Rujuk Lukas 15:28-30

**Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia**

1. Apa yang anda akan lakukan sekiranya mempunyai seratus ekor kambing yang disayangi kemudian seekor daripadanya hilang?

Minta para pelajar menjawab dengan ayat sendiri. Anda boleh mengubah konteks bagi mereka. Sebagai contohnya, gantikan kambing dengan haiwan kesayangan yang lain seperti anjing atau kucing.

2. Bayangkan diri anda sebagai anak bongsu yang kehabisan wang warisan. Anda kini memberi khinzir makanan yang lebih banyak daripada makanan anda sendiri. Anda membayangkan rumah keluarga anda yang mewah dahulu. Ada ramai orang suruhan di sana, setiap seorang dijaga dengan baik dan bekerja dengan bangga. Namun, kini anda telah kehilangan segalanya. Apa yang anda akan lakukan?

Minta para pelajar membayangkan diri mereka dalam keadaan ini. Apakah yang mereka akan lakukan?

3. Bayangkan anda ialah bapa itu. Anda mempunyai dua orang anak lelaki. Anak bongsu tidak sabar menunggu kematian anda. Jadi, dia meminta warisannya lalu meninggalkan anda. Selepas sekian lama, dia pulang dengan pakaian selekeh dan meminta diupah menjadi orang suruhan. Apa yang anda akan lakukan?

Minta para pelajar membayangkan diri mereka dalam keadaan ini. Apa yang mereka akan lakukan?

4. Bayangkan anda ialah abang sulung itu. Adik anda lari dari rumah dengan hartanya dan kini pulang. Bapa anda amat gembira. Apa yang anda akan lakukan?

Minta pelajar memainkan watak anak yang hilang, abang yang cemburu dan bapa mereka.

5. Apakah pengajaran yang Yesus berikan tentang kasih sayang Bapa di Syurga? Apakah respons kita kepada kasih sayang Bapa di Syurga?

Tekankan pengajaran tentang kerendahan diri daripada bab sebelum ini. Kita perlu mengakui kita sesat tanpa Tuhan.

Yesus datang untuk menyelamatkan orang yang sesat dan mengaku mereka sesat tanpa Tuhan.

Tuhan memberikan kita jalan pulang kepada-Nya melalui iman dalam Yesus Kristus. Kita perlu mempercayai Yesus dan menerima-Nya dalam hidup kita sebagai Tuhan dan Penyelamat. Sekarang waktu yang sesuai untuk menjelaskannya kepada para murid secara perlahan-lahan dan meminta mereka melafazkan doa orang berdoa. Bagi mereka yang pernah melakukannya, mereka boleh melafazkannya sekali lagi.

# Pelajaran 21

## Yesus dan Lazarus

Berdasarkan Bab 15 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Lazarus, rakan karib Yesus, jatuh sakit. Dua orang adik-beradiknya, Marta dan Maria, memberitahu Yesus bahawa Lazarus jatuh sakit dan berharap Yesus akan datang ke rumah mereka untuk menyembuhkannya. Yesus melengahkan perjalanan-Nya dan apabila Dia tiba, Lazarus sudah mati dan dikebumikan selama empat hari. Selepas itu, buat kali pertama di khalayak ramai, Yesus menunjukkan kuasa-Nya dan membangkitkan Lazarus daripada kematian.

### Rujukan Alkitab:

Yohanes 11:1-57

Cadangan Pembacaan Alkitab - Yohanes 11:1-57

Ayat Hafalan: Yohanes 11:25 Yesus berkata kepada Marta, "Akulah kebangkitan dan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati."

### Aktiviti:

Mainkan Kisah Multimedia – Yesus dan Lazarus.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia.

Bagi kanak-kanak dewasa, cuba lakukan Soalan Perbincangan dalam Multimedia sekiranya ada masa..

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 4 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Yesus membangkitkan Lazarus. Dia berbuat demikian untuk membuktikan kepada para murid-Nya dan orang ramai bahawa Dialah Anak Tuhan. Dia menjelaskan kepada Marta supaya tidak perlu takut pada kematian tubuh, hanya percaya dan sedar bahawa Yesus mempunyai kuasa untuk memberi hidup selepas kematian.
2. Cerita ini turut menunjukkan sifat kemanusiaan Yesus. Walaupun Yesus tahu bahawa Dia boleh membangkitkan Lazarus, Yesus turut menangis apabila Dia melihat kehibaan dan kesedihan sahabat-sahabat-Nya.

### Kebenaran Alkitab

Sesiapa yang mempercayai Yesus akan dibangkitkan semula apabila Yesus kembali dan akan hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Supaya pelajar percaya bahawa Tuhan akan membangkitkan mereka semula apabila Yesus kembali dan mereka akan hidup bersama-Nya selama-lamanya.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Tunjukkannya:



Apa yang perlu dilakukan?: Mempercayai Yesus

### Umur 7-8

Bulatkan jawapan yang betul:

1. sakit.      2. mati      3. keyakinan      4. keluar

Tafsirkan: Akulah kebangkitan dan hidup

### Umur 9-10

Fikirkan:

- Melintang 4. Marta      5. Betania      6. Kayafas      9. Kebangkitan

- Ke bawah 1. Empat      2. Beriman      3. Batu      7. Percaya      8. Yudea

**Tafsir:** Dan kita tahu bahawa dalam semua Allah bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihi-Nya, yang telah dipanggil menurut rancangan-Nya

### Umur 11-12

**Belajar:** 1. betania; lazarus; sahabat 2. meninggal; mati 3. hidup; kebangkitan 4. mesias 5. menangis 6. Kemuliaan 7. kafan 8. percaya

**Respons:** 5. AKULAH KEBANGKITAN DAN HIDUP. SESIAPA YANG PERCAYA KEPADA-KU AKAN HIDUP, MESKIPUN DIA SUDAH MATI.

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Baca Yohanes 11:1-16

- |                           |                             |
|---------------------------|-----------------------------|
| 1. A Rujuk Yohanes 11:1-2 | 6. B Rujuk Yohanes 11:24    |
| 2. D Rujuk Yohanes 11:1   | 7. E Rujuk Yohanes 11:25-26 |
| 3. C Rujuk Yohanes 11:4-6 | 8. D Rujuk Yohanes 11:41-43 |
| 4. A Rujuk Yohanes 11:16  | 9. E Rujuk Yohanes 11:45-46 |
|                           | 10. B Rujuk Yohanes 11:49   |

### Baca Yohanes 11:17-37

5. B Rujuk Yohanes 11:17

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah Yesus menanguhkan selama dua hari sebelum pergi membantu Lazarus?

Jawapannya mudah – tanyalah pelajar dan bersedialah menerima jawapan luar biasa.

Menurut Alkitab, kita tahu Yesus akan menggunakan kejadian ini untuk membangkitkan Lazarus. Perkara ini akan membuat ketua imam dan Imam Agung cemburu terhadap-Nya. Namun, ia juga salah satu petanda bahawa Yesus memang Mesias.

2. Jelaskan dengan ayat sendiri tentang kata-kata Yesus dalam Yohanes 11:25 dan 26

Minta pelajar menjelaskan dengan kata-kata sendiri.

Bagi orang yang mempercayai Yesus, Dia akan mengurniakan kita hidup abadi. Tanyalah pelajar jika mereka mempercayai Yesus sebagai penyelamat peribadi dan Tuhan mereka.

3. Sewaktu Yesus membangkitkan anak perempuan Yairus, dia meminta Yairus dan isterinya untuk tidak memberitahu sesiapa. Mengapakah dia sengaja menunjukkan kuasa-Nya untuk membangkitkan orang sekarang?

Anda boleh bertanya pelajar lebih tua (umur 11-12) soalan ini.

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Sewaktu Yesus melakukan banyak keajaiban, Dia tidak mahu dipaksa menjadi pemimpin politik
- Sewaktu Dia membangkitkan Lazarus daripada kematian, Yesus bakal memasuki Yerusalem dengan gemilang dan menyebabkan ketua imam cemburu lalu menangkap dan menyalibkan-Nya. Yesus kini bersedia untuk mendedahkan diri sebenar-Nya kepada orang awam.

4. Mengapakah Kayafas dan orang Farisi begitu bimbang tentang Yesus dan mahu membunuh-Nya?

Jawapan Alkitab boleh ditemui dari Yohanes 11:45-53

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Yesus mampu melakukan keajaiban luar biasa. Dia amat terkenal berdasarkan sambutan orang ramai sewaktu Dia memasuki Yerusalem.
- Ketua imam takut Dia akan memimpin pemberontakan dan menyebabkan kerajaan Rom menghapuskan kota, institusi dan bait suci rumah ibadat mereka.
- Mereka mahu mengekalkan keadaan kerana posisi mereka agak selesa pada ketika itu.
- Mereka tidak peduli jika Yesus ialah Mesias seperti yang dinubuatkan dalam Perjanjian Lama.
- Mereka tidak peduli jika Tuhan benar-benar telah mengutus Mesias.

5. Apa yang boleh kita pelajari daripada Maria dan Marta daripada kisah ini? Apa yang boleh kita pelajari daripada Yesus dalam kisah ini?

Walaupun kisah ini tertumpu pada keajaiban Yesus yang menunjukkan Dia mempunyai kuasa Tuhan, ada beberapa hal yang boleh kita pelajari daripada watak-watak lain dalam cerita ini.

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Maria dan Marta pasti kecewa kerana Yesus tiba empat hari selepas kematian adik mereka Lazarus dan dikebumikan. Marta mengatakannya dalam Yohanes 11:21; Maria mengatakannya dalam Yohanes 11:32.
- Namun, apabila Yesus tiba, Marta bergegas bertemu dengan Tuhan.
- Apabila ditanya oleh Yesus sama ada dia percaya Yesus mampu membangkitkan Lazarus daripada kematian, dia menjawab dengan iman dan ajaran dalam Perjanjian Lama, bahawa adiknya akan dibangkitkan pada hari penghakiman.
- Sewaktu dicabar oleh Yesus jika dia percaya semua orang yang mempercayai Yesus tidak akan binasa, dia menjawab dengan yakin, "Ya" dan memanggil Yesus ialah Mesias atau Kristus.
- Apabila Yesus meminta mereka mengalihkan batu itu, mereka tahu mayat Lazarus yang telah dikebumikan selama empat hari akan berbau busuk. Namun, mereka menunjukkan iman dan mematuhi arahan Tuhan dengan memindahkan batu yang menutup laluan masuk kubur itu.
- Akhirnya, Yesus melakukan keajaiban-Nya dengan membangkitkan Lazarus. Lalu ramai orang yang menyaksikan mempercayai-Nya. Iman Maria dan Marta pasti semakin teguh. Namun,, tidak semua orang percaya. Ada orang yang melaporkan perkara itu kepada ketua imam dan memulakan kejadian yang akhirnya membuat Yesus ditangkap dan disalibkan.

# Pelajaran 22

## Yesus dan Zakheus

Berdasarkan Bab 16 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus sedang berangkat ke Yerusalem. Dalam perjalanan-Nya, di Yerikho, Dia menyembuhkan seorang lelaki buta. Seorang ketua pengumpul cukai yang dicaci ramai memanjat sebatang pokok ara untuk melihat Yesus. Daripada sekadar melihat Yesus, rumahnya dikunjungi oleh Yesus. Di sana, Zakeus mengumumkan dia akan membayar semula orang yang ditipunya dan memberikan separuh daripada hartanya kepada orang miskin.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 18:35-43 dan 19:1-10

Cadangan Pembacaan Alkitab - Lukas 19:1-10  
Ayat Hafalan: Matius 12:35 "Orang yang baik membuahkan hal-hal baik daripada khazanah simpanannya kerana hatinya penuh kebaikan. Orang yang jahat membuahkan hal-hal jahat kerana hatinya penuh kejahatan."

### Aktiviti:

Mainkan Kisah Multimedia – Yesus dan Zakeus.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia.

Bagi kanak-kanak dewasa, cuba lakukan Soalan Perbincangan dalam Multimedia sekiranya ada masa..

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 4 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Lelaki buta mempunyai iman dan keberanian untuk memohon belas kasihan Tuhan.
2. Seorang ketua pemungut cukai menunjukkan pertaubatannya dan menerima pengampunan daripada Yesus.
3. Bukan mereka yang angkuh dan mengangap dirinya salih seperti Orang Farisi yang berada pada jalan benar ke syurga, tetapi mereka yang bertaubat dan meminta pengampunan Tuhan yang menerima penyelamatan.

### Kebenaran Alkitab

Apabila kita betul-betul menyesali kesalahan yang telah kami buat, tingkah laku kita akan menunjukkan bahawa kita sudah insaf.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar kanak-kanak menunjukkan melalui tindakan bahawa mereka menyesali kesilapan mereka.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Adakah mereka betul atau salah: Salah; Salah; Salah; Salah; Salah

### Umur 7-8

Cari: 1. ketua pemungut cukai; lelaki pendek  
2. pokok ara 3. separuh; menipu; empat

### Umur 9-10

Menyelamatkan cerita:

1. Pengemis
2. Ketua pemungut cukai; wang
3. Melihat Yesus
4. Pokok ara; bermalam di rumahnya
5. Mengkritik
6. miskin; empat
7. Hari ini; hilang

Rendah hati atau tidak?:

1. Yusuf tidak patut menipu ibu bapanya; dia patut gunakan wang itu untuk membeli buku.
2. Maggie tidak patut menengking dan menendang adiknya walaupun dia salah.
3. Nicole tidak patut mendedahkan privasi Martin kepada semua orang dan dia perlu menghormati Martin.
4. Emily tidak patut menyumpah ibunya; Dia patut menyiapkan kerja rumahnya.
5. Ronald patut menghormati neneknya dan tidak sengaja memasang muzik dengan kuat.

## Jawapan Kuiz Multimedia

Baca Lukas 18:35-43 dan 19:1-9

1. B Ayat pembuka kisah multimedia mengatakan "Yesus kini berjalan ke arah Yerusalem. Tetapi dalam perjalanan, dia melalui Yerikho." Dalam Alkitab, kisah ini diceritakan dalam Lukas 19:28.
2. D Rujuk Lukas 19:1
3. C Rujuk Lukas 19:4
4. C Rujuk Lukas 19:5
5. D Rujuk Lukas 19:8
6. D Rujuk Lukas 19:10

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Zakheus ialah seorang ketua pengutip cukai. Anda rasa apakah perasaannya dan apakah perasaan mereka sewaktu melihat Zakheus memanjat pokok ara itu?

Minta pelajar menceritakan kisah itu dengan ayat sendiri. Anda boleh memilih pelajar untuk memainkan watak Zakheus, Yesus dan beberapa orang lagi sebagai orang awam. Minta mereka melakonkan semula babak itu dengan ayat sendiri.

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Kutipan cukai biasanya dilakukan melalui sebutan harga. Pengutip cukai akan membida harga yang dikutip dari sesebuah kota. Pembida tertinggi akan diupah. Selepas itu, dia akan mengutip cukai yang lebih tinggi untuk mengumpulkan potongan keuntungan sendiri. Oleh itu, mereka dibenci oleh penduduk tempatan.
- Pasti ganjil untuk melihat pengutip cukai dengan pakaian mahal yang memanjat pokok. Penulis Injil berfikir seorang insan yang dibenci, kaya, bertubuh pendek dan berpaut pada pokok ara memang berbaloi untuk ditulis. Orang ramai pasti mengetawakannya. Zakheus tahu dia akan diketawakan, tetapi tetap berbuat demikian. Dia pasti benar-benar mahu melihat Yesus. Tanpa disangka, Yesus berhenti dan bertanya untuk bermalam di rumahnya.

2. Mengapakah Yesus berkata, "Keselamatan telah datang ke rumah ini pada hari ini"?

Nama "Yesus" berasal daripada nama "Yosua" yang bermaksud "Tuhan menyelamatkan", jadi ungkapan ini adalah satu mainan bunyi. Keselamatan telah datang ke rumah ini mungkin didengari sewaktu Yesus memasuki rumahnya. Tuhan maha pengampun dan memaafkan orang yang bertaubat kepada-Nya. Yesus berkata demikian untuk menunjukkan bahawa Zakheus, pengutip cukai dan orang berdosa mampu menerima keselamatan melalui pertaubatannya.

3. Apakah pengajaran daripada kisah Zakheus?

Sesetengah pengajaran telah dibincangkan dalam Soalan 1. Rujuk Perkara untuk dipertimbangkan dalam Soalan 1. Beberapa perkara lain untuk dipertimbangkan:

- Zakheus ikhlas untuk bertaubat. Dia mahu membayar semula empat kali ganda kepada orang yang ditipunya dan memberikan separuh daripada hartanya kepada orang miskin.
- Zakheus memastikan dia mematuhi syarat Perjanjian Lama dan melebihinya. Rujuk Keluaran 22:1, Bilangan 5:7 dan 2 Samuel 12:6.
- Zakheus membuat kenyataan di khalayak umum secara spontan atas kehendak sendiri. Inilah bukti keikhlasannya.
- Hakikat Yesus berkata, "Keselamatan telah datang ke rumah ini," bermaksud Yesus tahu Zakheus adalah ikhlas, oleh itu, dia pun menerima pengampunan.

# Pelajaran 23

## Yesus Masuk ke Yerusalem

Berdasarkan Bab 17 dalam E-Pelajar

### **Tema / Rumusan Cerita:**

Yesus memasuki Yerusalem. Ada orang ramai menunggu untuk menyambut-Nya. Segelintir daripada mereka pernah melihat Dia membangkitkan Lazarus selepas dikebumikan selama empat hari. Mereka tidak sabar untuk menyambut Yesus sebagai raja.

### **Rujukan Alkitab:**

Matius 21:1-11, Lukas 19:39-44 dan Markus 11:15-19

Cadangan Pembacaan Alkitab - Matius 21:1-11 dan Lukas 19:39-44 Ayat Hafalan: Wahyu 19:16 Pada jubah dan paha-Nya tertulis nama: "Raja Segala Raja, Tuan Segala Tuan"

### **Aktiviti:**

Mainkan Kisah Multimedia – Yesus Memasuki Yerusalem – sehingga Lukas 19:44, pada bahagian Yesus bernubuat ke atas Yerusalem dan sebelum kisah Nikodemus.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia sehingga Soalan 9.

Bagi pelajar lebih tua, bincangkan Soalan Perbincangan 1, 2 dan 3 dalam Multimedia bergantung pada masa.

### **Persediaan**

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 7 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### **Pengajaran Daripada Cerita**

1. Ketika Yesus masuk ke Yerusalem, ramai orang menunggu untuk mengalu-alukan-Nya sebagai raja. Tetapi rancangan Yesus bukan untuk menubuhkan kerajaan di bumi. Pekerjaan misi-Nya bukan untuk membebaskan orang Yahudi daripada perhambaan orang Roma tetapi daripada belenggu kejahatan dan dosa.
2. Yesus membersihkan Bait Suci dengan menghalau penjual-penjual jahat dari halamannya.

### **Kebenaran Alkitab**

Yesus Raja segala Raja yang datang ke bumi untuk memerintah sebagai raja dalam hidup kita, bukan sebagai raja duniawi.

### **Objektif, Penerapan dan Doa**

Agar para pelajar membenarkan Yesus menjadi raja dalam hidup mereka.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Yesus melawan Raja-Raja: menunggang kuda jantan; berwibawa; tidur di mana-mana; melayani orang lain.

### Umur 7-8

Cari: 1. Paskah  
2. keldai  
3. jubah; dahan-dahan

### Umur 9-10

Kuiz ringkas: 1. b 2. a 3. c 4. d 5. a

### Umur 11-12

Belajar: 1. Betul 2. Betul 3. Palsu 4. Betul 5. Palsu  
6. Palsu 7. Betul 8. Palsu 9. Betul 10. Betul

Respons A: 1. Orang ramai #1 2. raja #3  
3. Roma #2 4. Maut di kayu salib #1  
5. hati #5

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Baca Matius 21:1-11 dan Lukas 19:39-44

- A Kenyataan ini dibuat pada awal kisah multimedia. Kita turut mengetahuinya kerana ia dirujuk daripada Markus 14:1, Lukas 22:1 dan Yohanes 11:55.
- B Rujuk Matius 21:1-2
- D Rujuk Matius 21:8
- D Rujuk Lukas 19:39
- C Rujuk Lukas 19:40
- D Rujuk Lukas 19:42-44

### Baca Markus 11:11-19

- B Rujuk Markus 11:11
- D Rujuk Markus 11:15-16
- D Rujuk Markus 11:17. Ini cuma salah satu peristiwa Yesus mengkritik orang Farisi dan ketua imam.

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

### 1. Mengapakah orang ramai di Yerusalem tidak sabar menunggu Yesus?

Minta para pelajar menjawab dengan ayat sendiri.

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Yohanes 11:56-57 dan Yohanes 12:17-18 memberikan petunjuknya. Perkara ini terjadi tidak lama selepas Yesus membangkitkan Lazarus daripada kematian. Orang ramai teruja dan mahu melihat Yesus di Yerusalem.
- Yesus sering mengelak untuk menunjukkan kuasa-Nya di khalayak ramai. Sewaktu dia menggandakan ikan dan roti untuk dimakan orang ramai, mereka memaksa Yesus agar menjadi ketua politik mereka. Peristiwa ini ditulis dalam Yohanes 6:14-15. Kini mereka mahu melakukannya sekali lagi. Kita mengetahuinya berikutan reaksi ketua imam dan niat mereka untuk membunuh Yesus.

### 2. Mengapakah Yesus memasuki Yerusalem sambil menunggang keldai?

Matius 21:4-5 memberikan jawapannya. Dia berbuat demikian untuk menggenapi nubuat Perjanjian Lama bahawa Mesias, raja mereka, akan datang sambil menunggang keldai jantan. Hakikat ini turut ditulis dalam Yohanes 12:15. Kejadian ini bertujuan memenuhi nubuat dalam Zakharia 9:9.

Ia turut menunjukkan Yesus ialah seorang Raja yang rendah diri.

### 3. Mengapakah Yesus bersedih tentang Yerusalem?

Jawapannya ada dalam Lukas 19:41-44. Dia meramalkan kejatuhan Yerusalem. Pada tahun 70 M, orang Roma menyerang Yerusalem dan selepas pertempuran yang dahsyat, Yerusalem pun dihancurkan. Seramai beberapa ratus ribu orang Yahudi terbunuh. Ini ialah bencana kedua paling teruk dalam sejarah negara orang Yahudi selepas Holokus daripada tentera Nazi pada Perang Dunia Kedua.

Minta para pelajar membayangkan senario ini: Mereka tahu orang yang disayangi bakal menempuhi bencana. Mereka boleh diberikan amaran tetapi mereka enggan berubah. Semua amaran yang diberikan tidak berguna. Mereka akan tetap menghala ke arah bencana dan tidak boleh diselamatkan. Apakah perasaan mereka? Inilah perasaan Yesus kerana Dia amat menyayangi kita. Jika kita menolak-Nya, Dia pasti amat sedih.

# Pelajaran 24

## Yesus dan Nikodemus

Berdasarkan Bab 17 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Kisah ini ialah cerita sampingan dalam petikan. Nikodemus ialah seorang Farisi dan anggota sidang pemerintah, Mahkamah Agama, mahu berjumpa Yesus. Bagi bertemu Yesus secara sulit, dia keluar pada waktu malam. Dalam perbualan Yesus dengan Nikodemus, penulis Injil Yohanes menceritakan inti pati injil iaitu misi Mesias dan respons manusia, dalam satu cerita ringkas.

### Rujukan Alkitab:

Yohanes 3:1-21

Cadangan Pembacaan Alkitab - Yohanes 3:1-21

Ayat Hafalan: Yohanes 3:16 "Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal."

### Aktiviti:

Mainkan Kisah Multimedia – Yesus memasuki Yerusalem - dan tumpukan pada perbualan antara Yesus dan Nikodemus.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia Soalan 10 dan 11.

Bagi pelajar lebih matang, cuba lakukan Soalan Perbincangan 4 dan 5 dalam Multimedia sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 7 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### Pengajaran Daripada Cerita

Dalam pertemuan-Nya dengan Nikodemus, Yesus menerangkan tujuan sebenar mengapa Dia datang ke dunia ini. Hal ini ditulis dalam Yohanes 3:16 yang berbunyi, "Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal."

### Kebenaran Alkitab

Tuhan tidak mengutus Yesus ke bumi untuk menghakimi kita, tetapi Dia mengutus Yesus untuk menyelamatkan kita daripada dosa kerana Dia mengasihi kita.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Supaya para pelajar akan berterima kasih kepada Tuhan kerana begitu menyayangi mereka sehingga Dia mengutus Yesus ke dunia untuk menyelamatkan mereka daripada dosa. Tanya mereka apakah bagaimanakah cara mereka berterima kasih kepada Tuhan.


# Jawapan Buku Kerja

## Umur 5-6

Padankan:

1. Nikodemus 2. Tuhan 3. Dilahirkan 4. Anak-nya

Mencari Yesus:



## Umur 7-8

Cari: 1. Betul 2. Betul 3. Palsu

Tafsirkan:


TUHAN BEGITU MENGASIHI DUNIA SEHINGGA MENGANUGERAKAN ANAK-NYA YANG TUNGGAL SUPAYA SETIAP ORANG YANG PERCAYA KEPADA-NYA BINASA MELAINKAN MENDAPAT TIDAK HIDUP KEKAL.

## Umur 9-10

Padankan:

1. Nikodemus nampak bahawa Yesus mengajar perbenaran daripada Kitab Suci.
2. Tidak mungkin seseorang melakukan mukjizat seperti yang Kaulakukan kecuali Allah menyertai-Nya.
3. kecuali seseorang dilahirkan semula, dia tidak dapat melihat kerajaan Tuhan.
4. bagaimana mungkin kamu percaya sekiranya Aku bercakap tentang hal-hal syurga?
5. supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.

Cari para murid Yesus: dia nampak bahawa Yesus mengajar perbenaran daripada Kitab Suci.



## Umur 11-12

Belajar:

1. guru yang diutus Tuhan.
2. dilahirkan semula secara Rohani.
3. Tuhan mengasihi manusia.
4. menghakiminya tetapi untuk menyelamatkannya.
5. perbuatan mereka durjana.

## Jawapan Kuiz Multimedia

Baca Yohanes 3:1-21

10. C Rujuk Yohanes 3:1  
11. A Rujuk Yohanes 3:14 dan Bilangan 21:8,9

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

4. Mengapakah Nikodemus datang berjumpa Yesus pada waktu malam? Apakah niatnya untuk berjumpa Yesus? Apa yang boleh kita pelajari daripada perbualannya bersama Yesus?  
Kita tidak tahu bilakah pertemuan ini berlaku. Malah, ia mungkin berlaku sewaktu Yesus melawat Yerusalem sebelum itu. Akan tetapi, dalam buku ini, kami menceritakannya seolah-olah ia mungkin berlaku pada lawatan Yesus suatu ketika dahulu. Kami berbuat begini kerana Nikodemus ialah salah seorang ahli mahkamah agama yang tidak mahu membunuh Yesus.

Perbualan ini mempunyai ajaran yang mendalam daripada Yesus. Ada banyak ulasan terperinci yang ditulis tentang perbualan ini. Bagi pembelajaran ini, kami meringkaskannya seperti berikut:

- Yohanes 3:16 Tuhan begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.
- Kita perlu dilahirkan semula, menjemput Yesus dalam hidup kita untuk mengubah fikiran dan kelakuan kita. Rujuk Yohanes 3:3.
- Sama seperti sewaktu Musa mengangkat ular gangsa (Rujuk Bilangan 21:8-9), Yesus perlu melalui kematian yang hina demi dosa kita dan orang yang mempercayai-Nya akan menerima hidup kekal. Rujuk Yohanes 3:15.

5. Ringkaskan pengajaran utama daripada kisah ini.  
Ulang kaji nota pengajaran untuk Soalan 1 hingga Soalan 4 kemudian rumuskan pengajaran ini dan pengajaran sebelum ini.

# Pelajaran 25

## Perjamuan Tuhan

Berdasarkan Bab 18 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus menyediakan jamuan Paskah bersama murid-Nya. Yesus mengajar mereka melalui teladan tentang kerendahan hati. Yudas merancang untuk mengkhianati Yesus. Yesus ada pesanan terakhir untuk Yudas dan memberikannya peluang untuk menukar fikiran.

### Rujukan Alkitab:

Matius 26:14-30 dan Yohanes 13:1-34  
Cadangan Pembacaan Alkitab - Yohanes 13:1-34

Ayat Hafalan: Yohanes 13:24 "Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu: Kasihilah satu sama lain. Sebagaimana Aku telah mengasihimu, kasihilah sesama sendiri."

### Aktiviti:

Mainkan cerita multimedia – Perjamuan Tuhan – kemudian hentikan selepas Yudas menerima roti daripada Yesus dan beredar pada waktu malam.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia Soalan 1-4.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan 1, 2 dan 3 dalam Multimedia sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 7 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Yudas berpakat dengan ketua-ketua imam untuk mengkhianati Yesus.
2. Yesus membasuh kaki para murid-Nya. Dengan berbuat demikian, Dia memberikan contoh kepada kita supaya rendah hati dan berhati hamba, sikap yang harus diteladani oleh semua pengikut-Nya.

### Kebenaran Alkitab

Yesus memanggil kita meneladani-Nya melayan orang lain dengan hati hamba.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar mengikuti contoh Yesus dalam melayani orang lain dengan hati seorang hamba. Ajukan soalan tentang apa yang boleh mereka lakukan untuk membuktikannya. Selepas itu, mintalah mereka mendoakannya.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

**Berkhidmat:** membantu memenuhi keperluan orang lain


**Bagaimanakah kamu melayani orang lain?:**

1. HITAM      2. MERAH      3. HITAM      4. MERAH

### Umur 7-8

- Cari:**
1. Yudas
  2. 30 keping perak
  3. kaki
  4. tangannya

**Carikan:**



1. roti
2. atas
3. jubah; air; besen; kaki

### Umur 9-10

**Cerita tersebut mengenai apa?:**

1. Matius 26:14-16 – Membunuh Yesus. - Yudas
2. Yohanes 13:1-5 – Malam; makan di bilik atas. Yesus membasuh kaki murid-Nya.

3. Yohanes 13:6-17 - Simon Petrus – Tentang sebab Petrus perlu membenarkan Yesus membasuh kakinya serta tentang orang yang akan mengkhianati-Nya.
4. Yohanes 13:14-17 – Pengajaran tentang orang percaya perlu menunjukkan kerendahan diri kepada satu sama lain.

Tahukah anda?: membantu memenuhi keperluan orang lain

Bagaimana kamu melayan orang lain:

(Merah): 2, 3, 6, & 8. (Hitam): 1, 4, 5, 7, 9, & 10.

Carikan: Rujuk Carikan bagi Umur 7-9

## Umur 11-12

Belajar:

Fakta Terkeliru:

1. Jubah
2. Mengikatkan di sekitar pinggang
3. Yohanes
4. Yohanes tidak boleh menjadi murid-Nya
5. Yohanes menyuruh Petrus
6. Sekeping daging
7. Keluar membeli makanan lebih
8. Menyuruh para murid-Nya ambilkan sendiri
9. Secawan air
10. Gunung Yerusalem

Pembetulan:

1. Jubah luar
2. Mengikat sehelai tuala
3. Simon Petrus
4. Dia tidak boleh menjadi murid Yesus.
5. Petrus menyuruh Yohanes
6. Secebis roti
7. Membeli bekalan yang diperlukan untuk Perayaan Paskah, atau memberi sedekah kepada orang miskin
8. Memberikannya kepada murid-murid-Nya
9. Secawan wain
10. Bukit Zaitun

Pengajaran Daripada Kisah

Respons: Being Like the Master

1. Jika Aku sebagai Tuhan dan Gurumu sanggup membasuh kaki kamu, maka haruslah kamu saling membasuh kaki sesama sendiri.
2. Aku telah memberi teladan kepada kamu semua. Lakukanlah apa yang telah Kulakukan untukmu.
3. seorang hamba tidak lebih besar daripada tuannya.

## Jawapan Kuiz Multimedia

Baca: Matius 26:14-16; Yohanes 13:1-38

dan Markus 14:12-25

1. C Rujuk Matius 26:14-15
2. D Rujuk Yohanes 15:5
3. B Yohanes tidak disebut di sini, tetapi berdasarkan gambaran dalam Alkitab, hampir semua pengulas mengatakan ayat dalam Yohanes 13:23-24 merujuk kepada Yohanes sebagai "murid yang dikasihi oleh Yesus."
4. D Rujuk Yohanes 13:29

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Menurut anda, apakah maksud Yesus membasuh kaki murid-Nya? Apakah pengajarannya untuk kita?

Kadangkala, orang Yahudi yang kaya akan menyediakan orang suruhan atau hamba untuk membasuh kaki tetamu, terutamanya tetamu kenamaan. Tugas ini amat hina dan biasanya tidak diberikan kepada orang suruhan Yahudi. Biasanya, orang suruhan atau hamba bukan Yahudi yang melakukan tugas ini.

Sewaktu Yesus membasuh kaki murid-Nya, Dia mengajar mereka bahawa pelayanan Kristian ialah pelayanan kehambaan dan kerendahan diri.

2. Apa yang boleh kita pelajari tentang sikap Simon Petrus dalam kisah ini?

Tanyalah pendapat para pelajar.

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Dia tidak sanggup membiarkan Tuhan membasuh kaki-Nya. Sewaktu dia meminta Tuhan untuk tidak membasuh kakinya, dia bukanlah bersikap angkuh, tetapi dia tidak memahami perkara yang dilakukan Yesus dan menganggap status dirinya terlalu rendah untuk menerima layanan sedemikian daripada Yesus.
- Sewaktu Yesus berkata dia perlu membenarkan Yesus berbuat begitu untuk menerima Yesus, Simon meminta seluruh tubuhnya untuk dibasuh akibat salah faham. Simon ikhlas, tetapi kadangkala dia bertindak dan bercakap melulu tanpa berfikir terlebih dahulu.
- Dia menyayangi Tuhan. Yesus mampu melihatnya. Tetapi Simon Petrus dan murid yang lain terlalu yakin tentang iman mereka, mengisytiharkan mereka tidak akan meninggalkan Tuhan dalam bahaya. Daripada mengaku dia tidak akan menyangkal Yesus (Matius 26:35), Petrus mungkin perlu mengaku dia turut ketakutan dan meminta kekuatan daripada Tuhan.

3. Adakah anda berfikir Yesus memberikan Yudas peluang untuk bertaubat? Apakah maksud kata-kata Yesus kepada Yudas dalam kisah ini?

Rujuk seksyen Maklumat Menarik dalam buku multimedia. Adalah lazim pada zaman itu untuk tuan rumah mencelup roti dengan sos dan memberikannya kepada tetamu kegemaran. Tindakan itu menunjukkan persahabatan dan kasih sayang. Sewaktu Yesus memberikan Yudas roti yang dicelup seperti yang diceritakan dalam Yohanes 13:26-30, Dia memberitahu Yohanes siapakah pengkhianat itu sambil memberitahu Yudas, "Yudas, kamu ialah kawan saya. Saya menyayangi kamu. Kamu tidak perlu berbuat begini." Rujuk Tyndale Commentary tentang Yohanes 13:30. Yudas telah mengikuti Yesus selama tiga tahun. Yudas mempunyai banyak peluang untuk melihat diri sebenar Yesus dan berpeluang memilih untuk mengikuti-Nya, tetapi dia tetap mengkhianati Yesus demi wang.

# Pelajaran 26

## Jamuan Paskah dan Ertinya

Berdasarkan Bab 18 dalam E-Pelajar

### **Tema / Rumusan Cerita:**

Yesus menyambut jamuan Paskah bersama murid-murid-Nya. Dia meminta mereka untuk mengamalkan jamuan itu untuk mengingati pengorbanan-Nya demi mereka di atas kayu salib. Jamuan Paskah yang diperbaharui kini diamalkan oleh pengikut-Nya dan dipanggil sebagai Perjamuan Tuhan.

### **Rujukan Alkitab:**

Markus 14:22-26; Yohanes 13:18-38

Cadangan Pembacaan Alkitab - Markus 14:22-25

Ayat Hafalan: Matius 26:28 “Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa.”

### **Aktiviti:**

Mainkan cerita multimedia – Perjamuan Tuhan – sehingga bahagian bertajuk: Perjamuan Paskah dan Maksudnya.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia 5-8.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan 4 dan 5. Masa pasti mencukupi kerana bahagian multimedia untuk pengajaran ini agak singkat.

### **Persediaan**

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 8 daripada buku multimedia. Mainkan cerita multimedia interaktif – Perjamuan Tuhan.

### **Pengajaran Daripada Cerita**

1. Yesus memberitahu mereka yang Dia akan dikhianati.
2. Yesus menggunakan jamuan Paskah untuk menggambarkan apa yang akan dilakukan-Nya. Yesus mengumumkan Perjanjian Baru di mana kematian-Nya akan menjadi korban terakhir untuk menebus dan membebaskan semua orang percaya daripada dosa.

### **Kebenaran Alkitab**

Tuhan membuat perjanjian baharu dengan kita melalui pencurahan darah Yesus untuk menebus dosa kita.

### **Objektif, Penerapan dan Doa**

Agar para pelajar memahami sebab pengorbanan Yesus mampu menghapuskan dosa mereka. Mintalah mereka untuk menjemput Yesus dalam hati dan mengampunkan dosa mereka.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Kenal pasti #1: roti; cawan; wain.

Kenal pasti #2: "Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa." Matius 26:28

### Umur 7-8

Cari: 1. roti 2. tubuh 3. cawan 4. darah

### Umur 9-10


Apa itu jamuan Paskah?: YESUS ANAK TUHAN

### Umur 11-12

Belajar – Diari Terkeliru Saya:

1. Kematian anak sulung
2. Menyuruh semua orang duduk rumah;  
Membunuh seekor anak domba dan menyapukan darahnya pada bingkai pintu rumah
3. Anak domba Paskah

### B. Membenarkan Yesus Bertakhta



## Jawapan Kuiz Multimedia

5. A Rujuk Matius 26: 26, Markus 14:22 dan Lukas 22:19
6. B Rujuk Matius 26:27
7. C Rujuk Markus 14:32. Matius 26:36 mengatakan selepas Perjamuan Tuhan, mereka pergi ke tempat bernama Getsemani. Getsemani ialah sebuah tempat di Bukit Zaitun.
8. D Rujuk Matius 26:29

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

4. Jelaskan dengan ayat sendiri pengajaran Yesus dalam Jamuan Paskah itu.  
Nota: Ada banyak pengajaran di sini. Banyak khutbah yang boleh dibuat berdasarkan pelbagai aspek Jamuan Paskah ataupun Perjamuan Tuhan pada zaman sekarang.  
Memandangkan kita mengajar pelajar Sekolah Minggu, berikut adalah beberapa pengajaran yang boleh dirumuskan:
  - Yesus meminjam Jamuan Paskah untuk Perjamuan Tuhan. Sama seperti Jamuan Paskah dimakan untuk mengingatkan orang Yahudi tentang cara Tuhan membebaskan mereka daripada perhambaan di Mesir, Perjamuan Tuhan mengingatkan kita tentang cara Tuhan menyelamatkan kita daripada perhambaan dosa.
  - Seekor domba dikorbankan bagi menyambut jamuan itu. Yesus akan menjadi Domba Paskah, mati di kayu salib untuk menghapuskan dosa kita. Tuhan mengampunkan kita dan penghakiman-Nya tidak membinasakan kita kerana darah yang ditumpahkan Yesus di kayu salib.
  - Roti itu melambangkan tubuh Kristus – dipecahkan untuk kita. Paulus menjelaskan maksudnya secara lebih teliti dalam 1 Korintus 10:16-18.
  - Wain itu melambangkan darah Kristus – dicurahkan untuk membayar dosa kita dan menebus kita.
  - Apabila kita mengikuti Perjamuan Tuhan, kita mengingatkan diri bahawa kita telah menerima Kristus dan semua yang Dia telah lakukan demi dosa kita. Kita telah diselamatkan dan menjadi milik-Nya.
  - Pelajar lebih matang (umur 11-12) boleh membaca 1 Korintus 11:17-34 tentang ajaran Paulus berkaitan cara menyambut Perjamuan Kudus yang tepat.
5. Apa yang kita boleh pelajari daripada kisah ini dan bagaimanakah kita boleh menerapkannya?  
Ringkaskan pengajaran daripada setiap soalan di atas dan pengajaran sebelum ini. Ajukan pertanyaan tentang cara pengajaran ini boleh diterapkan dalam hidup mereka.

# Pelajaran 27

## Taman Getsemani

Berdasarkan Bab 19 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Selepas makan, Yesus membawa murid-Nya ke Taman Getsemani. Dia memberitahu murid-Nya bahawa Dia bakal dikhianati dan ditangkap. Selepas itu, Dia membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes untuk berdoa dengan-Nya sementara yang lain berkawal dari jauh. Yesus berdoa agar kehendak Tuhan terlaksana. Tidak lama kemudian, Yudas membawa sekumpulan pengawal dan menangkap Yesus.

### Rujukan Alkitab:

Markus 14:27-42; 47-56 dan Matius 26:31-46  
Cadangan Pembacaan Alkitab - Markus 14:27-42  
Ayat Hafalan: Markus 14:36 "Kata-Nya, "Abba, Bapa, segala-galanya dapat Kaulakukan. Edarkanlah cawan ini daripada-Ku. Namun demikian, bukanlah kehendak-Ku tetapi kehendak-Mu yang terlaksana."

### Aktiviti:

Mainkan Kisah Multimedia – Taman Getsemani.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Multimedia.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 9 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Taman Getsemani.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Yesus memberitahu Petrus bahawa dia akan menyangkal Tuannya tidak lama lagi. Yesus berkata demikian supaya Petrus kemudiannya boleh mengingati hal tersebut dan bertaubat.
2. Yesus tahu penderitaan yang akan dialami-Nya atas kayu salib, tetapi Dia berserah kepada kehendak Bapa-Nya di syurga.

### Kebenaran Alkitab

Tidak kira betapa sukar, kita dipanggil menunduk kehendak kami kepada Tuhan dan mengikutinya.


### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar memilih Tuhan sewaktu berdepan kesukaran. Tanya mereka apakah kesukaran yang mereka hadapi dan ajaklah mereka berdoa agar Tuhan mengurniakan mereka kekuatan bagi menempuhnya.

## Jawapan Buku Kerja


### Umur 5-6

Mengikuti Tuhan:



### Umur 7-8

Cari: 1. tiga 2. tertidur 3. ciuman 4. menyembuhkan  
Jalan menuju Getsemani:



## Umur 9-10

YESUS TAHU: Palsu; Palsu; Betul

DOA YANG HIBA: Palsu; Betul

PENANGKAPAN: Betul; Palsu

## Umur 11-12

Belajar: Di Taman Getsemani

- 8 Yudas pergi kepada Yesus dan mencium-Nya. Mereka datang menangkap Yesus.
- 2 Dia membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes bersama dan berkata kepada mereka bahawa Dia amat dukacita dan menyuruh mereka duduk dan berjaga ketika Dia berdoa.
- 11 Selepas itu semua orang meninggalkan Yesus dan melarikan diri.
- 6 Setelah Yesus kembali buat kali ketiga, mereka masih tidur. Dia mengejutkan mereka dan memberitahu bahawa waktunya sudah tiba dan Dia akan dikhianati.
- 1 Yesus dan para murid-Nya tiba di suatu tempat yang dinamakan Getsemani dan Dia menyuruh para murid-Nya tunggu sementara Dia berdoa.
- 9 Yudas datang bersama orang yang sangat ramai yang dihantar imam agung dan ahli Taurat dan mereka bersenjatakan pedang dan belantan.
- 5 Yesus dan para murid-Nya tiba di suatu tempat yang dinamakan Getsemani dan Dia menyuruh para murid-Nya tunggu sementara Dia berdoa.
- 10 Petrus menghunus pedang dan menetak telinga salah seorang hamba imam agung.
- 4 Dia pergi berdoa buat kali kedua, berkata kepada Tuhan bahawa jikalau tidak boleh dielakkan cawan penderitaan, maka biarlah terlaksana kehendak Tuhan.
- 7 Yesus enggan mengizinkan mereka berlawan, menyatakan bahawa apa yang tersurat dalam Kitab Suci mesti terlaksana.
- 3 Yesus pergi jauh sedikit lagi lalu merebahkan diri ke tanah, Dia berdoa kepada Bapanya di Syurga, meminta diedarkan cawan penderitaan. Tetapi Dia menambah kata bahawa Dia ingin kehendak Tuhan terlaksana dan bukan kehendak-Nya sendiri.

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Baca Markus 14:27-42

1. B Rujuk Markus 14:29
2. C Rujuk Markus 14:30
3. D Rujuk Markus 13:33
4. A Rujuk Markus 14:37
5. D Rujuk Markus 14:43
6. A Rujuk Markus 14:44-45
7. C Rujuk Markus 14:47
8. E Rujuk Matius 26:53

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Anda rasa apakah yang sedang dilalui Yesus sewaktu Dia berdoa di Taman Getsemani?  
Menurut petikan dalam Markus 14:32-42, kita boleh melihat Yesus gelisah tentang perkara yang bakal berlaku. Hal ini membuktikan bahawa Yesus juga seorang manusia. Walaupun Dia Tuhan dan maha tahu, Dia juga seorang manusia yang menyedari betapa perihnya penderitaan yang bakal dilalui. Akhirnya, Yesus menurut kehendak Tuhan.
2. Bayangkan anda bersama murid-murid Yesus pada malam itu. Sekarang anda memandang Yudas datang dengan sekumpulan askar bersenjata. Apakah perasaan anda?  
Minta para pelajar untuk melakonkan watak. Mereka boleh berlakon sebagai Yudas, Petrus, Yakobus, Yohanes dan seorang wakil Imam Agung. Bayangkan jika mereka bertemu pada malam itu dan seseorang bertanya Yudas mengapa dia mengkhianati Tuhan mereka. Apakah yang akan dikatakan setiap watak?
3. Apa yang kita boleh pelajari tentang Yesus daripada kisah ini dan bagaimanakah kita akan menerapkan pengajaran pada hari ini?  
Perkara untuk dipertimbangkan:
  - Yesus tahu apakah yang bakal terjadi. Namun, dia menyerahkan segalanya kepada Tuhan Bapa.
  - Yesus tidak akan melakukan sebarang perkara di luar kehendak Bapa-Nya. Dia mampu memanggil tentera syurga untuk membantu-Nya. Apa yang mampu sekumpulan askar Roma dan pengawal Bait Tuhan mampu lakukan kepada tentera syurga?
  - Yudas mengikuti Yesus selama tiga tahun, makan di meja yang sama dan menyaksikan keajaiban-Nya. Yesus pasti sedih melihat seorang sahabat karibnya, salah seorang daripada 12 murid terpilih yang akhirnya mengkhianati Dia untuk 30 keping syiling perak.
  - Yesus menyayangi murid-Nya. Dia cuba melindungi murid-murid-Nya dengan meminta askar Roma untuk menangkap diri-Nya dan melepaskan murid-murid-Nya.
  - Yesus patuh kepada kehendak Bapa-Nya.

## Yesus Dihakimi oleh Orang Yahudi

Berdasarkan Bab 20 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus dibawa menghadap Hanas kemudian Kayafas, Imam Agung pada ketika itu. Dia dibicarakan oleh sidang pemerintah Yahudi yang dipanggil Mahkamah Agama untuk mengenakan tuduhan palsu ke atas Yesus. Petrus ditanya oleh orang suruhan Imam Agung lalu menyangkal dia mengenali Yesus. Akhirnya Yesus dituduh menghujat oleh Mahkamah Agama.

### Rujukan Alkitab:

Markus 14:53-72

Cadangan Pembacaan Alkitab - Markus 14:53-72

Ayat Hafalan: 1 Petrus 3:9a “Jangan balas kejahatan dengan kejahatan atau celaan dengan celaan. Sebaliknya balaslah dengan memohon Allah memberkati mereka.”

### Aktiviti:

Mainkan kisah multimedia – Perbicaraan Yesus – dan berhenti sebelum bahagian Yesus menghadap Pilatus, Gabenor Roma.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia 1 to 5.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan 1 dan 2, sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 10 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Perbicaraan Yesus.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Perbicaraan Yesus tidak dilaksanakan dengan adil. Pemimpin orang Yahudi menggunakan saksi yang bercanggah antara satu sama lain. Akhirnya, Yesus dituduh menghujat.
2. Oleh sebab mereka tidak dapat menjatuhkan hukuman mati ke atas Yesus, mereka menghantar-Nya kepada Pilatus, Gabenor Roma.

### Kebenaran Alkitab

Apabila orang perlakukan jahat kepada kita, kit harus meneladani Yesus dan tidak membalas dendam.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar belajar memberi respons kebaikan sewaktu dilayan dengan teruk oleh orang lain.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Tindak balas: "Jangan balas kejahatan dengan kejahatan atau celaan dengan celaan. Sebaliknya balaslah dengan memohon Allah memberkati mereka." 1 Petrus 3:9a

### Umur 7-8

Cari: 1. Palsu 2. Betul 3. Betul 4. Palsu

Peringatan Hikmah:



### Umur 9-10

Cari:

- Berhujat dengan mengisytiharkan dirinya Anak Manusia
- Markus 14:62: "Ya, Akulah Dia. Kamu akan melihat Anak Manusia duduk di sebelah kanan Yang Maha Kuasa, dan datang dalam awan di langit."
- Menafikan dia mengenali Yesus.

### Umur 11-12

Belajar: Imam; ahli-ahli; Petrus; Majlis Agama; membunuh; Kristus; langit; kata-kata kufur; hamba; ayam; kedua.; menangis

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Bahagian 1 Baca Markus 14:53-72

1. A Rujuk Matius 26:57, Markus 14:53 dan Lukas 22:54. Yohanes 18:13 memberikan maklumat tambahan bahawa Yesus dihadapkan kepada Hanas terlebih dahulu, bapa mentua kepada Kayafas, Imam Agung pada waktu itu. Tempat pertemuan mereka tidak dinyatakan, tetapi berdasarkan kenyataan dalam Injil, Yesus mungkin dibawa ke kediaman Kayafas – tempat semua ketua imam dan Imam Agung menunggu untuk melaksanakan perbicaraan tidak sah ini. Hanas mungkin berada berhampiran dan memandangkan dia amat berpengaruh, dia melakukan soal siasat pertama. Butiran ini mungkin terlalu terperinci untuk para pelajar, memandangkan pilihan dalam soalan aneka jawapan, Kediaman Kayafas ialah salah satu pilihan yang tersedia.
2. B -
3. C Rujuk Markus 14:59
4. C Rujuk Markus 14:66-72
5. D Rujuk Matius 27:5

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah saksi-saksi yang membuat kenyataan tentang Yesus di Kediaman Kayafas memberikan kesaksian yang bercanggah antara satu sama lain?

Mereka ialah saksi palsu. (Rujuk Matius 26:60). Apabila manusia memberikan kenyataan palsu tentang perkara yang dilihat, mereka akan memberi butiran tersendiri, oleh itu, kesaksian mereka pasti tidak mampu menyokong sesama sendiri.

2. Apakah tuduhan ke atas Yesus di Kediaman Kayafas dan apakah tuduhan ke atas Yesus sewaktu dia dihadapkan kepada Pontius Pilatus. Adakah tuduhan itu sama? Jika tidak, apakah perbezaannya?

Minta pelajar yang lebih tua untuk membezakan tiga perkara berikut:

- Apakah sebab sebenar ketua imam mahu membunuh Yesus?
- Apakah tuduhan ke atas Yesus sewaktu dia dibicarakan oleh ketua imam di Mahkamah Agama?
- Apakah tuduhan ke atas Yesus sewaktu dia dihadapkan kepada Pilatus?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Sebab sebenar mereka mahu membunuh Yesus boleh ditemui dalam Yohanes 11:34-57.
- Yesus dituduh mengukufuri dan dijatuhkan hukuman maut oleh Mahkamah Agama atau Majlis Pemerintah Yahudi dalam mahkamah semberono seperti yang dijelaskan dalam Matius 26:57-67.
- Namun, orang Yahudi tidak mampu membunuh-Nya tanpa kebenaran kerajaan Roma. Mereka menghadapkan Yesus kepada Pilatus, gabenor Roma dan menuduh-Nya cuba menghasut orang ramai untuk memberontak terhadap Kaisar. Rujuk Lukas 22:1-2 dan Yohanes 19:12.

## Yesus Menghadap Pilatus

Berdasarkan Bab 20 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Orang Yahudi tidak berhak menjatuhkan hukuman maut ke atas Yesus. Jadi, mereka pun menghadapkan-Nya kepada Pilatus, gabenor Roma bagi mendapatkan hukuman itu. Sewaktu Pilatus menyoal Yesus, dia mendapati Yesus tidak bersalah dan tidak layak dijatuhkan hukuman maut. Akan tetapi, orang Yahudi memaksa Pilatus dengan penipuan dan ugutan sehingga Pilatus akur kepada permintaan mereka untuk menyalibkan Yesus. Namun, dia membasuh tangannya di khalayak ramai untuk menunjukkan dia tidak bersalah ke atas penyabitan yang salah itu.

### Rujukan Alkitab:

Yohanes 18:28-19:16; Matius 27:24-26

Cadangan Pembacaan Alkitab - Yohanes 19:16

Ayat Hafalan: 1 Petrus 3:14 "Namun demikian, walaupun kamu menderita kerana melakukan yang benar, kamu akan diberkati."

### Aktiviti:

Mainkan kisah multimedia – Perbicaraan Yesus – bermula di bahagian Yesus menghadap Pilatus sehingga ke penghujung.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia 6 hingga 13.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan 3, 4 dan 5. Selesaikan sebanyak mungkin bergantung masa yang tersedia.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Siapa?: Pontius Pilatus

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 10 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Perbicaraan Yesus.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Pilatus dengan betul menghakimi bahawa Yesus tidak melakukan sebarang jenayah. Tetapi dia takut akan imam-imam yang mengancam untuk menyebabkan rusuhan. Pilatus kemudiannya bersetuju untuk menjatuhkan hukuman mati disalib ke atas Yesus.
2. Apabila Petrus menyedari perbuatannya, dia berasa sangat sedih lalu bertaubat. Sebaliknya, Yudas membunuh dirinya sendiri. Petrus menerima pengampunan, manakala Yudas tidak mendapatkannya.

### Kebenaran Alkitab

Kita harus berani mempertahankan perkara yang benar walaupun orang lain tidak bersetuju dengan kita.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar memperjuangkan kebenaran walaupun orang lain tidak sependapat.

### Umur 7-8

Cari: 1. Pilatus 2. tidak mendapati 3. Barabas 4. tangannya

Carikan:

B	E	R	S	A	L	A	H	D
E	T	U	O	O	Q	E	I	I
G	E	B	B	T	L	A	R	S
E	R	A	K	I	P	Z	E	A
T	A	K	U	T	K	A	T	L
B	J	A	R	I	A	T	L	I
I	A	I	S	I	Y	A	S	B
R	I	Y	R	B	E	S	E	N


1. raja
2. bersalah
3. takut
4. disalib

## Umur 9-10

Celarnya!: (dari kiri ke kanan; dari atas ke bawah) 4, 2, 6, 5, 1, 3.

## Umur 11-12

Belajar:



## Jawapan Kuiz Multimedia

Baca Yohanes 18:28 – 19:6 & Matius 27:24-26

6. A Rujuk Yohanes 18:28
7. B Rujuk Yohanes 18:31
8. A Rujuk Yohanes 18:38
9. E Rujuk Matius 27:19
10. B Rujuk Matius 27:29
11. B Rujuk Matius 27:26
12. B Rujuk Matius 19:13
13. D Rujuk Matius 27:24

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

3. Jelaskan dengan ayat sendiri mengapakah anda berfikir Pilatus berpendapat Yesus tidak melakukan sebarang jenayah?

Points to consider:

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Yesus tidak mengetuai sekumpulan pemberontak. Bukannya menyebarkan keganasan, Dia dan murid-Nya menjelajah ke kawasan desa untuk berkhotbah tentang Berita Baik Tuhan dan melakukan keajaiban untuk menyembuhkan orang.
- Injil Yohanes memberikan maklumat yang paling banyak tentang perbualan antara Pilatus dan Yesus. Yesus memberitahu Pilatus bahawa kerajaan-Nya bukanlah kerajaan dunia. Selepas itu, Pilatus pun yakin Yesus tidak berniat menubuhkan kerajaan duniawi. Dia mengisytiharkan kesimpulannya kepada orang Yahudi dalam Yohanes 18:38, sekali lagi dalam Yohanes 19:4 dan Yohanes 19:6.
- Yohanes 19:12 menjelaskan Pilatus cuba membebaskan Yesus.
- Dalam Matius 27:19, isteri Pilatus berkata dia berfikir Yesus tidak bersalah dan mengalami mimpi ngeri disebabkan-Nya. “
- Hati nurani Pilatus tidak tenang, tetapi ia tidak mencukupi untuk mengubah tindakannya. Dia risau tentang tindakan orang Yahudi sewaktu mengancam akan menuduhnya membantu musuh Kaisar. Hal ini ditulis dalam Yohanes 19:12. Pilatus terpaksa membasuh tangannya di khalayak ramai untuk mengisytiharkan dia tidak bersalah ke atas seorang lelaki tidak bersalah yang dijatuhkan hukuman maut. Hal ini ditulis dalam Matius 27:24. Hal ini penting kerana ia membuktikan Yesus difitnah dan tidak patut dijatuhkan hukuman maut.

4. Apa yang akan anda lakukan sekiranya berada dalam posisi Pilatus? Orang ramai mengugut akan melancarkan rusuhan tetapi anda tidak berfikir lelaki itu bersalah.

Pilatus ialah penjawat awam. Sejarah mengatakan dia pernah ditegur oleh orang atasannya. Kini dia tidak mahu kerjayanya terjejas kerana dituduh membantu musuh Kaisar, tanpa mengira sama ada ia benar atau tidak.

Jelaskan kepada pelajar tentang kepentingan memperjuangkan kebenaran dan mematuhi ajaran Alkitab. Pilatus patut menentukan kebenaran tentang tuduhan orang Yahudi ke atas Yesus. Selepas mendapati Yesus tidak bersalah, dia patut membebaskan-Nya.

5. Apa yang ampu kita pelajar daripada kisah ini dan bagaimanakah kita akan menerapkannya dalam hidup kita?

Rumuskan pengajaran utama daripada soalan-soalan di atas dan daripada buku multimedia.

# Pelajaran 30

## Penyaliban

Berdasarkan Bab 21 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Yesus disalibkan di atas bukit Golgota di luar kota Yerusalem. Dia disalibkan di antara dua orang penjenayah. Para imam mencemuh-Nya. Salah seorang penjenayah turut mencemuh-Nya, tetapi penjenayah yang seorang lagi meminta pengampunan dan menerimanya. Semasa di kayu salib, Yesus memberikan arahan kepada murid-Nya untuk menjaga ibu-Nya.

### Rujukan Alkitab:

Lukas 23:26-43 dan Yohanes 19:24-27

Cadangan Pembacaan Alkitab - Lukas 23:26-43

Ayat Hafalan: Lukas 11:4 "Ampunkanlah dosa-dosa kami, sebagaimana kami mengampuni setiap orang yang bersalah terhadap kami."

### Aktiviti:

Mainkan kisah multimedia – Apa yang terjadi semasa Penyaliban – sehingga Yohanes 19:24-27 sewaktu Yesus bercakap kepada murid-Nya, Yohanes. Hentikan sebelum bahagian – Kematian Yesus di kayu salib.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia 1 - 6.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan 1 dan 2. Selesaikan sebanyak mungkin bergantung pada masa yang tersedia.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 11 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Apa yang berlaku semasa Penyaliban.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Yesus disalib. Para imam dan orang ramai mengejek-Nya. Terdapat dua orang lain yang disalib di sebelah Yesus. Salah seorang daripada mereka mengejek-Nya, tetapi yang satu lagi meminta diampuni. Yesus menjamin pengampunan untuknya.
2. Yesus memberi arahan terakhir kepada murid-murid serta ibu-Nya.

### Kebenaran Alkitab

Ketika digantung kayu salib, Yesus meminta diampuni mereka yang bertanggungjawab menyalib-Nya.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar meneladani contoh Yesus di kayu salib, sewaktu Dia meminta Bapa-Nya untuk mengampunkan orang yang bertanggungjawab ke atas penyaliban-Nya dan memaafkan orang yang menyakiti mereka.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

**Pengampunan:** Cara membuat kraf tangan:

1. Bahan-bahan yang diperlukan: gunting, penebuk lubang, kad seni 5"x7" (aneka warna), kertas berwarna yang mencukupi untuk menggunting bentuk hati, benang, gam dan pen/pen penanda/krayon/pensel warna
2. Gunting bentuk hati daripada kad keras. Selepas itu, surih garis luar bentuk hati pada kertas berwarna.
3. Minta pelajar lebih tua untuk menggunting bentuk hati daripada kertas berwarna.
4. Selepas itu, bantu para pelajar untuk menulis perkataan seperti yang ditunjukkan dalam buku kerja secara jelas menggunakan pen atau pensel warna.

5. Lekatkan bentuk hati (mengikut urutan yang tepat) pada kad seni kemudian minta para pelajar untuk menghiasnya.
6. Akhir sekali, tebuk dua lubang besar di atas setiap kad seni dan masukkan benang melalui lubang tersebut (seperti dalam buku kerja).  
\*Jangan lupa membuat simpulan pada pangkal dan hujung benang.  
\*Tidak wajib: lekatkan kad seni dengan benang pada stesen kad seni.
7. Gantungkannya di penjuru Sekolah Minggu atau benarkan para pelajar membawanya pulang.

**Pada Kayu Salib:** "Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan."

## Umur 7-8

**Cari:** 1. tengkorak 2. dua 3. pakaian 4. koyak  
**Tafsirkan:** YA BAPA, AMPUNILAH MEREKA KERANA MEREKA TIDAK TAHU APA YANG DILAKUKAN MEREKA.

## Umur 9-10

**Pada waktu penyaliban:**

1. tengkorak 2. ampunilah 3. diselamatkan  
4. masam 5. Orang Yahudi 6. Raja  
7. takut 8. setimpal 9. kerajaan 10. Firdaus

**Kayu Salib:**

1. Sediakan 3 keping kayu: 1 panjang & 2 sama panjang (lebih pendek).
2. Sediakan 1 reben/tali merah untuk setiap pelajar.
3. Gunakan gam UHU atau pelekat yang kuat untuk melekatkan 2 keping kayu lebih pendek pada kayu yang lebih panjang. Akhir sekali, lekatkan reben/tali merah pada bahagian atas kayu yang lebih panjang.

## Umur 11-12

**Belajar:** 1. Kirene  
2. Kayu Salib  
3. Ampunilah  
4. Mengejek  
5. Raja  
6. Bersalah  
7. Firdaus  
8. Tengkorak  
9. Undi  
10. Penjenayah

## Jawapan Kuiz Multimedia

Baca Lukas 23:26-43 dan Yohanes 19:23-24

1. E Rujuk Matius 27:32 dan Lukas 23:26. Markus 15:21 turut menyebut dua orang anak lelaki Simon, Aleksander dan Rufus, mungkin menunjukkan mereka mengenali kedua-dua orang itu.
2. B Rujuk Lukas 23:33
3. C Rujuk Lukas 23:33
4. D Rujuk Lukas 23:38
5. E Rujuk Lukas 23:43
6. E Rujuk Yohanes 19:23-24

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Berdasarkan kisah yang diceritakan dalam Alkitab, bagaimanakah perasaan penduduk Yerusalem sewaktu Yesus disalibkan? Apakah reaksi-reaksi yang mungkin terjadi?

Banyak khutbah telah diberikan tentang hal ini. Kami tawarkan beberapa rumusan penting:

- Kejadian itu pasti menimbulkan kekecohan di Yerusalem berdasarkan perbualan dua orang murid dalam perjalanan ke Emaus. Baca kata-kata mereka dalam Lukas 24:13-24.
- Kejadian itu berlaku pada hujung minggu Paskah – peristiwa paling penting dalam kalendar Yahudi, sewaktu lelaki Yahudi di seluruh Israel dan diaspora diwajibkan untuk mengunjungi Yerusalem. Yerusalem pasti sesak pada ketika itu.

- Ramai orang yang menyaksikan Yesus membangkitkan Lazarus daripada kematian sedang menunggu-Nya di Yerusalem dan mahu menjadikan Dia seorang raja. Baca Yohanes 11:55; Yohanes 12:12-17.
- Namun, itu tidak bermaksud mereka benar-benar mempercayai Kristus. Ramai antara mereka mudah dipengaruhi ketua imam untuk mendesak Yesus untuk dibunuh seperti yang ditulis dalam Matius 27:20-25. Oleh itu, walaupun kita pergi ke gereja, kita perlu bertanya kepada diri sendiri, adakah kita pergi ke gereja kerana ia mudah dilakukan atau adakah kita benar-benar mempunyai hubungan peribadi bersama Tuhan Yesus.
- Sesetengah orang bersikap sinis. Matius 27:39-41 mengatakan ramai antara mereka yang menghina Kristus semasa Dia disalibkan. Mereka berkata, "Turunlah dari kayu salib itu kalau engkau Anak Tuhan!"
- Ramai orang yang amat sedih. Mereka meratapi-Nya seperti yang direkodkan dalam Lukas 23:27.
- Tanya para pelajar apakah reaksi kita kepada kematian dan kebangkitan Kristus. Adakah kita akan bersikap sinis, bersedih atau seperti murid-murid-Nya yang melarikan diri ketakutan?
- Bagi umat Kristian, penyaliban dan kebangkitan Mesias adalah peristiwa paling penting dalam sejarah dunia. Ia menandakan detik penting dalam rancangan Tuhan bagi menyelamatkan manusia.
- Selepas para murid bertemu dengan Kristus yang telah dibangkitkan dan memahami kejayaan Yesus dalam melalui penderitaan itu, mereka menjadi murid dengan misi.

2. Apakah pengajaran yang boleh kita pelajari daripada perbualan dua orang penjenayah itu dan Yesus?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Pada asalnya, kedua-dua penjenayah mengejek Yesus, seperti yang direkodkan dalam Matius 27:44.
- Tidak lama kemudian, seorang daripada mereka berkata, "Bukankah Engkau Kristus? Selamatkanlah diri-Mu dan kami!" dalam Lukas 23:39.
- Namun, perompak seorang lagi akhirnya berubah hati. Mungkin kerana dia melihat atau mendengar kata-kata Yesus di kayu salib. Lukas 23:40-43 memberitahu kita bahawa penjenayah kedua itu memarahi penjenayah yang seorang lagi, mengakui kesalahannya dan meminta Yesus agar mengingatkannya. Yesus berkata kepada dia, "Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, pada hari ini juga engkau akan bersama-Ku dalam Firdaus." (Lukas 23:43)
- Pengajaran di sini ialah sekiranya kita merendahkan diri, mengakui dosa dan meminta pengampunan Yesus secara ikhlas, Dia akan mengampunkan kita.

# Pelajaran 31

## Jam Selepas Penyaliban

Berdasarkan Bab 21 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Bahagian ini membincangkan tempoh selepas kematian Yesus di kayu salib. Penulis kitab Injil memberikan beberapa butiran dan apabila kita menyelidikinya, kita mampu melihat Yesus benar-benar mati di kayu salib dan peristiwa ini disusuli petanda ajaib daripada Tuhan untuk membuktikan Yesus sememangnya Anak Tuhan.

### Rujukan Alkitab:

Matius 27:45-61 dan Yohanes 19:30-37

Cadangan Pembacaan Alkitab - Matius 27:45-54

Ayat Hafalan: 1 Petrus 2:24 "Dia menanggung dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk kebenaran. Luka-luka-Nya telah menyembuhkan kamu."

### Aktiviti:

Mainkan kisah multimedia – Apa yang berlaku semasa Penyaliban – sehingga selesai.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia 7 - 14.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan 3, 4 dan 5. Lakukan sebanyak mungkin sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 11 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Apa yang berlaku semasa Penyaliban.

### Pengajaran Daripada Cerita

- Kejadian-kejadian yang berlaku sejeurus sahaja Yesus mati di atas kayu salib membuktikan bahawa Dia benar-benar Anak Tuhan.
- Tusukan lembing seorang askar mengesahkan bahawa Yesus sudah mati sebelum mereka menurunkan jasadnya untuk dikebumikan.

### Kebenaran Alkitab

Kematian Yesus melunaskan bayaran dosa kita. Kita perlu mempercayai dan menaruh iman terhadap-Nya bagi menerima pengampunan dosa.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar bersyukur kepada Tuhan kerana menghantar Yesus bagi membayar dosa kita dan menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat mereka.

## Jawapan Buku Kerja


### Umur 7-8

**Cari:** 1. koyak 2. Benarlah Dia Anak Allah! 3. linen; rempah-rempah  
**Fikir:**

- Itu adalah ungkapan amat pilu apabila Yesus menanggung segala dosa dunia dan dipisahkan daripada Tuhan.
- supaya kita tidak perlu dipisahkan buat selama-lamanya daripada Tuhan.
- tirai di Bait Tuhan terbelah dua dari atas ke bawah; bumi bergoncang dan batu-batu terbelah; kubur-kubur terbuka dan banyak jenazah orang salih dihidupkan semula; seluruh tanah diliputi kegelapan

### Umur 9-10

Di atas kayu salib:



**Fikir:** Rujuk Fikir bagi Umur 7-8

## Umur 11-12

Belajar: kegelapan; tinggalkan; span; Elia; selesai; roh; Bait Tuhan; gempa bumi; Anak; Pilatus; mematahkan; lembing; Yusuf; Nikodemus; batu

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Baca Matius 27:45-61 dan Yohanes 19:30-37

- |   |  |
|---|--|
| 7. A Rujuk Matius 27:45   | 11. E Rujuk Yohanes 19:33  |
| 8. C Rujuk Matius 27:45   | 12. A Ini sekadar inferens kerana ia direkodkan dalam Yohanes 19:34 yang ditulis oleh Rasul Yohanes. |
| 9. D Rujuk Matius 27:51-53  | 13. C Rujuk Matius 27:57 dan Yohanes 19:38.  |
| 10. E Ini sekadar implikasi kerana keesokan harinya ialah hari Sabat dan hari berikutnya ialah hari Isnin. Hal ini ditulis dalam Matius 28:1. | 14. A Rujuk Yohanes 19:39  |

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

### 3. Bagaimanakah sikap para askar terhadap Yesus berubah semasa penyaliban dimulakan berbanding selepas kematian Yesus di kayu salib?

Reaksi para askar di kayu salib mencerminkan reaksi orang ramai apabila berhadapan dengan Injil. Beralih daripada pertentangan yang sinis kepada penerimaan rendah diri oleh seorang askar – ketua tentera. Sewaktu berhadapan dengan Injil Yesus, apakah reaksi yang patut kita berikan?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Matius 27:27-31 mengatakan mereka menghina Yesus dan bersikap kejam terhadap-Nya.
- Sesetengah askar itu sekadar melaksanakan tugas mereka. Selepas memakukan Yesus pada kayu salib, mereka membahagikan pakaian-Nya dan mencabut undi untuk menentukan pemiliknya (Matius 27:35).
- Sesetengah orang mungkin mengasihani-Nya.
  - o Mereka meminta seorang lelaki bernama Simon dari Kirene untuk membantu Yesus memikul kayu salib (Markus 15:21).
  - o Mereka menawarkan-Nya wain bercampur mir (Markus 15:23).
- Mereka pasti telah melihat cara orang Yahudi dan para imam menghina Yesus semasa Dia disalibkan. Yesus tidak membalas hinaan mereka kepada-Nya. (Matius 27:39-44).
- Mereka pasti telah menyaksikan perbualan antara Yesus dan dua orang penjenayah yang disalibkan bersama-Nya (Lukas 23:39-43).
- Mereka menyaksikan perbualan antara Yesus dengan Yohanes, Dia prihatin tentang ibu-Nya walaupun Dia sedang menderita di kayu salib. (Yohanes 19:25-26).
- Mereka pasti telah menyaksikan “Dari jam yang keenam hingga jam kesembilan, seluruh negeri itu diselubungi kegelapan.” (Matius 27:45).
- Mereka pasti telah menyaksikan kata-kata Yesus kepada Bapa-Nya; meminta Tuhan Bapa agar mengampunkan “mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka.” (Lukas

23:34). Mereka pasti mendengar seruan Yesus kepada Tuhan, “Eli, Eli, lama sabakhtani?” maksudnya “Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Kautinggalkan Aku?” (Matius 27:46).

- Selepas kematian Yesus, gempa bumi yang kuat pun terjadi dan membuat banyak kubur terbuka (Matius 27:52). Ketua askar itu dan askar-askarnya menjadi takut!
- Namun, dalam Matius 27: 54 dan Markus 15:39, direkodkan bahawa hanya ketua askar itu yang berkata, “Benarlah Dia Anak Allah!”
- Majoriti askar yang menyaksikan semua tanda ini tetap tidak percaya. Hanya seorang askar yang akhirnya mengakui Yesus.
- Kita perlu mengakui Yesus dan menyembah-Nya.

### 4. Mengapakah penulis Injil menulis kisah penyaliban itu secara terperinci seperti tirai yang terbelah dua dan lembing yang ditusuk? Bolehkah anda menulis senarai butiran yang terdapat dalam setiap Injil dan mentafsirkan maksudnya?

Jangan lupa, matlamat utama penulis Injil ialah membuktikan Yesus ialah Mesias, Anak Tuhan dan dengan mempercayai-Nya, para pembaca akan menerima kehidupan abadi. Oleh itu, kebanyakan butiran yang disertakan berkaitan dengan:

- Menunjukkan kematian Yesus menggenapi nubuat Perjanjian Lama. Contohnya:
  - Matius 27:34 menggenapi Mazmur 69:21.
  - Matius 27:35 menggenapi Mazmur 22:18.
  - Yohanes 19:36 menggenapi Keluaran 12:46, Bilangan 9:12 dan Mazmur 34:20.
- Ada banyak lagi. Minta pelajar lebih matang (11-12 tahun) untuk mencari contoh lain.
- Menunjukkan Yesus benar-benar mati di kayu salib. Ramai orang tidak percaya mendakwa Yesus tidak mati dan menuduh umat Kristian menipu. Oleh itu, penulis Injil memberikan butiran tentang kematian Yesus untuk membuktikan kebangkitan itu sememangnya keajaiban Tuhan. Contoh-contoh lain:
  - Yohanes 19:33-34 mengatakan askar mengesahkan Yesus sudah mati dan menggunakan lembing untuk menikam tubuhnya. Air dan darah pun mengalir. Ramai pakar perubatan mengatakan mangsa telah mati dan ia mungkin berpunca daripada jantung terhenti.
  - Markus 15:21 menamakan anak-anak Simon dari Kirene sebagai Aleksander dan Rufus. Menurut sesetengah pengulas, butiran ini disertakan kerana mereka dikenali oleh umat Kristian dahulu. Rufus disebut oleh Paulus dalam Roma 16:13, tetapi kita tidak pasti sama ada dia orang yang sama.
  - Menunjukkan tanda-tanda ajaib berkenaan kematian Yesus di kayu salib.
    - Gempa bumi dan kubur terbuka.
    - Kegelapan menyelubungi pada waktu tengah hari.
    - Tirai Bait Tuhan yang koyak “dari atas ke bawah”.
    - Minta pelajar lebih matang untuk mencari butiran lain.

### 5. Apakah kesan kisah ini kepada kehidupan kita dan apakah sikap yang patut kita miliki di hadapan Tuhan?

Selepas menyelidiki semua bukti yang ditulis oleh penulis Injil, apakah respons kita terhadap Injil? Jika kita berkata kita mempercayai Yesus, apakah kesannya terhadap kehidupan kita dan sikap kita terhadap Tuhan? Minta setiap pelajar untuk berkongsi pendapat dan perasaan.

# Pelajaran 32

## Kebangkitan

Berdasarkan Bab 22 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Pihak berkuasa Yahudi takut para murid akan mencuri mayat Yesus lalu mendakwa Dia masih hidup. Mereka meminta Pilatus mengarahkan pengawal untuk menutup dan melindungi makam itu. Yesus dibangkitkan pada hari ketiga. Gempa bumi terjadi dan batu itu pun tergolek. Para wanita melihat-Nya dahulu, disusuli oleh murid-murid dan akhirnya Tomas.

### Rujukan Alkitab:

Matius 27:62-66; 28:1-10 dan Yohanes 20:3-29

Cadangan Pembacaan Alkitab - Matius 28:1-10

Ayat Hafalan: Kisah Para Rasul 2:32 "Allah telah membangkitkan Yesus ini dan kami semua menyaksikannya."

### Aktiviti:

Mainkan kisah multimedia – Kebangkitan. Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan. Selesaikan sebanyak mungkin sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 12 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Kebangkitan.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Pihak berkuasa orang Yahudi meminta Gabenor Roma supaya menghantar sepasukan askar untuk memeterai serta mengawal kubur Yesus. Pasukan askar ini ditugaskan untuk menghalang pencuri biasa ataupun murid Yesus daripada mencuri jenazah Yesus.
2. Yesus bangkit pada hari ketiga selepas penyaliban-Nya. Gempa bumi yang dahsyat berlaku dan malaikat menampakkan diri.

### Kebenaran Alkitab

Tuhan membangkitkan Yesus sepertimana dijanji-Nya dalam Firman-Nya.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar didorong kerana Tuhan mampu menggenapi janji-Nya.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6


Yesus tiada di dalam kubur:

Tuhan membangkitkan Yesus... Kis 2:32

### Umur 7-8

Cari: 1. Betul 2. Palsu 3. Betul

Jalan menuju ke Makam Yesus:



## Umur 9-10

Yesus tiada dalam makam lagi:



## Umur 11-12

Respons:

1. Jawapan yang betul ialah - Mereka tidak mahu para murid Yesus datang mencuri jenazah-Nya.
2. Tidak
3. Batu tersebut terlalu berat untuk mereka alihkan.
4. Tidak
5. Ya
6. Dia harus pergi ke Yerusalem dan menanggung banyak penderitaan daripada pihak pemimpin masyarakat, ketua imam, dan ahli Taurat. Dia akan dibunuh, tetapi pada hari ketiga akan dibangkitkan semula. Matius 16:21

## Jawapan Kuiz Multimedia

### Baca Matius 27:62-66

1. B Rujuk Matius 27:64. Ini ialah dakwaan palsu pihak berkuasa. Murid-murid Yesus ialah rakyat biasa yang tidak bersenjata dan melarikan diri sewaktu Yesus ditangkap.
2. D Rujuk Matius 27:65-66.
3. E Rujuk Matius 28:1
4. D Rujuk Matius 28:2
5. A Rujuk Matius 28:5. Jika kuiz multimedia interaktif menunjukkan pilihan D sebagai jawapan yang tepat, ini ialah ralat pemrograman. Jawapan yang betul ialah A. Kami minta maaf atas kesilapan ini.

### Baca Yohanes 20:3-18

- |                           |                           |
|---------------------------|---------------------------|
| 6. D Rujuk Yohanes 20:3-4 | 10. B Rujuk Yohanes 20:25 |
| 7. E Rujuk Yohanes 20:4-6 | 11. C Rujuk Yohanes 20:28 |
| 8. C Rujuk Yohanes 20:15  | 12. D Rujuk Yohanes 20:29 |
| 9. E Rujuk Yohanes 20:24  |                           |

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Anda rasa mengapakah hanya kaum perempuan yang mengunjungi makam itu pada awal pagi hari Ahad?

Beberapa hal untuk dipertimbangkan:

- Para lelaki mungkin keliru dan takut ditangkap.
- Para perempuan menunjukkan dedikasi mereka untuk menyiapkan proses pengebumian kerana mayat Yesus dikebumikan sebelum menjelang hari Sabat.

2. Mengapakah pihak berkuasa Yahudi takut para murid akan mencuri mayat Yesus?

Jawapan diberikan dalam Matius 27:62-64. Memang penuh ironi kerana musuh Yesus ingat Dia pernah berkata Dia akan bangkit tetapi murid-muridnya terlupa.

3. Anda rasa apakah perasaan para pengawal sewaktu merasakan gempa bumi dan ternampak malaikat turun dari langit?

Mereka pasti ketakutan kerana mereka "mengegetar dan menjadi seperti mayat" atau mengegetar dan pengsan seperti yang ditulis dalam Matius 28:4.

4. Mengapakah Petrus dan Yohanes berlari ke makam itu manakala murid yang lain tidak berganjak?

Kita tidak tahu sebab murid yang lain tidak berganjak. Alkitab tidak menyatakan sebabnya. Namun, kita boleh bertanya pendapat para pelajar.

Beberapa perkara untuk dipertimbangkan:

- Mereka bimbang pihak berkuasa Yahudi masih memburu dan mahu menangkap mereka. Kebimbangan ini memang berasas kerana Alkitab mengatakan pihak berkuasa Yahudi takut murid-murid Yesus akan mencuri mayat-Nya dan mengisytiharkan Dia masih hidup.
- Petrus ibarat ketua para murid manakala Yohanes ialah "murid yang dikasihi Yesus" dan jika kata-kata perempuan itu benar, mereka perlu melihatnya sendiri.

5. Anda rasa apakah pengajaran Yesus kepada murid-Nya dan Tomas dalam kisah ini?

Some points to consider:

Beberapa perkara untuk dipertimbangkan:

- Kematian dan kebangkitan Yesus amat penting kepada kepercayaan orang Kristian. Paulus berkata jika kebangkitan itu tidak berlaku, iman kita adalah sia-sia (1 Korintus 15:12-20). Kisah ini bukan sekadar bidalan yang mempunyai maksud tersirat. Yesus Kristus benar-benar bangkit daripada kematian dengan tubuh yang tidak akan mati lagi.
- Yohanes merekodkan kata-kata Tomas sewaktu dia melihat Yesus, "Ya Tuhanku! Ya Allahku!" (Yohanes 20:28). Yesus bukan hanya Mesias, tetapi Dia ialah Tuhan.
- Yesus memberitahu Tomas, "oleh sebab kamu telah melihat-Ku maka kamu percaya. Diberkatilah orang yang percaya walaupun tidak melihat-Ku!" (Yohanes 20:29). Yohanes merekodkan kata-kata Yesus ini demi kebaikan pembacanya (Yohanes 20:30) dan pengikut Yesus pada masa akan datang.
- Kata-kata Tomas membawa Injil Yohanes kepada ayat pembukaannya, "Pada permulaan sudah wujud Firman, dan Firman itu bersama Allah dan Firman itu ialah Allah." (Yohanes 1:1).
- Yesus mengajar Tomas dan muridnya serta umat pada masa hadapan bahawa Dia masih hidup, Dia telah mengalahkan maut dan Dia ialah Tuhan.

# Pelajaran 33

## Sarapan Terakhir

Berdasarkan Bab 23 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Para murid menunggu Yesus di Galilea. Sementara menunggu, mereka kembali kepada pekerjaan lama sebagai nelayan. Selepas semalaman cuba menangkap ikan, mereka tidak berjaya menangkap apa-apa. Pada waktu pagi, mereka bertemu Yesus yang melakukan keajaiban dan membantu mereka menangkap ikan yang banyak. Selepas itu, Dia pun memulihkan Simon Petrus dan mengamanahkan dia untuk memimpin dan menjaga para pengikut-Nya.

Pada penghujung petikan ini, penulis Injil Yohanes menjelaskan sebab dia merekodkan semua peristiwa ini.

### Rujukan Alkitab:

Yohanes 21 dan Yohanes 20:30-31

Cadangan Pembacaan Alkitab – Yohanes 21:15-24

Ayat Hafalan: Mazmur 103:8 “Tuhan penuh belas kasihan dan kasih kurnia, panjang sabar serta melimpah kasih-Nya.”

### Aktiviti:

Mainkan kisah multimedia – Sarapan Terakhir.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan. Lakukan sebanyak mungkin sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 12 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Sarapan Terakhir.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Yesus melantik kembali Simon Petrus sebagai murid-Nya dan ketua para pengikut-Nya.
2. Yohanes menerangkan sebab mengapa dia mencatatkan segala peristiwa tersebut.

### Kebenaran Alkitab

Tuhan begitu mengasihi kita sehingga Dia tidak putus ikhtiar dengan kita walaupun kita berdosa terhadap-Nya.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar yakin bahawa Tuhan amat menyayangi mereka dan sentiasa mengampunkan mereka sekiranya mereka bertaubat.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 7-8

Cari:

1. MEMANCING
2. ROTI; IKAN
3. MENGASIHI
4. DOMBA-DOMBA



### Umur 9-10

Sarapan yang indah:

1. pantai 2. Kawan-kawan 3. jala; perahu 4. bersarapan; Yesus; ketiga 5. Mengasihi; domba

Berapa ikan?: 153 ekor ikan ditangkap dengan jala.

Adakah kamu mengasihi-Ku?: tiga; menyangkal; menjaga

### Umur 11-12

Belajar:

Diari Yohanes

Tiberias; memancing; malam; Yesus; kanan; ikan; Petrus

Diari Petrus

terjun; roti; koyak; makan; tiga; mengasihi; ya; anak-anak domba; domba-domba; mengasihi

## Jawapan Kuiz Multimedia

Baca Yohanes 21:1-25 dan Yohanes 20:30-31

1. E Rujuk Yohanes 21:3
2. C Rujuk Yohanes 21:4
3. E Rujuk Yohanes 21:11
4. A Rujuk Yohanes 21:9

5. C Rujuk Yohanes 21:15-17  
 6. B Rujuk Yohanes 21:20 Yohanes sentiasa merujuk dirinya sebagai "murid yang dikasihi Yesus."  
 7. A Rujuk Yohanes 21:18  
 8. E Rujuk Yohanes 20:31

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Anda rasa apakah perasaan Petrus dan murid-murid yang lain pada ketika itu, sebelum Yesus datang kepada mereka?

Tanya para pelajar mengapakah murid-murid Yesus kembali menangkap ikan di Galilea? Mengapakah mereka kembali melakukan pekerjaan lama mereka? Adakah disebabkan mereka bersedih dan hilang arah tuju?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Dalam Markus 14:28; dan Markus 16:7, para murid diarahkan untuk pergi ke Galilea untuk bertemu Yesus selepas Dia dibangkitkan.
- Mereka mungkin kembali ke Galilea dan menunggu Yesus.
- Mereka mungkin menangkap ikan untuk mengisi masa sambil menunggu Yesus.
- Sikap Simon Petrus muncul sekali lagi. Walaupun dia tidak tentu hala dan mungkin rasa bersalah kerana menyangkal Yesus sebanyak tiga kali semasa perbincangan-Nya dilakukan, Petrus menangkap ikan untuk melegakan perasaan.
- Mereka melakukan pekerjaan lama sebagai nelayan dan bukan tugas baharu sebagai "pemancing manusia."

2.

Mengapakah Yesus melakukan keajaiban untuk memberi mereka ikan dan roti?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Keajaiban ini mungkin membantu para murid mengenang pengalaman Simon Petrus dan rakan-rakannya dalam Lukas 5:4-9. Dalam kedua-dua kisah itu, Yesus menunjukkan kuasa-Nya terhadap alam semula jadi kepada para murid-Nya. Bagi bacaan lanjut, rujuk Tyndale Commentary on the Gospel of John.
- Yesus menunjukkan Dia prihatin tentang keperluan fizikal dan emosi mereka. Bekerja sepanjang malam tanpa menangkap sebarang ikan pasti mengecewakan.
- Yesus memberikan mereka satu lagi pengalaman ajaib untuk mengingatkan mereka bahawa Dialah Tuhan, sekiranya mereka masih ragu-ragu, sebelum Dia mengamanahkan mereka untuk membawa Injil ke seluruh dunia.

3.

Bayangkan anda sebagai Simon Petrus. Selepas menyangkal Yesus sebanyak tiga kali, apakah perasaan anda jika Yesus memandang mata anda dan bertanya, "Adakah engkau mengasihi-Ku", bukan sekali tetapi tiga kali?

Bagi pelajar lebih matang (11-12 tahun) anda boleh bercerita dengan lebih terperinci jika anda berfikir mereka boleh menghargainya:

- Inilah bahagian paling intim dan mengharukan dalam Injil; Yesus meneguhkan Petrus dan melantiknya sebagai ketua dan gembala orang percaya.
- Dalam Matius 26:33-35, Petrus mengisytiharkan dia mengasihi Yesus lebih daripada murid-murid lain. Dalam Yohanes 13:37, dia mengisytiharkan dia sanggup berkorban nyawa demi Yesus. Dalam perbincangan itu, dia tidak melakukan kedua-duanya.

Sebaliknya, Yohanes yang berada di sisi Yesus ketika dia disalibkan. Murid yang lain telah melarikan diri.

- Sewaktu Yesus bertanya Petrus, adakah engkau mengasihi-Ku, Dia menggunakan istilah Yunani, Agape (kasih sayang suci yang sanggup berkorban). Sebaliknya, Petrus menjawab dengan istilah Yunani, "Phileo" (kasih sayang antara sahabat).
- Perbualan itu mungkin berbunyi seperti ini:
  - > Yesus memandang Petrus dan berkata, "Simon anak Yohanes, adakah engkau mengasihi-Ku (dengan kasih sayang suci yang sanggup berkorban; lagipun, Petrus berkata dia sanggup mati demi Yesus) lebih daripada murid yang lain (sebelum ini engkau berkata engkau mengasihi Aku lebih daripada murid yang lain)."
  - > Petrus (Teringat dia menyangkal Yesus dan kini bersikap rendah diri) berkata, "Ya, Tuhan, Engkau tahu aku mengasihi-Mu dengan kasih sayang antara sahabat (kasih sayang aku tidak layak dipanggil kasih sayang suci yang sanggup berkorban seperti yang aku katakan dahulu)."
  - > Yesus berkata, "Jagalah pengikut-Ku."
  - > Soalan itu diulangi dengan kata-kata dan jawapan yang sama.
  - > Pada kali ketiga Yesus bertanya Simon, "Adakah engkau mengasihi-Ku?" (kali ini Yesus menggunakan istilah "Phileo") dan Petrus kecil hati kerana Yesus bertanya buat kali ketiga lalu menjawab, "Tuhan maha tahu; aku mengasihi-Mu."
  - > Selepas itu, Yesus memberitahu Petrus tentang perkara yang bakal terjadi. Yohanes memberi ulasan bahawa perkara ini bertujuan untuk menunjukkan kematian-Nya akan membawa kemuliaan kepada Tuhan. Jangan lupa, semasa Yohanes menulis Injil ini, Petrus telah melakukan semua yang Yesus katakan dan mungkin telah dibunuh.

Cabar para pelajar. Jika Yesus bertanya kita hari ini, "Adakah kita mengasihi-Nya lebih daripada segalanya", apakah jawapan kita? Adakah kita mengasihi Yesus lebih daripada segalanya?

4. Bayangkan anda ialah Yohanes atau salah seorang murid yang duduk di sebelah Yesus dan Petrus sambil mendengar perbualan mereka. Apakah pendapat dan perasaan anda?

Soalan ini tiada jawapan tertentu. Tanya para pelajar apakah perasaan mereka jika mereka ialah salah seorang murid Yesus pada ketika itu. Yesus bercakap kepada Petrus di hadapan enam orang murid yang lain. Apakah pesannya bagi murid yang lain?

5. Kata-kata terakhir Yesus kepada Petrus dalam kisah ini ialah "Ikutlah Aku". Anda rasa apakah kesan kata-kata itu kepada Petrus? Apakah kesannya kepada Yohanes? Apakah kesannya kepada anda pada hari ini?

Selepas menerima amanah daripada Yesus, Petrus menerima teguran yang disusuli satu perintah.

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Setiap orang mempunyai panggilan sendiri.
- Setiap orang perlu menjawab panggilan Tuhan untuk mengikut-Nya.
- Mari fikirkan bagaimana atau apakah perintah Tuhan kepada pengikut yang lain.

## Perintah Untuk Memberitakan Injil

Berdasarkan Bab 24 dalam E-Pelajar

### Tema / Rumusan Cerita:

Ketua imam merasuahi pengawal Roma untuk melaporkan mayat Yesus telah dicuri oleh murid-Nya. Yesus memberikan murid-murid-Nya arahan terakhir dan Amanat Agung. Yesus turut mengarahkan mereka untuk menunggu di Yerusalem bagi kedatangan Roh Kudus yang akan menguatkan mereka untuk membawa Injil ke seluruh dunia. Selepas itu, Yesus pun diangkat ke syurga.

### Rujukan Alkitab:

Matius 28:11-20; Lukas 24:44-53; Kisah Para Rasul 1:10-11 dan Lukas 1:1-4

Cadangan Pembacaan Alkitab – Matius 28:16-20

Ayat Hafalan: Matius 28:19-20 “Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku. Baptislah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus. Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman.”

### Aktiviti:

Mainkan kisah multimedia – Amanat Agung dan Pengangkatan.

Cuba Lakukan Soalan Aneka Jawapan dalam Soalan Multimedia.

Bagi pelajar lebih matang, cuba selesaikan Soalan Perbincangan. Selesaikan sebanyak mungkin sekiranya masa membenarkan.

### Persediaan

Berdoalah meminta kebijaksanaan. Baca bab 12 daripada buku multimedia. Pelajari kisah multimedia interaktif – Amanat Agung dan Pengangkatan.

### Pengajaran Daripada Cerita

1. Pihak berkuasa orang Yahudi merasuah askar pengawal Roma untuk menyebarkan laporan palsu bahawa murid Yesus telah mencuri jenazah-Nya dan sedang mengisytiharkan kebangkitan-Nya.
2. Yesus memberikan Amanat Agung kepada para murid-Nya. Mereka harus mengkhabarkan Berita Baik tentang penyelamatan Tuhan ke seluruh dunia dan menjadikan semua orang yang percaya sebagai pengikut Yesus.
3. Yesus menyuruh mereka menunggu kehadiran Roh Kudus yang akan memimpin dan memperkuasai mereka apabila mereka memberitakan ajaran-Nya ke seluruh dunia.

### Kebenaran Alkitab

Kata-kata terakhir Yesus kepada para murid-Nya adalah untuk memberi kesaksian kepada semua orang di seluruh dunia tentang apa yang telah dilakukan Yesus dan mengajar orang bagaimana menjadi pengikut-Nya.

### Objektif, Penerapan dan Doa

Agar para pelajar mematuhi perintah Yesus untuk bersaksi kepada orang lain tentang perkara yang dilakukan-Nya demi mereka.

## Jawapan Buku Kerja

### Umur 5-6

Peranan anda:

1. Dapatkan kertas dan potong bentuk seperti dalam buku kerja.
2. Biarkan pelajar melukiskan watak sendiri (wajah sahaja sudah memadai) pada ruang kosong.
3. Bantu mereka melekatkan kedua-dua hujung agar muat pada jari pelajar. (Cadangan: ikat kedua-dua hujung dengan longgar supaya apabila kelas selesai, mereka boleh melekatkan karya seni pada buku kerja.)

Fotostat, warnakan, gunting dan lekat: Guru boleh bersedia dengan mencetak gambar pada muka surat 39 untuk setiap pelajar.

### Umur 7-8

Cari: 1. murid 2. kuasa

Fotostat, warnakan, gunting dan lekat: Guru boleh bersedia dengan mencetak gambar pada muka surat 39 untuk setiap pelajar.

### Umur 9-10

Cari: (Melintang) 2. dijanjikan (Lukas 24:49);  
5. Baptis (Matius 28:19);  
6. murid (Matius 28:19)

(Ke bawah) 1. Yerusalem  
3. kekuasaan (Matius 28:18)  
4. taat (Matius 28:20)

### Umur 11-12

Belajar:

Segala kekuasaan, baik di syurga mahupun di bumi dan Anak dan Roh Kudus  
Pergilah jadikan dengan kuasa dari tempat tinggi  
Baptislah mereka dengan nama Bapa pemberian yang dijanjikan Bapa-Ku kepadamu  
Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara hingga ke akhir zaman  
Akan akan sentiasa bersamamu telah diserahkan kepada-Ku  
Aku akan mengurniakan yang telah Kuperintahkan kepadamu  
Tunggulah di Yerusalem sehingga kamu diperlengkap semua bangsa murid-Ku

## Jawapan Kuiz Multimedia

Baca Matius 28:11-20, Lukas 24:44-53 dan Kisah Para

Rasul 1:9-11

1. C Rujuk Matius 28:12-13
2. D Rujuk Matius 28:15
3. D Rujuk Matius 28:16
4. E Rujuk Matius 28:19
5. A Rujuk Matius 28:20
6. B Rujuk Kisah Para Rasul 1:10, sila fahami walaupun Amanat Agung diberikan di Galilea, seperti yang direkodkan dalam Matius 28:16, pengangkatan Yesus berlaku di Bukit Zaitun, berhampiran Betania. Rujuk Kis 1:12. Perkara ini mungkin berlaku selepas Amanat Agung diberikan di Galilea.
7. E Rujuk Kisah Para Rasul 1:4
8. C Rujuk Lukas 24:53
9. D Rujuk Lukas 1:1-4
10. D Rujuk Lukas 24:27 Yesus menggunakan Perjanjian Lama untuk menjelaskan nubuat tentang diri-Nya.

## Jawapan Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Walaupun para pengawal tahu permintaan pihak berkuasa Yahudi itu adalah salah, mengapakah mereka tetap melakukannya?

Perkara untuk dipertimbangkan:

- Mereka gagal melaksanakan tugas mengawal makam. Apabila tanah bergegar dan malaikat muncul, para pengawal amat ketakutan sehingga pengsan. Kegagalan melaksanakan tugas mungkin membuat mereka menerima hukuman berat.
- Bekerjasama dengan ketua imam memberikan mereka peluang untuk menyelamatkan nyawa ataupun mengelakkan hukuman berat. Lagipun, mereka turut diberikan "wang yang banyak" atas kerjasama mereka (Matius 28:4-5).

2. Sila terangkan Amanat Agung menggunakan ayat sendiri  
Minta para pelajar menjelaskan pemahaman mereka tentang petikan Matius 28:19-20.

3. Bayangkan anda ada bersama para murid yang mendengar kata-kata Yesus dan memerhatikan-Nya diangkat ke syurga. Apakah perasaan anda?

Minta para pelajar membayangkan diri mereka berada di Bukit Zaitun. Baca Lukas 24:44-51 dan minta mereka membayangkan apakah perasaan mereka jika berada di sana.

4. Bayangkan diri anda sebagai Teofilus. Apakah perasaan anda selepas membaca kisah Injil? Apakah kesannya kepada kehidupan anda hari ini? Adakah anda akan memilih untuk mengikuti Yesus?

Objektif Lukas sama seperti penulis Injil yang lain walaupun mereka menulis dengan gaya yang berbeza. Bagi menyampaikan Injil Yesus Kristus kepada pembacanya. Selepas membaca kisah Injil, tanya para pelajar apakah respons mereka. Adakah mereka akan menerima ajaran Yesus? Ingat, kalau kita sekadar mendengar firman Tuhan tetapi tidak mengamalkannya, kita mungkin menjadi seperti tanah tempat biji benih ditanam tetapi selepas ia bercambah, ia dihimpit duri sehingga tidak tumbuh dengan sihat.

Atau adakah kita akan menjadi seperti tanah keras yang tidak boleh ditanam dan biji benih itu dimakan burung?

Berdoalah agar kita akan menjadi tanah subur tempat biji benih Firman Tuhan boleh bercambah, membesar, kuat dan berbuah.

Selepas membaca kisah Injil, apakah aspek hidup kita yang perlu diperbaiki?

Bagi mereka yang belum menerima Yesus, tanya mereka jika mereka mahu menyerahkan hidup mereka kepada Yesus.

SAMPLE

SAMPLE


# Siri Penjelajahan Visual Alkitab




Kejadian - Pada Mulanya




Musa dan Keluaran




Yosua dan Hakim-Hakim



Cerita Kehidupan Yesus



Kisah Rasul-Rasul Jilid 1



Kisah Rasul-Rasul Jilid 2